

# RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 14 DAN 15, PUTRAJAYA

## PERNYATAAN BERTULIS & PETA CADANGAN





**KANDUNGAN  
RANCANGAN TEMPATAN**





**1.0 PENDAHULUAN**

<b>1.1</b>	<b>Latar Belakang</b>	<b>1-1</b>
<b>1.2</b>	<b>Proses Penyediaan Rancangan Tempatan</b>	<b>1-1</b>
1.2.1	Publisiti Berkaitan Dengan Penyediaan Draf Rancangan Tempatan	1-1
1.2.2	Penyediaan Draf Rancangan Tempatan	1-1
1.2.3	Publisiti Berkaitan Dengan Draf Rancangan Tempatan	1-1
1.2.4	Siasatan Dan Pendengaran Berkenaan Dengan Draf Rancangan Tempatan	1-2
1.2.5	Kelulusan Atau Penolakan Draf Rancangan Tempatan	1-2
1.2.6	Pewartaan Rancangan Tempatan	1-2
1.2.7	Pengubahan, Pemansuhan Dan Penggantian Rancangan Tempatan	1-2
<b>1.3</b>	<b>Bentuk Dan Isi Kandungan Rancangan Tempatan</b>	<b>1-3</b>
<b>1.4</b>	<b>Latar Belakang Kawasan Rancangan Tempatan</b>	<b>1-3</b>
1.4.1	Lokasi	1-3
1.4.2	Akses	1-5
1.4.3	Keluasan	1-5
1.4.4	Topografi Semula Jadi Dan Analisis Kecerunan	1-6
<b>1.5</b>	<b>Blok Perancangan</b>	<b>1-7</b>

**2.0 RANGKA KERJA PERANCANGAN : RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA DAN SEBAHAGIAN DAERAH SEPANG, 1995**

<b>2.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>2-1</b>
<b>2.2</b>	<b>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan</b>	<b>2-1</b>
2.2.1	Dasar Utama	2-1
2.2.2	Dasar Sokongan	2-1
<b>2.3</b>	<b>Penduduk Dan Perumahan</b>	<b>2-1</b>
2.3.1	Dasar Utama	2-1
2.3.2	Dasar Sokongan	2-1
<b>2.4</b>	<b>Perdagangan</b>	<b>2-1</b>
2.4.1	Dasar Utama	2-1
<b>2.5</b>	<b>Industri Perkhidmatan</b>	<b>2-2</b>
2.5.1	Dasar Sokongan	2-2
<b>2.6</b>	<b>Pengangkutan dan Lalu lintas</b>	<b>2-2</b>
2.6.1	Dasar Utama	2-2
2.6.2	Dasar Sokongan	2-2
<b>2.7</b>	<b>Alam Sekitar Dan Jaluran Hijau</b>	<b>2-2</b>
2.7.1	Dasar Utama	2-2
2.7.2	Dasar Sokongan	2-2
<b>2.8</b>	<b>Utiliti Dan Infrastruktur</b>	<b>2-2</b>
2.8.1	Dasar Utama	2-2
2.8.2	Dasar Sokongan	2-2

**3.0 MATLAMAT DAN STRATEGI PEMBANGUNAN**

<b>3.1</b>	<b>Matlamat Rancangan Tempatan</b>	<b>3-1</b>
<b>3.2</b>	<b>Objektif Rancangan Tempatan</b>	<b>3-1</b>
<b>3.3</b>	<b>Konsep Pembangunan</b>	<b>3-1</b>
3.3.1	Identiti Dan Komponen Pembangunan Utama	3-1
3.3.2	Sasaran Penduduk	3-1
3.3.3	Jaringan Jalan	3-1
3.3.4	Keadaan Fizikal Dan Topografi	3-3
3.3.5	Rizab Infrastruktur Dan Utiliti	3-3
3.3.6	Kawalan Alam Sekitar	3-3
<b>3.4</b>	<b>Strategi Pembangunan Sektoral</b>	<b>3-3</b>
3.4.1	Perumahan	3-3
3.4.2	Komersial	3-3
3.4.3	Reka Bentuk Bandar	3-4
3.4.4	Kemudahan Awam	3-4
3.4.5	Industri Perkhidmatan	3-4
3.4.6	Alam Sekitar	3-4
3.4.7	Kawasan Lapang Dan Rekreasi	3-4
3.4.8	Pengangkutan Dan Lalu Lintas	3-5
3.4.9	Infrastruktur Dan Utiliti	3-5

**4.0 PELAN PEMBANGUNAN**

<b>4.1</b>	<b>Peta Cadangan</b>	<b>4-1</b>
<b>4.2</b>	<b>Kelas Guna Tanah</b>	<b>4-4</b>
<b>4.3</b>	<b>Komponen Pembangunan Utama</b>	<b>4-14</b>
4.3.1	Perumahan	4-14
4.3.2	Kemudahan Awam	4-16
4.3.3	Industri Perkhidmatan	4-20
4.3.4	Komersial	4-22
4.3.5	Kegunaan Khas	4-24
4.3.6	Reka Bentuk Bandar	4-26
4.3.7	Alam Sekitar	4-34
4.3.8	Landskap, Kawasan Lapang Dan Rekreasi	4-40
4.3.9	Pengangkutan Dan Lalu Lintas	4-44
4.3.10	Infrastruktur Dan Utiliti	4-55



**SENARAI RAJAH**

Rajah 1-1 : Proses Penyediaan Rancangan Tempatan	1-2
Rajah 1-2 : Konteks Wilayah Koridor Raya Multimedia	1-4
Rajah 1-3 : Pelan Lokasi Kawasan Kajian	1-4
Rajah 1-4 : Kawasan Rancangan Tempatan	1-5
Rajah 1-5 : Topografi Dan Kecerunan	1-6
Rajah 1-6 : Blok Perancangan	1-7
Rajah 3-1 : Pengezonan Umum Guna Tanah	3-2
Rajah 3-2 : Pintu Masuk Utama Dan Rangkaian Pengangkutan	3-2
Rajah 4-1 : Peta Cadangan	4-2
Rajah 4-2 : Pembangunan Sedia Ada Di Kawasan Rancangan Tempatan	4-3
Rajah 4-3 : Kepadatan Perumahan	4-15
Rajah 4-4 : Kemudahan Awam Dan Swasta	4-17
Rajah 4-5 : Industri Perkhidmatan	4-21
Rajah 4-6 : Komersial	4-23
Rajah 4-7 : Kegunaan Khas	4-25
Rajah 4-8 : Vista Dan Paksi	4-27
Rajah 4-9 : Profil Bandar	4-30
Rajah 4-10 : Keratan Rentas A1 – A4	4-31
Rajah 4-11 : Keratan Rentas B1 – B5	4-32
Rajah 4-12 : Ketinggian Bangunan	4-33
Rajah 4-13 : Pelan Pengurusan Alam Sekitar	4-39
Rajah 4-14 : Kawasan Lapang Dan Rekreasi	4-41
Rajah 4-15 : Rangkaian Jalan Raya Dan Sistem Pengangkutan	4-45
Rajah 4-16 : Keratan Rentas Jalan	4-46
Rajah 4-17 : Jenis Kawalan Persimpangan	4-50
Rajah 4-18 : Rangkaian Pejalan Kaki Dan Laluan Basikal	4-51
Rajah 4-19 : Sistem Pengangkutan Awam	4-53
Rajah 4-20 : Elemen TNB dan Telekom	4-56
Rajah 4-21 : Gas	4-58
Rajah 4-22 : Perparitan	4-59
Rajah 4-23 : Pembetulan Dan Retikulasi Air	4-61
Rajah 4-24 : Sistem Pengairan	4-63

**SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1 : Keluasan Kawasan Rancangan Tempatan	1-5
Jadual 1.2 : Keluasan Mengikut Blok Perancangan	1-7
Jadual 4.1 : Guna Tanah Bagi Keseluruhan Kawasan Rancangan Tempatan	4-1
Jadual 4.2 : Kelas Guna Tanah Bagi Blok Perancangan	4-5
Jadual 4.3 : Unit Perumahan Dan Anggaran Penduduk Mengikut Presint	4-14
Jadual 4.4 : Kemudahan-kemudahan Awam Yang Akan Disediakan Di Kawasan Rancangan Tempatan	4-16
Jadual 4.5 : Jumlah Kemudahan Pendidikan Dan Kapasiti	4-18
Jadual 4.6 : Aktiviti Komersial Di Kawasan Rancangan Tempatan	4-22
Jadual 4.7 : Taman Metropolitan	4-40
Jadual 4.8 : Taman Bandaran	4-40
Jadual 4.9 : Taman Tempatan	4-42
Jadual 4.10 : Taman Kejiranan	4-42
Jadual 4.11 : Piawaian Jenis Kawalan Persimpangan Untuk Jaringan Jalan Strategik	4-49



## TERMINOLOGI

APTS	-	Advanced Public Transportation Systems	KLIUC	-	Kuala Lumpur Infrastructure University College
ATIS	-	Advanced Traveller Information Systems	KRM	-	Koridor Raya Multimedia
ATMS	-	Advanced Traffic Management Systems	LRT	-	Light Rapid Transit (Transit Aliran Ringan)
CBD	-	Central Business District	MaSMA	-	Urban Stormwater Management Manual for Malaysia
CCS	-	City Control System	MSC	-	Multi Media Super Corridor
CCTV	-	Closed Circuit Television	NGV	-	Natural Gas Vehicle
CDMPPL	-	Catchment Development and Management Plan for Putrajaya	PAP	-	Project Abandonment Plan
CF	-	Certificate of Fitness	PCP	-	Project Closure Plan
CPTED	-	Crime Prevention through Environmental Design	PE	-	Pencawang Elektrik
CPZ	-	Controlled Parking Zone	PJC	-	Putrajaya Corporation
CUT	-	Common Utility Tunnel	PMU	-	Pencawang Masuk Utama
DCD	-	Development Control Document	PPU	-	Pencawang Pembahagi Utama
DUD	-	Detail Urban Design	PTP	-	Putrajaya Transport Policy
EIA	-	Environment Impact Assessment	RWDP	-	Rain Water Down Pipe
EMAR	-	Environmental Monitoring and Audit Report	SADG	-	Signage Advertisement Design Guideline for Putrajaya
EMCP	-	Environmental Management and Compliance Plan	SIRIM	-	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia
EMG	-	Environmental Management Guideline for Putrajaya	STP	-	Sewage Treatment Plant
EMP	-	Environmental Management Plan	TDG	-	Transport Design Guideline
EMR	-	Environmental Management Report	TIS	-	Transport Intelligent Systems
ERL/CRS	-	Express Rail Link/ Commuter Rail Service	TLK	-	Tempat Letak Kereta
FDG	-	Fencing Design Guideline	TSS	-	Total Suspended Solid
GDC	-	Gas District Cooling	UDG	-	Urban Design Guideline
GFA	-	Gross Floor Area	UNITEN	-	Universiti Tenaga Nasional
GIS	-	Geographic Information System (Sistem Maklumat Geografi)	UTC	-	Urban Traffic Control
GPT	-	Gross Pollutant Trap			
IKRAM	-	Institut Kerja Raya Malaysia			
KL	-	Kuala Lumpur			
KLIA	-	Kuala Lumpur International Airport			



**1.0**  
**PENDAHULUAN**





## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 LATAR BELAKANG

Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dijangka dapat menawarkan kehidupan bandar yang terbaik dari segi peluang pekerjaan, perumahan, rekreasi dan kemudahan awam. Di samping itu, Putrajaya akan menjadi bandar raya yang merealisasikan pembangunan mapan iaitu pembangunan dan penggunaan sumber yang dapat menampung keperluan generasi masa hadapan.

Rancangan Struktur Putrajaya dan sebahagian Daerah Sepang telah disiapkan dan diterima pakai pada 1 November 1995. Keperluan penyediaan Rancangan Tempatan di Putrajaya adalah berdasarkan kepada seksyen 12, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 seperti mana diubah suai menurut Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (pengubahsuaian Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976) 2010 (selepas ini disebut Akta 172) yang memperuntukkan jika suatu Rancangan Struktur telah berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan perlu menyediakan Rancangan Tempatan bagi sebahagian atau keseluruhan kawasan pentadbirannya. Susulan itu, Draf Rancangan Tempatan Presint 14 & 15 telah disediakan mengikut peruntukan di bawah Akta 172.

Rancangan Tempatan merupakan satu dokumen rancangan pemajuan yang mengandungi Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis yang disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan secara terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah di kawasan. Di samping itu, Rancangan Tempatan juga berfungsi untuk menterjemahkan dan melaksanakan dasar-dasar dan cadangan-cadangan umum yang terkandung dalam Rancangan Struktur.

### 1.2 PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN

Proses penyediaan Rancangan Tempatan bagi kawasan Putrajaya adalah termaktub dalam seksyen 12 hingga seksyen 16, Akta 172. Ia telah memperuntukkan Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan yang bertanggungjawab meluluskan pelan dan menjalankan Rancangan Pemajuan di kawasan. Proses penyediaan Rancangan Tempatan melibatkan :-

#### 1.2.1 Publisiti Berkaitan Dengan Penyediaan Draf Rancangan Tempatan - Seksyen 12A, Akta 172

Sebelum penyediaan draf Rancangan Tempatan, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan perlulah mengadakan publisiti berkaitan dengan penyediaan Draf Rancangan Tempatan bagi memaklumkan kepada orang ramai tentang penyediaan Rancangan Tempatan di kawasan berkenaan. Di peringkat ini, orang ramai diberi peluang untuk memberi pandangan dan maklum balas berkenaan dengan matlamat, objektif dan perkara-perkara yang akan terkandung dalam draf Rancangan Tempatan tersebut.


#### 1.2.2 Penyediaan Draf Rancangan Tempatan - Seksyen 12, Akta 172

Di bawah peruntukan Akta 172, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah menyediakan suatu Draf Rancangan Tempatan bagi kawasannya jika sesuatu Rancangan Struktur sedang disediakan atau telah berkuat kuasa. Draf Rancangan Tempatan akan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar dan cadangan-cadangan yang telah digariskan dalam Rancangan Struktur. Penyediaan Rancangan Tempatan memerlukan kefahaman terhadap isu-isu semasa dan potensi pembangunan kawasan Rancangan Tempatan. Seterusnya, peta cadangan dan pernyataan bertulis akan disediakan bagi memberikan panduan dan penerangan secara terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah di kawasannya.

#### 1.2.3 Publisiti Berkaitan Dengan Draf Rancangan Tempatan - Seksyen 13, Akta 172

Selepas penyediaan draf Rancangan Tempatan, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan perlu membuat salinan Draf Rancangan Tempatan untuk pemeriksaan awam bagi satu tempoh yang tidak kurang daripada empat minggu. Tempoh ini mungkin akan dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dengan tidak lebih daripada empat minggu atas permintaan orang awam.





**1.2.4 Penyasatan Dan Pendengaran Berkenaan dengan Draf Rancangan Tempatan – Seksyen 14(1), Akta 172**

Siasatan dan pendengaran berkenaan dengan draf Rancangan Tempatan akan dipengerusikan oleh ‘Orang Berkuasa’ yang dilantik oleh pihak Perbadanan Putrajaya untuk mempertimbangkan rayuan, bantahan dan maklum balas pihak awam ke atas draf Rancangan Tempatan tersebut.

**1.2.5 Kelulusan Atau Penolakan Draf Rancangan Tempatan – Seksyen 15, Akta 172**

Selepas mengambil kira bantahan dan representasi Draf Rancangan Tempatan, draf berkenaan akan dikemukakan kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk kelulusan samada dengan pindaan, tanpa pindaan ataupun menolaknya. Pihak Berkuasa Perancang Tempatan tidak boleh menerima Draf Rancangan Tempatan tersebut jika ianya tidak sejajar dengan Rancangan Struktur.


**1.2.6 Pewartaan Rancangan Tempatan – Seksyen 15 (4), Akta 172**

Draf Rancangan Tempatan yang telah diluluskan tersebut perlu diwartakan. Pewartaan ini perlu disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, di mana satu daripadanya adalah Bahasa Kebangsaan.

**1.2.7 Pengubahan, Pembatalan dan Penggantian Rancangan Tempatan Seksyen 16, Akta 172**

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh membuat pengubahan, pemansuhan atau penggantian ke atas Draf Rancangan Tempatan.

Rajah 1.1 :  
Proses Penyediaan Rancangan Tempatan





### 1.3 BENTUK DAN ISI KANDUNGAN RANCANGAN TEMPATAN

Draf Rancangan Tempatan mengandungi Peta Cadangan yang disokong dengan Pernyataan Bertulis. Peta cadangan merupakan Pelan Perincian Pengezonan Guna Tanah untuk seluruh kawasan kajian.

Peta Cadangan ini perlu disokong dengan Pernyataan Bertulis yang menyatakan Cadangan Pemajuan di kawasan Rancangan Tempatan. Ini termasuk Kelas Kegunaan Guna Tanah (*Use Class Order*) yang menerangkan jenis aktiviti yang dibenarkan mengikut perincian Zon Guna Tanah yang telah ditetapkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya. Ianya disokong dengan pelan subjek, pelan sisip, imej dan rajah yang akan menggambarkan dengan jelas dalam menentukan perincian Peta Cadangan (rujuk carta 1.2). Pernyataan Bertulis Rancangan Tempatan akan menerangkan perkara-perkara seperti berikut :

- i. Pembangunan dan penggunaan tanah;
- ii. Perlindungan dan pemeliharaan fizikal persekitaran;
- iii. Perlindungan kawasan topografi semula jadi;
- iv. Memperbaiki landskap;
- v. Memelihara dan menanam semula tumbuh-tumbuhan;
- vi. Penyediaan kawasan terbuka;
- vii. Perlindungan dan pengindahan bentuk bangunan contohnya ciri-ciri serta reka bentuk bangunan;
- viii. Membentuk sistem komunikasi yang efektif; dan
- ix. Pengurusan lalu lintas.

### 1.4 LATAR BELAKANG KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN



#### 1.4.1 Lokasi

Putrajaya merupakan satu kawasan strategik yang terletak di *Multi-Media Super Corridor* (MSC), kira-kira 37 km dari pusat bandar Kuala Lumpur dan 10 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ia dihubungkan dengan rangkaian jalan tempatan dan jalan persekutuan sedia ada dan dalam perancangan (Rujuk Rajah 1-1). Ia juga dihubungkan dengan pengangkutan rel dari stesen KL Sentral ke KLIA melalui stesen Putrajaya Sentral yang terletak di Presint 7.

Kawasan Rancangan Tempatan ini merangkumi Presint 14 dan 15 yang terletak di bahagian timur Wilayah Persekutuan Putrajaya (Rajah 1-2). Kawasan kajian ini disempadani oleh Presint 12 di barat laut dan Presint 16 di barat daya.

Dari segi pembangunan sekitar, Kawasan Rancangan Tempatan merupakan sebahagian kawasan Putrajaya yang berada dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (KRM). Selain daripada itu, terdapat juga pembangunan Bandar Baru Bangi dan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Tenaga Nasional terletak berdekatan. Pembangunan yang agak pesat di sebelah timur laut kawasan Rancangan Tempatan ini termasuk Institusi Kampus UNITEN, Institusi Pusat Latihan, Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan KLIUC.





Rajah 1-2  
KONTEKS WILAYAH KORIDOR RAYA MULTIMEDIA

Rajah 1-3  
PELAN LOKASI KAWASAN KAJIAN



1.4.2 Akses


Penghubung sedia ada ke Kawasan Rancangan Tempatan adalah melalui Jalan Ayer Itam (Jalan Negeri B13) yang dihubungkan dengan Persiaran Timur dan Lebuh Perdana Timur melalui jalan P14. Persiaran Timur merupakan Jalan Pengagih Utama (*Primary Distributor Road*), manakala jalan P14 sebagai Jalan Pengagih Tempatan (*Local Distributor Road*) dan berfungsi sebagai laluan tempatan bagi Presint 14 dan 15.

1.4.3 Keluasan

Kawasan Rancangan Tempatan ini berkeluasan 608.54 hektar. Keluasan kawasan Presint Diplomatik merupakan sebahagian dari Presint 15. Keluasan kawasan Rancangan Tempatan seperti berikut :

Jadual 1.1 : Keluasan Kawasan Rancangan Tempatan

PRESINT	HEKTAR	PERATUSAN
Presint 14	196.66	32.3
Presint 15	328.64	54.0
(Termasuk Presint Diplomatik)	83.24	13.7
<b>JUMLAH</b>	<b>608.54</b>	<b>100.0</b>




Rajah 1-4  
KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN



1.4.4 Topografi Semula Jadi Dan Analisis Kecerunan

Kebanyakan Kawasan Rancangan Tempatan ini adalah kawasan yang berbukit dengan paras kontur di antara 40 hingga 150 meter dari aras laut. Kebanyakan kawasan berbukit di Presint 14 terletak di sebelah barat kawasan ini dengan bacaan kontur lebih daripada 120 meter daripada aras laut. Manakala bagi Presint 15, kawasan tinggi terletak melintang di tengah-tengah sepanjang kawasan tersebut dengan bacaan kontur melebihi 120 meter daripada aras laut. Bagi Presint Diplomatik terdapat 3 kawasan tinggi berbukit yang utama dengan ketinggian melebihi 125 meter dan terdapat kawasan tinggi sekitarnya dengan bacaan kontur 55 meter sehingga 125 meter daripada aras laut. Kecerunan bagi kawasan Presint Diplomatik secara keseluruhan adalah di antara 15 hingga 30 darjah. Manakala bagi Presint 14 dan 15 adalah di antara 15 hingga 25 darjah.

Bagi kawasan yang mempunyai kecerunan yang kritikal iaitu kecerunan yang melebihi 25 darjah, ia memerlukan pemeliharaan dan pembangunan yang minimum supaya tidak menjejaskan struktur semula jadi kawasan tersebut. Kawasan bercerun digalakkan kepada pembangunan berkepadatan yang lebih rendah seperti guna tanah perumahan sesebuah atau berkembar serta kawasan lapang dan rekreasi. Sebaliknya bagi kawasan yang mempunyai topografi yang landai dan rata adalah dibenarkan pembangunan yang kepadatan lebih tinggi seperti guna tanah perumahan teres, apartmen, komersial dan sebagainya.



Rajah 1-5  
TOPOGRAFI DAN KECERUNAN



1.5 BLOK PERANCANGAN


Pembahagian blok-blok ini adalah berdasarkan kepada beberapa perkara seperti berikut:-

- i. Pembahagian blok perancangan ini masih mengekalkan sempadan bagi Presint 14, Presint 15 dan Presint Diplomatik
- ii. Keadaan fizikal tapak seperti topografi dan ketinggian tapak.
- iii. Jaringan jalan utama ke kawasan Rancangan Tempatan

Keluasan mengikut blok perancangan adalah seperti berikut :

Jadual 1.2 : Keluasan Mengikut Blok Perancangan

BLOK PERANCANGAN	KELUASAN (HEKTAR)
Blok 14A	34.95
Blok 14B	37.71
Blok 14C	21.37
Blok 14D	31.74
Blok 14E	18.60
Blok 14F	10.36
Blok 14G	27.71
Blok 15A (1)	15.84
Blok 15A (2)	8.91
Blok 15A (3)	58.76
Blok 15B	20.44
Blok 15C	22.27
Blok 15D	55.61
Blok 15E	32.14
Blok 15F	24.34
Blok 15G	187.79
<b>JUMLAH</b>	<b>608.54</b>



Rajah 1-6 BLOK PERANCANGAN



**2.0**  
**RANGKA KERJA PERANCANGAN :**  
**RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA &**  
**SEBAHAGIAN DAERAH SEPANG, 1995**





## 2.0 RANGKA KERJA PERANCANGAN : RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA & SEBAHAGIAN DAERAH SEPANG, 1995

### 2.1 PENGENALAN

Rancangan Tempatan Presint 14 dan 15 akan merujuk kepada dasar - dasar Rancangan Struktur Putrajaya dan Sebahagian Daerah Sepang yang telah disediakan pada tahun 1995. Penyediaan objektif, konsep, strategi dan cadangan pembangunan Rancangan Tempatan ini adalah bersandarkan dasar- dasar tersebut.

Dasar - dasar Rancangan Struktur telah dikategorikan mengikut komponen guna tanah yang disokong dengan dasar utama dan dasar sokongan.

### 2.2 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

#### 2.2.1 Dasar Utama

- a. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya akan dibangunkan sebagai Kota Bestari (intelligent city) yang dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan.
- b. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya akan dibangunkan bertemakan konsep Bandar Raya Dalam Taman.

#### 2.2.2 Dasar Sokongan

- a. Satu Badan Khas akan diwujudkan untuk perancangan dan pelaksanaan pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.
- b. Pelan Induk dan Pelan Pembangunan terperinci kawasan Pusat Pentadbiran Putrajaya akan disediakan secepat mungkin.

## 2.3 PENDUDUK DAN PERUMAHAN

### 2.3.1 Dasar Utama

Kawasan perumahan di dalam kawasan perancangan Putrajaya dan Sepang akan dibangunkan berdasarkan konsep 'Unit Kejiranan' yang serba lengkap dengan kemudahan masyarakat dan dengan bentuk yang menggalakkan integrasi sosial antara semua lapisan masyarakat dan bangsa serta masyarakat penyayang.

### 2.3.2 Dasar Sokongan

- a. Satu program perumahan yang sistematik akan dilaksanakan untuk memastikan keperluan perumahan bagi penduduk sasaran kawasan Pusat Pentadbiran dapat dipenuhi.
- b. Pelbagai alternatif reka bentuk dan susun atur perumahan serta kawasan persekitarannya akan dikaji dari segi kesesuaian bentuk/ konsep tersebut dalam perancangan unit kejranaan.
- c. Unit - unit kejranaan akan dirancang secara integrasi dengan rangkaian laluan pejalan kaki dan trek basikal.

## 2.4 PERDAGANGAN

### 2.4.1 Dasar Utama

Satu pusat perdagangan utama dan beberapa pusat bandar kecil akan diwujudkan di kawasan Pusat Pentadbiran Putrajaya.



## 2.5 INDUSTRI

### 2.5.1 Dasar Sokongan

Pembangunan industri tidak dibenarkan dalam kawasan Pusat Pentadbiran.

## 2.6 PENGANGKUTAN DAN LALU LINTAS

### 2.6.1 Dasar Utama

Satu sistem pengangkutan yang cekap, efisien dan efektif yang terdiri daripada rangkaian jalan raya yang komprehensif yang disokong oleh sistem pengangkutan awam pelbagai mod akan disediakan untuk memenuhi keperluan pembangunan Putrajaya dan Sepang.

### 2.6.2 Dasar Sokongan

Beberapa alternatif mod pengangkutan awam akan disediakan untuk kemudahan perjalanan di kawasan Pusat Pentadbiran, dengan tumpuan khas di kawasan pusat.

## 2.7 ALAM SEKITAR DAN JALURAN HIJAU

### 2.7.1 Dasar Utama

- a. Ciri-ciri alam semula jadi akan dikekalkan dengan sebaik mungkin dalam pelaksanaan kawasan pembangunan Putrajaya dan Sepang.
- b. Sistem jalur hijau akan dibangunkan sebagai komponen penting dalam pencapaian konsep Bandar Raya Dalam Taman.

### 2.7.2 Dasar Sokongan

Pembangunan dalam kawasan tadahan sungai di dalam kawasan perancangan akan dikawal dengan efektif untuk memastikan tiada pencemaran air.

## 2.8 UTILITI DAN INFRASTRUKTUR

### 2.8.1 Dasar Utama

- a. Pihak Berkuasa Perancang Tempatan akan menyelaras dengan agensi - agensi berkenaan untuk merancang program penyediaan kemudahan utiliti yang efektif bagi memastikan bekalan utiliti yang berterusan dan mencukupi.
- b. Infrastruktur telekomunikasi yang dapat menyokong pelbagai perkhidmatan telekomunikasi menggunakan saluran sempit dan lebar serta perkhidmatan tetap dan bergerak akan diperkenalkan.

### 2.8.2 Dasar Sokongan


- a. Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan akan memastikan bekalan air yang mencukupi untuk pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya.
- b. Sistem pembedung berpusat akan disediakan bagi menampung keperluan penduduk kawasan Pusat Pentadbiran dan kawasan perancangan secara keseluruhannya.
- c. Sebuah stesen pemindahan (transfer station) akan dirizabkan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal.
- d. Sistem saluran bawah tanah akan dibina di kawasan pembangunan sekitar Pusat Pentadbiran berdasarkan keperluan tanah yang minimum dan "visual impact" keindahan.
- e. Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan akan memastikan bekalan elektrik yang berterusan di samping memastikan perancangan jajaran rintis yang sistematik berdasarkan reka bentuk pembangunan kawasan Pusat Pentadbiran.
- f. Paip gas yang merentasi Kawasan Pusat Pentadbiran akan dinaikkan taraf daripada Kelas 1 dan 3 kepada Kelas 4.



**3.0**  
**MATLAMAT DAN STRATEGI**  
**PEMBANGUNAN**







**3.0 MATLAMAT DAN STRATEGI PEMBANGUNAN**

**3.1 MATLAMAT RANCANGAN TEMPATAN**

Selaras dengan konsep perancangan Putrajaya sebagai Bandar Dalam Taman dan Bandar Bestari, maka matlamat pembangunan kawasan kajian ini adalah :

*”Menjadikan Presint 14 dan 15 sebagai kawasan kediaman utama yang lengkap dengan kemudahan serta suasana kondusif untuk didiami, bekerja dan berekreasi”.*

**3.2 OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN**

Objektif penyediaan Rancangan Tempatan adalah :

- i. Untuk memandu pembangunan selaras dengan keperluan Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172)
- ii. Untuk menyediakan satu rancangan pemajuan yang mempunyai keteguhan undang-undang bagi memastikan proses kawalan pembangunan dibuat selaras dengan keperluan perundangan dan prinsip perancangan yang baik.

**3.3 KONSEP PEMBANGUNAN**

Konsep pembangunan di kawasan Rancangan Tempatan adalah berdasarkan kepada beberapa faktor perancangan seperti berikut :

**3.3.1 Identiti Dan Komponen Pembangunan Utama**

Kawasan Rancangan Tempatan akan dibangunkan berdasarkan kepada identiti dan komponen pembangunan utama yang telah dikenal pasti mengikut presint. Identiti dan komponen pembangunan utama mengikut presint yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut :

- Presint 14 : Kawasan perumahan dan “Park & Ride”
- Presint 15 : Kawasan perumahan dan taman rekreasi
- Presint Diplomatik : Kawasan perumahan kedutaan, pejabat kedutaan dan komersial

Kawasan Presint 14 dirancang sebagai kawasan perumahan yang disokong dengan pusat kemudahan “Park & Ride”. Kawasan Presint 15 pula dirancang sebagai kawasan perumahan yang disokong dengan taman rekreasi seperti Taman Metropolitan dan Taman Bandaran. Presint Diplomatik pula dirancang sebagai Kawasan Kedutaan dengan menyediakan kemudahan pejabat dan perumahan kedutaan yang disokong dengan pembangunan komersial, (Rajah 3.1).


**3.3.2 Sasaran Penduduk**

Sasaran penduduk bagi kawasan Rancangan Tempatan adalah seramai 35,515 orang. Presint 15 disasarkan sebanyak 20,920 penduduk, diikuti Presint 14 dengan 13,845 penduduk dan Presint Diplomatik dengan 750 penduduk. Perancangan susun atur bagi keseluruhan kawasan Rancangan Tempatan akan dirancang sebaik mungkin bagi menampung jumlah penduduk yang telah disasarkan ini.


**3.3.3 Jaringan Jalan**

Jalan masuk utama ke kawasan Rancangan Tempatan adalah melalui Persiaran Timur (Jalan Pengagih Utama) di sebelah barat dan dihubungkan dengan Jalan Pengagih Tempatan iaitu Jalan P14. Jalan masuk sekunder adalah melalui Jalan Ayer Itam (Jalan Negeri – B13) yang terletak di sebelah timur kawasan Rancangan Tempatan dan dihubungkan dengan Jalan P14 (Jalan Pengagih Tempatan), sila rujuk Rajah 3-2.





**Rajah 3-1  
PENGEZONAN UMUM GUNATANAH**



**Rajah 3-2  
PINTU MASUK UTAMA DAN  
RANGKAIAN PENGANGKUTAN**



**3.3.4 Keadaan Fizikal Dan Topografi**

Pembangunan kawasan Rancangan Tempatan akan mengambil kira keadaan topografi dan semula jadi. Kawasan - kawasan yang mempunyai kecerunan kritikal di beberapa kawasan seperti di bahagian tengah Presint 14, sebahagian Presint Diplomatik dan sebahagian besar Presint 15 akan dipelihara dan dibangunkan sebagai taman rekreasi.

**3.3.5 Rizab Infrastruktur Dan Utiliti**

Kawasan rizab infrastruktur dan utiliti akan dikenal pasti untuk membolehkan zon - zon penampungan dan kawasan tadahan yang mencukupi disediakan bagi kawasan pembangunan terutamanya kawasan petempatan dan komersial. Rizab-rizab pembangunan infrastruktur dan utiliti adalah seperti kawasan kolam tadahan air, laluan rintis TNB, rizab jalan dan rizab sungai.

**3.3.6 Kawalan Alam Sekitar**

Kawasan Rancangan Tempatan akan mengenal pasti kawasan pemuliharaan dan pemeliharaan bagi mengawal pencemaran terhadap keadaan semula jadi dan alam sekitar. Kawasan yang memerlukan pemuliharaan dan pemeliharaan adalah seperti badan - badan air, sungai, taman - taman awam dan kawasan kecerunan kritikal (> 25 darjah), zon - zon penampungan yang bersesuaian akan dikenal pasti bagi mengawal pencemaran di kawasan pembangunan seperti perumahan, komersial dan perindustrian

**3.4 STRATEGI PEMBANGUNAN SEKTORAL**

**3.4.1 Perumahan**

i. Susun atur pembangunan perumahan di Kawasan Rancangan Tempatan perlu mengambil kira ke semua faktor yang boleh menggalakkan interaksi sosial di kalangan penduduk termasuklah kemudahsampaian, lokasi dan peletakan kemudahan awam.

- ii. Pembangunan perumahan berdasarkan kepada konsep pembangunan unit kejiranan dengan penyediaan kemudahan awam yang mencukupi dalam jarak pejalan kaki.
- iii. Kawasan perumahan akan disediakan dengan kemudahan asas dan kemudahan awam yang mencukupi bagi menampung keperluan penduduk seperti sekolah, surau, masjid, kedai, balai bomba, stesen bas, rel dan sebagainya.
- iv. Pembangunan perumahan akan mengambil kira faktor pemeliharaan alam semula jadi dan topografi dengan pengurangan kerja - kerja tanah seperti penambakan dan pemotongan bukit.
- v. Kawasan perumahan akan dilengkapi dengan kawasan hijau dan kawasan lapang berkonsepkan jajaran hijau (*Green Continuum*).

**3.4.2 Komersial**

- i. Pusat Komersial Kejiranan disediakan di setiap unit kejiranan kawasan Rancangan Tempatan bagi menampung keperluan penduduk terhadap barangan dan perkhidmatan seperti perniagaan runcit, klinik, institusi kewangan dan sebagainya.
- ii. Satu pusat komersial akan dibangunkan di Presint Diplomatik bagi menampung keperluan kawasan diplomatik dan menawarkan lebih banyak kepelbagaian aktiviti di kawasan Rancangan Tempatan.
- iii. Kawasan pusat komersial akan disokong dengan kemudahan yang mencukupi dan terletak di dalam jarak perjalanan yang bersesuaian bagi penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
- iv. Memastikan peruntukan tempat letak kereta dan kemudahan awam yang mencukupi serta memenuhi keperluan masa hadapan.



### 3.4.3 Reka Bentuk Bandar

- i. Reka bentuk bagi setiap aspek kawasan perumahan, rangkaian jalan raya, kawasan komersial, kemudahan awam dan kawasan rekreasi direka bentuk dengan keunikan tersendiri dengan kesinambungan ciri - ciri jajaran hijau (*Green Continuum*).
- ii. Menerapkan ciri - ciri reka bentuk bandar seperti paksi dan vista, profil bandar dan reka bentuk bangunan bagi mewujudkan pelbagai tarikan kepada Kawasan Rancangan Tempatan.
- iii. Menggalakkan reka bentuk bangunan yang mencerminkan keharmonian semula jadi dan bersesuaian dengan topografi sedia ada bagi memenuhi keperluan konsep pembangunan mampan.
- iv. Menyediakan mercu tanda yang berlandskap dan mempunyai imej mesra alam bagi laluan pintu masuk utama bagi kawasan Rancangan Tempatan.

### 3.4.4 Kemudahan Awam

- i. Menggalakkan interaksi sosial melalui penyediaan rangkaian laluan yang berterusan bagi pejalan kaki, laluan berbasikal dan jalan - jalan sekunder.
- ii. Perletakan bagi kemudahan komuniti seperti sekolah, surau, masjid dan klinik perlulah mempunyai aksesibiliti yang lebih tinggi dan cepat bagi penghuni.
- iii. Mewujudkan hierarki kemudahan komuniti di peringkat presint dan kejiranan.

### 3.4.5 Industri Perkhidmatan

- i. Kawasan Industri Perkhidmatan berbentuk teres dibangunkan dengan konsep kepadatan rendah.
- ii. Menggalakkan zon penampakan berlandskap bagi meningkatkan rangkaian di persempadanan kawasan industri dan pembangunan kejiranan yang bersebelahan.

- iii. Aktiviti yang dibenarkan adalah berbentuk perkhidmatan yang kurang memberi impak negatif kepada alam sekitar seperti membaiki kenderaan, pameran perabot, kelengkapan rumah, kerja-kerja bingkai gambar, pengeluaran minuman dan makanan, gudang dan tempat penyimpanan.

### 3.4.6 Alam Sekitar

- i. Mengekalkan kualiti dan kesejahteraan alam sekitar kawasan - kawasan perumahan, komersial dan institusi.
- ii. Mempertingkatkan kualiti alam sekitar dan mencegah semua jenis pencemaran.
- iii. Mengekalkan dan melindungi kawasan - kawasan alam sekitar yang sensitif serta kawasan yang mempunyai nilai estetika yang unik.
- iv. Mengekalkan nilai - nilai alam sekitar dan pemeliharaan ekosistem Taman Rimba Alam dalam perancangan dan pengurusan kawasan tapak semasa peringkat pembinaan dan operasi.

### 3.4.7 Kawasan Lapang Dan Rekreasi

- i. Kawasan atas bukit harus dikekalkan sebagai kawasan lapang yang penting bagi aktiviti - aktiviti rekreasi, di samping menjalani pengekalan dan pemulihan perhutanan di kawasan ini.
- ii. Kawasan lembah bukit amat penting sebab ia merupakan kawasan takungan air hujan semula jadi dan adanya potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi.
- iii. Vegetasi semula jadi sedia ada yang merangkumi majoriti kawasan pembangunan mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan menjadi kawasan aktiviti rekreasi dalam suasana hutan semula jadi.
- iv. Rangkaian landskap dengan integrasi elemen landskap kejur dan landskap lembut harus menyediakan satu rangkaian hubungan berterusan yang teduh untuk keselesaan pejalan kaki dan pengguna basikal.



### 3.4.8 Pengangkutan Dan Lalu Lintas

- i. Membantu mencapai matlamat 70 peratus dari semua perjalanan ke kawasan Pusat Bandar Putrajaya menggunakan mod pengangkutan awam.
- ii. Mengutamakan dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan *Park and Ride* untuk pemandu-pemandu ke pusat bandar Putrajaya.
- iii. Menyediakan hierarki jaringan jalan raya yang cekap, efektif dan memenuhi keperluan masa hadapan.

### 3.4.9 Infrastruktur Dan Utiliti

- i. Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan haruslah merancang bersama agensi yang berkaitan untuk memastikan bekalan air yang mencukupi untuk seluruh pembangunan Putrajaya.
- ii. Sistem Pembetungan Berpusat (Centralised Sewerage System) haruslah disediakan bagi keperluan penduduk.
- iii. Sistem saliran bawah tanah haruslah dibina bagi meminimumkan kegunaan tanah dan menambah kecantikan kawasan.
- iv. Infrastruktur telekomunikasi yang menyeluruh, mudah dinaiktarafkan dan serasi dengan sistem telekomunikasi yang lain seperti penggunaan internet dan jaringan keselamatan tempatan (*local security network*) haruslah diperkenalkan.
- v. Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan mestilah merancang bersama agensi yang berkaitan untuk memastikan bekalan elektrik yang berterusan selain menentukan rangkaian pembahagian yang sistematik.
- vi. Sistem pengairan disediakan bagi kawasan landskap awam dengan menggunakan sumber air yang ekonomik dan mesra alam.



**4.0**  
**PELAN PEMBANGUNAN**





4.0 PELAN PEMBANGUNAN

4.1 PETA CADANGAN

Peta Cadangan bagi Presint 14 dan 15 (termasuk Presint Diplomatik), Putrajaya adalah sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 4.1. Secara dasarnya, pelan yang disediakan ini memerihalkan corak guna tanah yang dicadangkan selaras dengan dasar - dasar Rancangan Struktur Putrajaya dan Sebahagian Daerah Sepang.

Kawasan Rancangan Tempatan ini akan dibangunkan berdasarkan kepada konsep "Bandar Dalam Taman". Ini adalah selaras dengan cadangan guna tanah yang mana Kawasan Lapang dan Rekreasi merupakan guna tanah utama yang meliputi 38.74 peratus (235.75 hektar) dari keseluruhan keluasan kawasan Rancangan Tempatan, diikuti dengan Infrastruktur dan utiliti (29.29%), perumahan (17.40%), kemudahan awam (6.46%), kegunaan khas (6.17%), komersial (1.54%) dan industri perkhidmatan (0.39%) sebagai mana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1, Rajah 4.1 dan Rajah 4.2.

Jadual 4.1 : Guna Tanah Kawasan Rancangan Tempatan

GUNA TANAH UTAMA	GUNA TANAH	UNIT/PLOT	KELUASAN HEKTAR	PERATUS (%)
Perumahan	Kepadatan Rendah	209	16.16	2.66
	Kepadatan Sederhana	2,441	59.54	9.78
	Kepadatan Sederhana Tinggi	569	8.48	1.39
	Kepadatan Tinggi	3,884	21.69	3.56
	<b>Jumlah Kecil</b>	<b>7,103</b>	<b>105.87</b>	<b>17.40</b>
Komersial	Pusat Separa Komersial	227	6.98	1.15
	Pusat Komersial Kejiranan	3	2.42	0.40
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>9.40</b>	<b>1.54</b>
Industri	Industri Perkhidmatan	1	2.40	0.39
	<b>Jumlah Kecil</b>	<b>1</b>	<b>2.40</b>	<b>0.39</b>
Kemudahan Awam	Kompleks Sekolah	2	12.09	1.99
	Sekolah Rendah	1	2.48	0.41
	Sekolah Antarabangsa	1	4.53	0.74
	Tadika	5	1.05	0.17
	Masjid	1	1.60	0.26
	Surau	5	1.34	0.22
	Kelab Rekreasi	2	2.44	0.40
	Kompleks Unit Polis Berkuda	1	3.97	0.65
	Balai Bomba	1	1.29	0.21
	Pusat Kejiranan	2	7.44	1.22
	Padang Bola dan Pusat Rekreasi	1	1.10	0.18
	<b>Jumlah Kecil</b>	<b>22</b>	<b>39.33</b>	<b>6.46</b>

GUNA TANAH UTAMA	GUNA TANAH	UNIT/PLOT	KELUASAN HEKTAR	PERATUS (%)
Kawasan Lapang & Rekreasi	Taman Metropolitan		157.27	25.84
	Taman Daerah /Taman Bandaran		8.25	1.36
	Taman Tempatan		11.90	1.96
	Taman Kejiranan		29.65	4.87
	Jaluran Hijau		22.49	3.70
	Zon Penampian		6.19	1.02
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>235.75</b>	<b>38.74</b>
Kegunaan Khas	Pejabat Kedutaan /Perumahan Kedutaan	61	31.71	5.21
	Pejabat Canseri (Chancery Place)	1	1.21	0.20
	Pusat Pelawat (Visitor Centre)	1	0.54	0.09
	Stesen Minyak	2	0.86	0.14
	Depoh Bas	1	1.60	0.26
	Terminal "Park & Ride"	1	1.62	0.27
	<b>Jumlah Kecil</b>	<b>67</b>	<b>37.54</b>	<b>6.17</b>
Infrastruktur/ Utiliti	Tangki Air	2	2.32	0.38
	Rumah Pam / Tangki Air	1	0.25	0.04
	Rizab Kolam Tadahan	5	15.96	2.62
	Telekom	1	0.81	0.13
	Rumah Pengagihan Gentian Optik	8	0.20	0.03
	Rizab Laluan Penghantar Elektrik	1	45.76	7.52
	Pencawang Masuk Utama (Presint 14)	1	2.49	0.41
	Pencawang Masuk Utama (Presint 15)	1	1.49	0.24
	Pencawang Pembahagi Utama (PPU)	1	0.25	0.04
	Pencawang TNB	41	1.28	0.21
	Stesen (Gas)	14	0.28	0.05
	Rizab Utiliti		0.37	0.06
	Rizab Parit		4.51	0.74
	Stesen Pam Pambetulan	4	0.94	0.15
	Loji Rawatan Pambetulan 1 (STP1)	1	1.81	0.30
	Stesen Rel	2	0.40	0.07
	Rizab Laluan Rel		1.69	0.28
	Laluan Kecemasan		0.78	0.13
	Rizab Jalan		96.66	15.88
	<b>Jumlah Kecil</b>	<b>83</b>	<b>178.25</b>	<b>29.29</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>608.54</b>	<b>100.00</b>



# RANCANGAN TEMPATAN




## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

### RAJAH 4-1 : PETA CADANGAN

Gunatanah	Unit	Hektar	%
<b>PERUMAHAN</b>			
KEPADATAN RENDAH	209	16.16	2.66
KEPADATAN SEDERHANA	2441	59.54	9.78
KEPADATAN SEDERHANA TINGGI	569	8.48	1.39
KEPADATAN TINGGI	3884	21.69	3.58
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>7103</b>	<b>105.87</b>	<b>17.40</b>
<b>KOMERSIAL</b>			
PUSAT SEPARA KOMERSIAL	277	6.98	1.15
PUSAT KOMERSIAL KEJURANGAN	3	2.42	0.40
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>280</b>	<b>9.40</b>	<b>1.54</b>
<b>INDUSTRI</b>			
INDUSTRI PERKHIDMATAN	1	2.40	0.39
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>1</b>	<b>2.40</b>	<b>0.39</b>
<b>KEMUDAHAN AWAM</b>			
KOMPLEKS SEKOLAH	2	12.09	1.99
SEKOLAH RENDAH	1	2.48	0.41
SEKOLAH ANTARABANGSA	1	4.53	0.74
MASJID	1	1.60	0.26
SURAU	5	1.34	0.22
TAKWA	5	1.05	0.17
KELAB REKREASI	2	2.44	0.40
KOMPLEKS UNIT POLIS BERKUDA	1	3.97	0.65
BALAI BOMBA	1	1.29	0.21
PUSAT KEJERANAN	2	7.44	1.22
PADANG BOLA & PUSAT REKREASI	1	1.10	0.18
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>22</b>	<b>39.33</b>	<b>6.46</b>
<b>KAWASAN LAPANG &amp; REKREASI</b>			
TAMAN METROPOLITAN		157.27	25.84
TAMAN BANDARAN		8.25	1.36
TAMAN TEMPATAN		11.90	1.96
TAMAN KEJERANAN		29.65	4.87
JALURAN HIJAU		22.49	3.70
ZON PENAMPAN		6.19	1.02
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>235.75</b>	<b>38.74</b>
<b>INFRASTRUKTUR &amp; UTILITI</b>			
TANGKI AIR	2	2.32	0.38
RUMAH PAM / TANGKI AIR	1	0.25	0.04
REZAB KOLAM TADAHAN	5	15.96	2.62
TELEKOM	1	0.81	0.13
RUMAH PENAGIHAN GENTIAN OPTIK	8	0.20	0.03
REZAB LALUAN PENGHANTAR ELEKTRIK	1	45.76	7.52
PMU - PENCAHANG MASUK UTAMA (PRESINT 14)	1	2.49	0.41
PMU - PENCAHANG MASUK UTAMA (PRESINT 15) - RUKUN NOTA 1	1	1.49	0.24
PENCAHANG PEMBAGI UTAMA	1	0.25	0.04
PENCAHANG TMB	41	1.28	0.21
STESEN GAS	14	0.28	0.05
REZAB UTILITI	-	0.37	0.06
REZAB PAHAT	-	4.51	0.74
STESEN PAM PEMBETUNGAN	4	0.94	0.15
LOJI RAWATAN PEMBETUNGAN	1	1.81	0.30
STESEN REL	2	0.40	0.07
REZAB LALUAN REL	-	1.69	0.28
LALUAN KECEMASAN	7	0.78	0.13
REZAB JALAN	-	96.66	15.88
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>90</b>	<b>178.25</b>	<b>29.29</b>
<b>KEGUNAAN KHAS</b>			
PEJABAT KEDUTAAN / PERUMAHAN KEDUTAAN	61	31.71	5.21
PEJABAT CHANGEBER (CHANGEBERY PLACE)	1	1.21	0.20
PUSAT PELAWAT (VISITOR CENTRE)	1	0.54	0.09
STESEN MINYAK	2	0.86	0.14
DEPOH BAS	1	1.60	0.26
TERMINAL PARK AND RIDE	1	1.62	0.27
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>67</b>	<b>37.54</b>	<b>6.17</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>608.54</b>	<b>100.0</b>



NOTA:  
1. LOKASI PMU DI PRESINT 15 NI ADALAH SEBAGAI INIKATIF SAHAJA DAN PERWELAKSANAAN AKHIR BEI LOKASI TAPAK PMU TERTAKUK KEPADA KESEBUTAN ARAS PLATFORM TAPAK YANG DICADANGKAN





Kawasan Perumahan di Presint 14



Pembangunan Apartmen di Presint 14



Kolam Tadahan Di Presint 14



Laluan Penghantar Elektrik di Presint 14




Jalan Pengagih Tempatan (R9)




Kawasan Komersial Di Presint Diplomatik



Menara Telekom Yang Terletak di Puncak Bukit Taman Rimba Alam



Pencawang Masuk Utama Di Presint 14



Kemudahan Visitor Centre Di Presint Diplomatik



Kemudahan Pejabat Chanseri (Chansery Place) Di Presint Diplomatik



Kemudahan Sekolah Antarabangsa Di Presint Diplomatik



Kemudahan Rekreasi Di Taman Duta Putra, Presint Diplomatik

Rajah 4-2  
PEMBANGUNAN SEDIA ADA  
DI KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN



## 4.2 KELAS GUNA TANAH

Kelas guna tanah yang dikemukakan di sini menyatakan dengan jelas aktiviti - aktiviti di setiap komponen guna tanah yang dicadangkan di Kawasan Rancangan Tempatan. Ianya bertujuan untuk membantu pihak Perbadanan Putrajaya dalam proses pengawalan pembangunan serta berfungsi sebagai sumber rujukan dan garis panduan dalam penyediaan pelan susun atur.

Secara asasnya, terdapat 7 kelas guna tanah utama iaitu:


- i. Perumahan
- ii. Komersial
- iii. Kemudahan Awam
- iv. Industri
- v. Kegunaan Khas
- vi. Kawasan Lapang dan Rekreasi
- vii. Infrastruktur dan Utiliti

Setiap komponen di atas akan diperincikan berdasarkan kepadatan, hierarki, guna tanah secara khusus serta aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan. Aktiviti-aktiviti tersebut akan diklasifikasikan kepada 3 kategori iaitu:

- i. Aktiviti Yang Dibenarkan
- ii. Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat
- iii. Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

Kelas guna tanah bagi Kawasan Rancangan Tempatan mengikut Blok Perancangan adalah sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual 4.2 (A), Jadual 4.2 (B) dan Jadual 4.3 (C).






Jadual 4.2 (A): Kelas Guna Tanah Presint 14


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III	KOLUM IV	KOLUM V	KOLUM VI	KOLUM VII
Blok Perancangan	Guna tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat Aktiviti	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat Syarat	Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	Catatan
BP 14A	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Rendah - Perumahan Kepadatan Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (A)</li> <li>Kelas I (B)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Taman Permainan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Lanskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (E)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 2, 4</li> <li>Kelas VI (I) 7, 8</li> <li>Kelas VI (J) 1,2,3</li> </ul>				
	<u>Kemudahan Awam</u> - Pendidikan - Kegunaan Keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (A) 2, 3</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> </ul>				
BP 14B	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Sederhana - Perumahan Kepadatan Sederhana Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (B)</li> <li>Kelas I (C)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Taman Permainan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (E)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>				
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Pembedungan - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (C) 2</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 2, 4</li> <li>Kelas VI (H) 1, 2, 4</li> <li>Kelas VI (I) 7, 8</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>				
	<u>Kemudahan Awam</u> - Pendidikan - Kegunaan Keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (A) 2, 5</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> </ul>				
	- Pusat Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 2, 4, 6, 12, 15, 17, 20, 21, 22, 23 &amp; 24</li> <li>Kelas III (C) 1,2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 1, 5b,6</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air kumbahan dari aktiviti restoran dan medan selera perlu dirawat sebelum disalurkan ke sistem pembedungan.</li> </ul>		






KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III	KOLUM IV	KOLUM V	KOLUM VI	KOLUM VII
Blok Perancangan	Guna tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
BP 14C	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Sederhana - Perumahan Kepadatan Sederhana Tinggi - Perumahan Kepadatan Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (B)</li> <li>Kelas I (C)</li> <li>Kelas I (D) 2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (E) 1,2</li> <li>Kelas IV (D) 1b,3,4a,4b</li> <li>Kelas VII (A) 1, 2</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 2, 6,18,19, 20,21,22,23</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu mematuhi Manual Garis panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Tadika dan taska perlu disediakan dengan padang permainan kanak-kanak.</li> <li>Surau perlu dibangunkan sebagai bangunan "Free-Standing".</li> <li>Air kumbahan dari kedai dobi dan tempat mencuci kereta perlu dirawat sebelum disalurkan ke sistem pembetungan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>
	<u>Komersial</u> - Pusat Komersial Tempatan (Kelab Rekreasi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (D)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 1,2,3,4,5,6 ,8,9, 12,13,14,15,17,18,19,21,22, 23</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air kumbahan dari restoran dan medan selera perlu dirawat sebelum disalurkan ke perparitan.</li> </ul>		
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Taman Permainan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Lanskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (E)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 2, 4</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 7, 8</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>				
	<u>Kemudahan Awam</u> - Pendidikan - Kegunaan Keagamaan - Kemudahan-kemudahan Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (A) 2</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 12</li> </ul>				
BP 14D	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Rendah - Perumahan Kepadatan Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (A)</li> <li>Kelas I (B)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Taman Permainan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (E)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 3, 4</li> <li>Kelas VI (H) 1, 2,3, 4</li> <li>Kelas VI (I) 7, 8</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>				






KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III	KOLUM IV		KOLUM V	KOLUM VI	KOLUM VII
Blok Perancangan	Guna tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	Catatan	
			Aktiviti	Syarat			
BP 14E	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Badan Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (I) 1d</li> </ul>				<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolum III dan IV.</li> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>	
	<u>Industri Perkhidmatan</u> - Perkhidmatan dan pembaikan motor - Pemasangan - Pengeluaran Makanan dan Minuman - Perkhidmatan - Kerja-kerja pengeluaran, pameran perabot dan kelengkapan rumah - Gudang dan tempat menyimpan - Perkhidmatan Pelanggan - Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas V (A)</li> <li>Kelas V (B)</li> <li>Kelas V (C)</li> <li>Kelas V (D)</li> <li>Kelas V (E)</li> <li>Kelas V (F)</li> <li>Kelas V (G)</li> <li>Kelas V (H)</li> </ul>					
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 3, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 2, 4</li> <li>Kelas VI (D) 3</li> <li>Kelas VI (E) 1</li> <li>Kelas VI (F)</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 1, 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III(F)1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti rekreasi pasif dibenarkan di kawasan Kolam Tadahan Air perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>			
	<u>Kemudahan Awam</u> - Perkhidmatan Kecemasan dan Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (C) 4</li> </ul>					
	<u>Kegunaan Khas</u> - Terminal Pengangkutan - Stesen Minyak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VIII (A) 7</li> <li>Kelas VIII (B) 1, 2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VIII (B) 3,4, 5</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu memastikan air kumbahan daripada aktiviti yang dibenarkan dengan syarat ini dirawat dan memenuhi garis panduan Discaj Sifar.</li> </ul>			
BP 14F	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Jaluran/ Rangkaian Hijau	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (F)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 4,6,8,20,21,23, 27, 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh dan Aktiviti Permainan Layang - Layang perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolum III dan IV.</li> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Rizab kemudahan Infrastruktur dan utiliti yang tidak dibangunkan boleh dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (H) 2, 4</li> <li>Kelas VI (I) 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 2</li> </ul>					





KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III	KOLUM IV	KOLUM V	KOLUM VI	KOLUM VII
Blok Perancangan	Guna tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
BP 14G	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan - Badan Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> <li>Kelas III (I) 1d</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolum III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 2, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 2</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 1, 3, 5, 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III(F)1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti rekreasi pasif dibenarkan di kawasan Kolam Tadahan Air perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>		
	<u>Kemudahan Awam</u> - Kegunaan Keagamaan - Kemudahan-kemudahan lain (Pusat Kejiranan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (D) 1</li> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 23</li> <li>Kelas III (F)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 1, 3d, 3f, 3g, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11a &amp; 11b</li> <li>Kelas V (I) 9</li> <li>Kelas VII (A) 1, 2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu memastikan air kumbahan daripada aktiviti restoran, pasar dan medan selera dirawat sebelum disalurkan ke dalam pembetulan.</li> </ul>		
	<u>Kegunaan Khas</u> - Stesen Minyak - Terminal Pengangkutan (Park & Ride)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VIII (B)</li> <li>Kelas VIII (A) 3, 5</li> <li>Kelas VII (E) 4, 6, 8, 13, 14, 20, 21 23</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VIII (B) 3, 4, 5</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu memastikan air kumbahan daripada aktiviti Stesen Minyak yang dibenarkan dengan syarat ini dirawat dan mematuhi garis panduan Discaj Sifar.</li> </ul>		
	<u>Komersial</u> - Pusat Komersial Kejiranan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 1, 2, 3, 4, 7, 8, 9, 10, 11a &amp; 11b</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV(C) 5a, 5b, 6</li> <li>Kelas VII (B) 2</li> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII (E) 4, 6, 8, 23</li> <li>Kelas V(B) 3, 4</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air kumbahan dari aktiviti restoran dan kedai basikal perlu dirawat sebelum disalurkan ke dalam perparitan.</li> <li>Aktiviti pemasangan bingkai gambar hanya melibatkan penjualan dan pembuatan sahaja tanpa melibatkan penyimpanan stok.</li> </ul>		





Jadual 4.2 (B) : Kelas Guna Tanah Bagi Presint Diplomatik


KOLUM I Blok Perancangan	KOLUM II Guna tanah Utama	KOLUM III Aktiviti Yang Dibenarkan	KOLUM IV Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		KOLUM V Syarat	KOLUM VI Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	KOLUM VII Catatan
			Aktiviti	Syarat			
BP 15A (1)	<u>Komersial</u> - Pusat Separa Komersial - Pusat Komersial Kejiranan (Kelab Rekreasi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (B)</li> <li>Kelas IV (C) 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 14</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV(B) 12b,12c,13b,13c,13d,13e, 13f, 13g, 13h, 17b</li> <li>Kelas IV (D) 1,3, 4a, 4b</li> <li>Kelas VII (A) 1,2</li> <li>Kelas VII (E) 1,2,3,4,5,6,8,9, 12,15,17,20, 21,22,23</li> <li>Kelas V (B) 3, 4</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti hiburan yang dibenarkan dengan syarat aktiviti ini tidak menimbulkan kacau ganggu dan mematuhi undang-undang kecil yang diguna pakai di Putrajaya (Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Putrajaya) 1999 serta Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Perbadanan Putrajaya) 1999.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>	
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 4, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (F) 2, 4</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2</li> </ul>					
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Daerah/ Taman Bandar - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (B) 1, 2, 3</li> <li>Kelas III (F) 1, 2, 4</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>			
BP 15A (2)	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Sederhana Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (C)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>	
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Daerah/ Taman Bandar - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (B) 1, 2, 3</li> <li>Kelas III (F) 1, 2, 4</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>			
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (H) 1</li> <li>Kelas VI (I) 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2</li> </ul>					
	<u>Kemudahan Awam</u> - Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (A) 10</li> </ul>					
BP 15A (3)	<u>Kegunaan Khas</u> - Kegunaan Kedutaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VIII (F)</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai pejabat / kediaman bagi kegunaan rasmi duta / diplomat sahaja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>	
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Daerah/ Taman Bandar - Taman Tempatan - Taman Kejiranan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (B) 1, 2, 3, 5</li> <li>Kelas III (C) 1, 2</li> <li>Kelas III (D) 1, 2, 3, 4</li> <li>Kelas III (F) 1, 2, 4</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII(C) 3</li> <li>Kelas VII(D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 4,6,8,20,21,23, 28</li> <li>Kelas IV(C) 4m</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>			
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5</li> <li>Kelas VI (B) 1, 3, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (I) 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2</li> </ul>					



Jadual 4.2 (C) : Kelas Guna Tanah Presint 15


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III	KOLUM IV	KOLUM V	KOLUM VI	KOLUM VII
Blok Perancangan	Guna tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
BP 15B	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (B) 1, 4</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Landskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Komersial</u> - Pusat Komersial Kejiranan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 1,2, 3, 4,7,8,9,10, 11a &amp; 11b</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV(C) 5a, 5b,6</li> <li>Kelas VII (B) 2</li> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII (E) 4, 6, 8, 10, 23</li> <li>Kelas V (B) 3, 4</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air kumbahan dari aktiviti restoran dan kedai basikal perlu dirawat sebelum disalurkan ke sistem pembetulan.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 2,4</li> <li>Kelas VI (H) 1</li> <li>Kelas VI (I) 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III(F)1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti rekreasi pasif dibenarkan di kawasan Kolam Tadahan Air perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>		
	<u>Kemudahan-Kemudahan Lain</u> - Pendidikan - Kegunaan Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (A) 2</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> </ul>				
BP 15C	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (A)</li> <li>Kelas I (B)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Rizab kemudahan Infrastruktur dan utiliti yang tidak dibangunkan boleh dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Tempatan - Taman Kejiranan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Lanskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (C)</li> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 4</li> <li>Kelas VI (H) 1, 2, 4</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>				






KOLUM I Blok Perancangan	KOLUM II Guna tanah Utama	KOLUM III Aktiviti Yang Dibenarkan	KOLUM IV Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		KOLUM VI Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	KOLUM VII Catatan
			Aktiviti	Syarat		
BP 15D	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Rendah - Perumahan Kepadatan Rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (A)</li> <li>Kelas I (B)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Rizab kemudahan Infrastruktur dan utiliti yang tidak dibangunkan boleh dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Tempatan - Taman Kejiranan - Taman Permainan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Lanskap Jalan/ Zon Penampan - Badan Air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (C) 1, 4</li> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (E)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> <li>Kelas III (I) 1d</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Komersial</u> - Pusat Komersial Kejiranan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 1,2, 3, 4,7,8,9,10, 11a &amp; 11b</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 5a, 5b, 6</li> <li>Kelas VII (B) 2</li> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII (E) 4, 6, 8, 10, 23</li> <li>Kelas V (B) 3, 4</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air kumbahan dari aktiviti restoran dan kedai basikal perlu dirawat sebelum disalurkan ke sistem pembetungan.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 2, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 4</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III(F)1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti rekreasi pasif dibenarkan di kawasan Kolam Tadahan Air perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>		
	<u>Kemudahan-Kemudahan Lain</u> - Pendidikan - Kegunaan Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (A) 2, 5</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> </ul>				
	<u>Kemudahan Awam</u> - Kemudahan-kemudahan lain (Pusat Kejiranan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (F) 1,2</li> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII (D) 1, 2</li> <li>Kelas VII (E) 1, 2, 3, 4, 5, 6,8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16,17,20,21,23</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 1, 3d,3f, 3g, 4, 5,6,7,8,9,11a &amp; 11b</li> <li>Kelas V (I) 9</li> <li>Kelas VII (A) 1,2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perlu memastikan air kumbahan daripada aktiviti restoran, pasar dan medan selera dirawat sebelum disalurkan ke dalam sistem pembetungan.</li> </ul>		





KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III	KOLUM IV	KOLUM V	KOLUM VI	KOLUM VII
Blok Perancangan	Guna tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat		Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	Catatan
			Aktiviti	Syarat		
BP 15E	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Rendah - Perumahan Kepadatan Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (A)</li> <li>Kelas I (B)</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Rizab kemudahan Infrastruktur dan utiliti yang tidak dibangunkan boleh dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Lanskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Pembedungan - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 2</li> <li>Kelas VI (C) 2</li> <li>Kelas VI (D) 1</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 4</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 6, 8</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2, 3</li> </ul>				
BP 15F	<u>Perumahan</u> - Perumahan Kepadatan Sederhana Tinggi - Perumahan Kepadatan Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas I (C) 3</li> <li>Kelas I (D) 2, 3</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (E) 1,2</li> <li>Kelas IV (D) 1b,3,4a,4b</li> <li>Kelas VII (A) 1, 2</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 2, 6,18,19, 20,21,22,23</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tadika dan taska perlu disediakan dengan kemudahan taman permainan kanak-kanak.</li> <li>Surau perlu dibangunkan sebagai bangunan "Free-Standing".</li> <li>Air kumbahan dari kedai dobi dan tempat mencuci kereta perlu dirawat sebelum disalurkan ke sistem pembedungan..</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Rizab kemudahan Infrastruktur dan utiliti yang tidak dibangunkan boleh dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>
	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Kejiranan - Taman Permainan - Jaluran /Rangkaian Hijau - Lanskap Jalan/ Zon Penampan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (D)</li> <li>Kelas III (E)</li> <li>Kelas III (F)</li> <li>Kelas III (H)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (E) 27, 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh dan Aktiviti Permainan Layang-Layang perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>		
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Pembedungan - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 4</li> <li>Kelas VI (C)</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 4</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 1, 3, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1</li> </ul>				



KOLUM I Blok Perancangan	KOLUM II Guna tanah Utama	KOLUM III Aktiviti Yang Dibenarkan	KOLUM IV		KOLUM VI Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	KOLUM VII Catatan
			Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat			
			Aktiviti	Syarat		
BP 15G	<u>Kawasan Lapang dan Rekreasi</u> - Taman Metropolitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III (A)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas IV (C) 4m</li> <li>IV (E) 1b, 4b</li> <li>Kelas VII (C) 3</li> <li>Kelas VII(D) 2</li> <li>Kelas VII (E) 4,6,8,20,21,23, 28</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Air kumbahan dari restoran, kedai makan dan kafeteria perlu dirawat sebelum disalurkan ke sistem pembetungan.</li> <li>Aktiviti Model Kawalan Jauh perlu mematuhi garis panduan perancangan dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan pihak awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti selain daripada yang dinyatakan dalam kolom III dan IV.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas Guna Tanah ini perlu dibaca bersekali dengan Laporan Manual Garis Panduan Perancangan Fizikal</li> <li>Rizab kemudahan Infrastruktur dan utiliti yang tidak dibangunkan dengan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>
	<u>Infrastruktur dan Utiliti</u> - Bekalan Elektrik - Bekalan Air - Telekomunikasi - Sisa Pepejal - Bekalan Gas - Saliran - Pengangkutan - Jalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VI (A) 1, 2, 3, 5, 6</li> <li>Kelas VI (B) 1, 2, 3, 4</li> <li>Kelas VI (D) 1, 3</li> <li>Kelas VI (E)</li> <li>Kelas VI (F) 4</li> <li>Kelas VI (H)</li> <li>Kelas VI (I) 6, 7, 8, 9</li> <li>Kelas VI (J) 1, 2</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas III(F)1</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti rekreasi pasif dibenarkan di kawasan Kolam Tadahan Air perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Putrajaya.</li> </ul>		
	<u>Kemudahan Awam</u> - Perkhidmatan Kecemasan dan Keselamatan - Kegunaan Keagamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelas VII (C) 6</li> <li>Kelas VII (D) 2</li> </ul>				



4.3 KOMPONEN PEMBANGUNAN UTAMA

4.3.1 Perumahan

Kawasan Rancangan Tempatan ini dirancang bagi menyediakan 7,103 unit perumahan dengan anggaran penduduk yang dijanakan sebanyak 35,515 orang. Kawasan Presint 15 akan menawarkan unit perumahan yang terbesar iaitu sebanyak 4,334 unit atau 61.00 peratus dari keseluruhan unit perumahan, berbanding dengan Presint 14 sebanyak 2,769 unit (39.00%) (Jadual 4.3).

Jadual 4.3 Unit Perumahan dan Anggaran Penduduk Mengikut Presint

PRESINT	UNIT PERUMAHAN	PERATUS (%)	SAIZ ISI RUMAH	ANGGARAN PENDUDUK
PRESINT 14	2,769	39.00	5	13,845
PRESINT 15	4,334	61.00	5	21,670
<b>JUMLAH</b>	<b>7,103</b>	<b>100.00</b>		<b>35,515</b>

Pembangunan perumahan di kawasan Rancangan Tempatan akan dirancang dengan pelbagai jenis perumahan untuk memenuhi keperluan dari pelbagai golongan masyarakat. Terdapat 4 kategori perumahan yang dicadangkan di kawasan Rancangan Tempatan iaitu:

- i. Perumahan Berkepadatan Rendah : 1 – 8 unit/ekar
- ii. Perumahan Berkepadatan Sederhana : 9 – 24 unit/ekar
- iii. Perumahan Berkepadatan Sederhana Tinggi : 25 – 50 unit/ekar
- iv. Perumahan Berkepadatan Tinggi : 51 – 75 unit/ekar

Kepelbagaian jenis perumahan telah dirancang di kawasan Rancangan Tempatan seperti perumahan jenis apartmen yang merangkumi 56.90 peratus dari keseluruhan unit perumahan di kawasan Rancangan Tempatan, diikuti dengan rumah teres (26.47%), rumah berkembar ( 12.60%), rumah sesebuah (3.00%) dan rumah bandar (1.03%). Perancangan susun atur perumahan di Kawasan Rancangan Tempatan adalah berlandaskan konsep Unit Kejiranan yang menekankan penyusunan guna tanah perumahan yang optimum dengan

kemudahan masyarakat, kawasan rekreasi dan perniagaan yang efektif bagi menggalakkan interaksi sesama penduduk. Unit kejiranan ini disokong dengan pusat kejiranan yang menyediakan kemudahan yang mencukupi dan berada dalam jarak perjalanan yang bersesuaian bagi penduduk.

Konsep “Mesra Pejalan Kaki/ Basikal” yang menekankan jarak perjalanan harian yang pendek dari kawasan perumahan ke kawasan kemudahan seperti sekolah dan kedai sebagai alternatif kepada kebergantungan terhadap kenderaan persendirian.

Susun atur kawasan perumahan yang dirancang perlu menekankan penyediaan taman-taman dan kawasan lapang terancang yang dapat menarik pelbagai lapisan umur serta meningkatkan interaksi penduduk setempat. Unit kejiranan ini juga disokong dengan pusat kejiranan yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada penduduk seperti dewan serba guna, pejabat pos, medan selera, pasar dan pusat sukan rekreasi aktif.

Pembinaan pagar adalah dibenarkan dengan syarat ianya telus penglihatan (permeable) dan spesifikasinya mematuhi ‘Fencing Design Guidelines’ (FDG) ke arah menggalakkan interaksi sesama penduduk. Antara syarat yang ditetapkan bagi pembangunan perumahan landed adalah seperti berikut :




- i. Dinding di hadapan halaman (*courtyard*) mestilah mempunyai anjakan sebanyak 3 meter daripada sempadan lot, dengan lebar maksimum tidak melebihi 50% sempadan lot dan ketinggian maksimum 1.8 meter.
- ii. Pagar landskap telus pandangan di bahagian sisi dan belakang lot mestilah tidak melebihi ketinggian maksimum 1.2 meter.
- iii. Jika terdapat dinding penahan 0.6 meter, pagar tidak boleh melebihi 1.2 meter tinggi. Bagi Lot yang terletak di sudut atau di hujung, dinding penahan perlulah 1.2 meter dari ketinggian vertikal.

Kawasan perumahan bertingkat tinggi perlu menyediakan kemudahan untuk kegunaan umum seperti surau, bilik jenazah, tandas awam, stor, bilik bacaan, taska, tadika dan sebagainya. Kawasan lapang dan kemudahan rekreasi akan turut disediakan untuk memenuhi keperluan penduduk remaja dan kanak-kanak.

# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-3 : KEPADATAN PERUMAHAN




Petunjuk :

- PERUMAHAN KEPADATAN RENDAH  
(1 - 8 UNIT RUMAH PER EKAR)
- PERUMAHAN KEPADATAN SEDERHANA  
(9 - 24 UNIT RUMAH PER EKAR)
- PERUMAHAN KEPADATAN SEDERHANA TINGGI  
(25 - 50 UNIT RUMAH PER EKAR)
- PERUMAHAN KEPADATAN TINGGI  
(51 - 75 UNIT RUMAH PER EKAR)

Disedkakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





Kawasan perumahan strata bertingkat tinggi (apartmen / kondominium) akan disediakan dengan kemudahan tempat meletak kereta yang mencukupi. Keperluan tempat meletak kereta di perumahan strata akan disediakan berdasarkan kepada piawaian seperti berikut :

- Rumah Mampu Milik dan Apartmen Kerajaan  
1 Unit Perumahan : 1 Lot TLK + 20% TLK untuk pelawat.
- Kondominium  
1 Unit Perumahan : 2 Lot TLK + 20% TLK untuk pelawat.

Tempat meletak motosikal dan basikal yang terlindung atau berbumbung perlu disediakan bagi semua pembangunan strata bertingkat tinggi.

**4.3.2 Kemudahan Awam**

Kemudahan awam yang disediakan adalah berdasarkan kepada anggaran penduduk dan unit kediaman yang akan dibangunkan. Setiap kemudahan akan diletakkan secara strategik agar dapat menampung jumlah tadahan penduduk dan mengoptimumkan penggunaannya. Kemudahan yang akan disediakan adalah seperti berikut:

**Jadual 4.4 : Kemudahan-kemudahan Awam Yang Akan Disediakan di Kawasan Rancangan Tempatan**

Kemudahan Awam	Lokasi di Blok Perancangan	
	BP 14	BP 15
<b>Kemudahan Keagamaan</b>		
1. Masjid	14G	-
2. Surau	14A, 14B, 14C	15B, 15D
<b>Kemudahan Pendidikan</b>		
1. Kompleks Sekolah Rendah & Menengah	14B	15D
2. Sekolah Rendah	14A	-
3. Tadika	14A, 14B, 14C	15B, 15D
4. Sekolah Antarabangsa		15A (2)
<b>Perkhidmatan Keselamatan dan Kecemasan</b>		
1. Kompleks Unit Polis Berkuda	-	15G
2. Balai Bomba	14E	-
<b>Perkhidmatan Pengangkutan</b>		
1. Terminal <i>Park &amp; Ride</i>	14E	-
<b>Kemudahan-kemudahan Lain</b>		
1. Pusat Kejiranan	14G	15D
2. Padang Bola dan Pusat Rekreasi	14B	

Masjid merupakan kemudahan keagamaan yang paling utama bagi memenuhi keperluan penduduk beragama Islam. Sebuah masjid akan dibangunkan di Blok Perancangan 14G untuk menampung keperluan penduduk beragama Islam.

Setiap pembangunan perumahan strata bertingkat tinggi (kondominium & apartmen) perlu menyediakan kemudahan surau. Kemudahan Surau perlu dibangunkan sebagai bangunan berasingan dan dilengkapi dengan kemudahan ibadat. Laluan pejalan kaki yang terlindung atau berbumbung perlu disediakan dari bangunan strata bertingkat tinggi ke surau mengikut kesesuaian reka bentuk bangunan.

Kemudahan surau di kawasan perumahan landed disediakan mengikut piawaian 1 unit surau bagi setiap 500 unit perumahan. Terdapat 5 buah surau telah dicadangkan bagi menampung keperluan kawasan perumahan jenis landed yang berjumlah 2,605 unit di kawasan Rancangan Tempatan.




Keluasan bersih bagi kemudahan surau perlulah berdasarkan kepada kepadatan penduduk dan jemaah. Keluasan bersih bagi kemudahan surau adalah berdasarkan kepada 1.2 meter persegi / jemaah. Keluasan bersih bagi kemudahan surau ini tidak termasuk keluasan bagi ruang sokongan seperti tandas, pantri, tempat mengambil wuduk, stor dan sebagainya.

Kemudahan sekolah agama perlu disediakan bagi menampung keperluan penduduk di kawasan Rancangan Tempatan. Sebuah sekolah agama dicadangkan dibangunkan bersekali dengan masjid di Presint 14 (Blok 14G).

# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-4 : KEMUDAHAN AWAM DAN SWASTA




Petunjuk :

- KS KOMPLEKS SEKOLAH
- SR SEKOLAH RENDAH
- T TADIKA
- SA SEKOLAH ANTARABANGSA
- KR KELAB REKREASI
- M MASJID
- S SURAU
- PK PUSAT KEJIRANAN
- PBR PADANG BOLA & PUSAT REKREASI
- UPB KOMPLEKS UNIT POLIS BERKUDA
- BB BALAI BOMBA
- SEKOLAH AGAMA

Disedikan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





i. Kemudahan Pendidikan

Kawasan Rancangan Tempatan ini akan mempunyai 2 buah kompleks sekolah yang merangkumi sekolah rendah dan menengah, sebuah kompleks sekolah antarabangsa (di Presint Diplomatik), sebuah sekolah rendah dan 5 buah tadika. Jadual 4.5 menunjukkan jumlah sekolah yang akan disediakan serta anggaran jumlah pelajar yang dapat ditampung.

**Jadual 4.5 Jumlah Kemudahan Pendidikan Dan Kapasiti**

JENIS	UNIT	LOKASI (BP)	KAPASITI PELAJAR (MAKSIMUM)
<b>Kompleks Sekolah</b>	2	14B, 15D	6,300
<b>Sekolah Antarabangsa</b>	1	15A (2)	3,150
<b>Sekolah Rendah</b>	1	14A	1,400
<b>Tadika</b>	5	14(A,B,C) & 15(B,D)	375
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>-</b>	<b>11,225</b>

Perancangan kemudahan pendidikan di Putrajaya mengambil kira jarak perjalanan ke sekolah iaitu 0.4 km – 0.8 km (10 minit perjalanan) bagi sekolah rendah dan 0.8 km – 1.6 km (20 minit perjalanan) bagi sekolah menengah. Kemudahan tadika kebiasaannya akan diletakkan di kawasan berdekatan dengan kediaman, iaitu dalam lingkungan jarak sekitar 0.5km bagi menjamin keselamatan dan keselesaan kanak - kanak.

Jarak perjalanan pendek dan lokasi yang strategik bukan sahaja memudahkan guru dan pelajar terutama kanak - kanak berjalan kaki atau berbasikal ke kelas malah mengurangkan pergantungan kepada kenderaan bermotor persendirian atau awam. Dengan ini, kesesakan lalu lintas dapat dielakkan dan keselamatan pelajar dapat terjamin.

Terdapat cadangan langkah-langkah yang diambil bagi menjamin keselamatan para pelajar seperti berikut :

- a. Rangkaian laluan pejalan kaki yang terancang dan selamat perlu disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi mengintegrasikan kawasan perumahan dengan kemudahan lain seperti sekolah, taman rekreasi dan pengangkutan awam. Kemudahan-kemudahan sokongan sistem pejalan kaki seperti jejantas dan lintasan pejalan kaki perlu disediakan terutamanya di kawasan berhampiran sekolah bagi menjamin keselamatan kanak - kanak/ pelajar.
- b. Keperluan penyediaan pengasingan yang jelas di antara laluan pejalan kaki dengan laluan kenderaan dan mewujudkan ciri-ciri *traffic calming* di tempat yang strategik.
- c. Padang sekolah yang bersebelahan dengan jalan perlu disediakan pengadang yang berbentuk landskap bagi mewujudkan ciri-ciri keselamatan kepada pelajar sekolah dan mengelakkan bola terkeluar ke jalan semasa aktiviti sukan dijalankan.
- d. Laluan masuk ke sekolah mestilah daripada Jalan Akses bukannya terus daripada Jalan Pengagih Tempatan atau hierarki jalan yang lebih besar.
- e. *Lay-by* menunggu, menghantar dan mengambil pelajar perlu disediakan di kawasan persekolahan bagi menjamin keselamatan pelajar.
- f. Keperluan penyediaan kemudahan “Drop Off” di kawasan persekolahan bagi kemudahan dan keselamatan pelajar.
- g. Zon menghantar dan mengambil pelajar perlu disediakan lintasan pejalan kaki ke sekolah.

ii. Perkhidmatan Keselamatan dan Kecemasan

Bagi mengawal keselamatan dan keamanan penduduk di Kawasan Rancangan Tempatan, Kompleks Unit Polis Berkuda telah dicadangkan di Blok Perancangan 15G yang merangkumi keluasan 3.97 hektar. Cadangan ini bukan sahaja mengutarakan konsep baru dalam pengawalan keselamatan tetapi juga memberi identiti yang unik kepada Kawasan Rancangan Tempatan.

Sebuah stesen bomba akan ditempatkan di Blok Perancangan 14E bersebelahan Depoh bas. Lokasinya di bahagian Timur Laut Kawasan Rancangan Tempatan adalah strategik kerana dihubungkan oleh jalan utama R9 dan jalan tempatan ke seluruh Kawasan Rancangan Tempatan.

iii. Pusat Kejiranan

Kemudahan Pusat Kejiranan yang terletak di dalam Blok Perancangan 14G dan 15D mempunyai keluasan 7.44 hektar. Pusat Kejiranan ini akan menawarkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan perumahan dalam radius 1.8 km. Ia merupakan cantuman beberapa plot yang membentuk blok perancangan yang terdiri daripada beberapa aktiviti atau guna tanah yang berkaitan. Terdapat kemudahan lain yang boleh dibangunkan bersama bagi menyokong Pusat Kejiranan seperti kemudahan sekolah, balai polis, balai bomba, stesen monorel, terminal Park & Ride dan stesen bas.

Antara aktiviti yang dibenarkan di Pusat kejiranan adalah seperti dewan serba guna, balai raya, perkhidmatan pos, medan selera, perpustakaan, pusat pembayaran bil dan pusat perkhidmatan bandar. Kemudahan rekreasi yang disediakan adalah seperti padang bola/ padang permainan dan gelanggang serba guna.

Aktiviti perniagaan yang ditawarkan adalah lebih kepada penjualan barang-barangan keperluan harian dan aktiviti perkhidmatan kepada penduduk seperti kedai runcit pelbagai, jualan runcit barangan rumah dan penjagaan diri, perkhidmatan diri dan rumah, perkhidmatan profesional kedai minuman, restoran, kedai kek dan kedai roti.

iv. Padang Bola dan Pusat Rekreasi

Padang Bola dan Pusat Rekreasi dicadangkan di Blok Perancangan 14B yang mempunyai keluasan sebanyak 1.10 hektar. Ia menyediakan kawasan padang bola dan pusat rekreasi untuk menampung keperluan penduduk.

Aktiviti perniagaan yang dibenarkan adalah lebih tertumpu kepada perniagaan menyokong aktiviti rekreasi seperti kedai runcit pelbagai, kedai jualan dan pembaikan basikal, kafeteria dan kedai makan.

v. Perkhidmatan Pos

Ruang perkhidmatan pos akan disediakan di tempat awam dan komersial yang bersesuaian mengikut keperluan penduduk. Kawasan yang dibenarkan penyediaan ruang kemudahan perkhidmatan pos adalah seperti di Pusat Kejiranan Presint 14, Pusat Perkhidmatan Perbandaran Presint 15, Pusat Pelawat di Presint Diplomatik dan kawasan komersial.

vi. Kawasan Rekreasi Aktif

Kawasan padang bola sepak dan gelanggang serba guna yang mencukupi akan disediakan bagi menampung keperluan penduduk. Kawasan padang bola dicadangkan di Pusat Kejiranan Presint 14, Pusat Kejiranan 15 dan kawasan Padang Bola & Pusat Rekreasi di Blok 14B. Gelanggang serba guna pula dicadangkan di Pusat Kejiranan Presint 14 dan Presint 15.



#### 4.3.3 Industri Perkhidmatan

Rancangan Tempatan ini memperuntukkan satu kawasan industri perkhidmatan yang terletak di Blok 14E, Presint 14. Ia merangkumi kawasan seluas 2.4 hektar (Rajah 4.5). Pembangunan industri perkhidmatan ini perlu disegerakan pelaksanaannya oleh pihak pemaju bagi menampung keperluan penduduk terutamanya perkhidmatan membaiki dan servis kenderaan bermotor. Di antara kegunaan yang dibenarkan adalah seperti berikut :

- i. Perkhidmatan dan Pembaikan Motor  
Bengkel kenderaan, bateri (mengecas dan membaiki), pemasangan penghawa dingin kenderaan, pemasangan alat ganti dan aksesori kenderaan.
- ii. Pemasangan  
Perabot dan bingkai gambar, pengeluaran makanan dan minuman (membuat roti, biskut & minuman), perkhidmatan (pencetakan, alat elektrik & kerja - kerja kimpalan) serta pemotongan kaca dan memasang bingkai gambar.
- iii. Pengeluaran Makanan dan Minuman  
Membuat roti, stor rotan serta pengeluaran makanan dan minuman.
- iv. Perkhidmatan  
Pencetakan, cucian kering, pembaikan alat elektrik, pengawalan haiwan perosak dan kerja-kerja kimpalan.
- v. Kerja - kerja Pengeluaran, Pameran Perabot dan Kelengkapan Rumah  
Tempat membuat, menjual dan pusat pameran perabot dan rotan.
- vi. Gudang dan Tempat Menyimpan Barang-barang Industri.  
Tempat menyimpan dan menjual barang makanan, baja, kabel, wayar, produk kaca gentian (fibre glass).

- vii. Perkhidmatan Pelanggan  
Membuat papan pengiklanan, perkhidmatan dobi, membaiki peralatan elektrik, kawalan serangga dan pemasangan paip.
- viii. Perkhidmatan - Perkhidmatan Lain  
Menjual barangan pembinaan, menjual dan menyimpan tile dan kerja-kerja pengimpalan.




Garis panduan bagi pembangunan kawasan industri perkhidmatan di Kawasan Rancangan Tempatan adalah seperti berikut :

- a. Kawasan industri perkhidmatan diletakkan di kawasan yang berjauhan dengan kawasan perumahan dan kawasan bandar bagi mengelakkan gangguan industri perkhidmatan ini kepada penduduk.
- b. Kawasan zon penamparan yang bersesuaian akan diwujudkan di antara kawasan industri perkhidmatan, kawasan perumahan dan kawasan komersial. Zon - zon penamparan seperti zon kawasan lapang, kolam tadahan dan rizab jalan disediakan bagi mengelakkan pencemaran dan gangguan dari kawasan industri ini.
- c. Jalan - jalan ke kawasan industri perkhidmatan akan diasingkan daripada jalan perumahan bagi mengelakkan kerosakan dan kacau ganggu akibat laluan kenderaan berat.
- d. Kawasan hadapan industri perkhidmatan ini disediakan rizab landskap sekurang - kurangnya 5.2 meter. Ini adalah untuk mewujudkan pemandangan lembut dan juga berperanan sebagai zon penamparan bagi pencemaran.
- e. Kawasan perindustrian ini perlu disokong dengan aktiviti perniagaan yang berkaitan seperti restoran, gerai makanan, kedai serba guna bagi menampung keperluan pekerja dan pengunjung yang datang ke kawasan tersebut.

# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-5 : INDUSTRI PERKHIDMATAN




Petunjuk :

**IP** INDUSTRI PERKHIDMATAN

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





**4.3.4 Komersial**

Kawasan komersial adalah berkeluasan 9.40 hektar atau 1.54 peratus daripada keseluruhan keluasan Kawasan Rancangan Tempatan. Aktiviti komersial di Kawasan Rancangan Tempatan terbahagi kepada 2 iaitu Pusat Separa Komersial dan Pusat Komersial Kejiranan. Pembangunan komersial telah dirancang pada lokasi yang strategik dan di laluan pengangkutan awam bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian (Jadual 4.6 dan Rajah 4.6).

**Jadual 4.6 Aktiviti Komersial di Kawasan Rancangan Tempatan**

HIRARKI AKTIVITI KOMERSIAL	BILANGAN	LOKASI (BP)	KELUASAN (HEKTAR)
Pusat Separa Komersial	277 Unit	15A(1)	6.98
Pusat Komersial Kejiranan	3 Plot	14G, 15B, 15D	2.42
<b>JUMLAH</b>		-	<b>9.40</b>

**i. Pusat Separa Komersial**

Pembangunan Pusat Separa Komersial dicadangkan di kawasan Rancangan Tempatan bagi menyokong dan mewujudkan suasana Pusat Bandar yang hidup dan aktif sepanjang masa.

Pembangunan Pusat Separa Komersial yang terdiri daripada kedai pejabat di kawasan Presint Diplomatik menawarkan aktiviti komersial yang pelbagai bagi memenuhi keperluan penduduk. Pada asasnya, ianya berfungsi sebagai pusat komersial dan kemudahan perkhidmatan utama kepada keseluruhan penduduk di kawasan Rancangan Tempatan, di samping memenuhi keperluan mereka yang berkunjung dan tinggal di kawasan Diplomatik. Cirinya yang eksklusif memberikan imej berprestij terutamanya kawasan kediaman Diplomat yang terletak berdekatan.

**ii. Pusat Komersial Kejiranan**

Pusat Komersial Kejiranan dicadangkan di blok perancangan 14G, 15B dan 15D yang terletak pada lokasi yang strategik dan di dalam laluan pengangkutan awam. Pusat Komersial Kejiranan menawarkan kemudahan dan perkhidmatan yang pelbagai bagi menampung keperluan penduduk seperti kedai runcit, kedai serba guna, pasar raya, restoran, kafeteria, kedai dobi, kedai gunting dan lain-lain.

**iii. Aktiviti Perniagaan Kecil**

Aktiviti perniagaan kecil akan disediakan di tapak yang bersesuaian mengikut keperluan penduduk. Aktiviti penjaja statik adalah dibenarkan di Kawasan Pusat Perkhidmatan Perbandaran, Pusat Kejiranan, Pusat Komersial Kejiranan dan Pusat Komersial yang bersesuaian.

Aktiviti penjaja sementara seperti Pasar Ramadhan, Pasar Tani dan Pasar Malam adalah dibenarkan di tapak bersesuaian di Putrajaya bagi membolehkan aktiviti perniagaan kecil dijalankan. Penyediaan ruang perniagaan kecil ini akan dilaksanakan menerusi kerjasama antara Perbadanan Putrajaya dan pihak pemaju. Aktiviti penjaja bergerak adalah tidak dibenarkan.





#### 4.3.5 Kegunaan Khas

Guna tanah bagi Kegunaan Khas adalah terdiri daripada:

- Pejabat Kedutaan/ Perumahan Kedutaan
- Pejabat Canseri (Chancery Place)
- Pusat Pelawat (Visitor Centre)
- Stesen Minyak
- Depoh Bas
- "Park & Ride"

##### i. Pejabat Kedutaan/ Perumahan Kedutaan

Kawasan Pejabat Kedutaan/ Perumahan Kedutaan telah dicadangkan bagi membolehkan pihak Kedutaan Kerajaan dari luar negara membina Pejabat Kedutaan atau Perumahan Kedutaan bagi kegunaan mereka. Sebanyak 61 lot Pejabat Kedutaan/Perumahan Kedutaan yang merangkumi keluasan 21.71 hektar telah disediakan di blok perancangan 15A (3) di Presint Diplomatik.

##### ii. Pejabat Canseri (Chancery Place)

Pejabat Canseri adalah merupakan pejabat urusan yang khas untuk sewaan dan kegunaan pihak Kedutaan Kerajaan dari luar negara. Pejabat ini disediakan di blok 15(A)3 dengan keluasan 1.21 hektar. Pejabat ini merupakan bangunan berasingan (free-stranding) yang disokong dengan kemudahan seperti ruang penyambut tetamu, dewan serba guna, kafeteria, kedai dan tempat meletak kenderaan yang mencukupi telah disediakan bagi menyokong aktiviti bagi Pejabat Canseri tersebut.

##### iii. Pusat Pelawat (Visitor Centre)

Pusat Pelawat yang berkeluasan 0.54 hektar telah dibangunkan di Presint Diplomatik. Ia akan memberikan kemudahan informasi, tempat pameran dan pemasaran bagi pembangunan di Presint Diplomatik. Ia juga menyediakan kemudahan lain seperti kedai, restoran kafeteria, kedai cenderamata, pejabat pos dan pusat maklumat bagi memberikan perkhidmatan kepada penduduk, pengunjung dan mereka yang bekerja di kawasan ini.

##### iv. Stesen Minyak

Stesen minyak akan disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi memenuhi keperluan penduduk. Stesen minyak disediakan di blok perancangan 14E dan 14G.

Aktiviti yang dibenarkan bagi stesen minyak adalah aktiviti menjual petrol, diesel dan NGV serta kedai serbaneka. Aktiviti yang dibenarkan dengan syarat adalah pusat servis kenderaan, pusat servis tayar, serta mencuci dan menggilap kenderaan. Aktiviti sokongan seperti perkhidmatan servis dan mencuci kenderaan akan dibenarkan dengan syarat sistem rawatan bagi aktiviti tersebut memenuhi keperluan Discaj Sifar (Zero Discharge). Walau bagaimanapun, efluen yang terhasil dari aktiviti cucian kenderaan seharusnya dirawat terlebih dahulu di peringkat punca sehingga mencapai Standard A.

##### v. Kemudahan Depoh Bas




Sebuah depoh bas akan ditempatkan di Blok Perancangan 14E bagi kemudahan penyimpanan dan pembaikan bas. Penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dan efisien adalah penting bagi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan seterusnya dapat mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas di Putrajaya.

##### vi. Kemudahan Terminal "Park & Ride"

Kemudahan Terminal "Park & Ride" yang seluas 1.62 hektar akan dibangunkan di Blok Perancangan 14G. Terminal "Park & Ride" ini berfungsi sebagai terminal letak tempat kenderaan bagi menggalakkan pengguna menggunakan pengangkutan awam untuk memasuki Pusat Bandar Putrajaya bagi mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas.

# RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-7 : KEGUNAAN KHAS




Petunjuk :

- K PEJABAT KEDUTAAN / PERUMAHAN KEDUTAAN
- CP PEJABAT CHANSERI (CHANCERY PLACE)
- VC PUSAT PELAWAT (VISITOR CENTRE)
- SM STESEN MINYAK
- DEPOH BAS
- TPR TERMINAL PARK AND RIDE

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





#### 4.3.6 Reka Bentuk Bandar

Reka Bentuk Bandar di Kawasan Rancangan Tempatan adalah berdasarkan konsep 'Bandar Dalam Taman'. Ianya menitikberatkan keseimbangan dan adunan antara alam semula jadi dengan alam bina buatan manusia. Fungsi utama Reka Bentuk Bandar ialah untuk menjadikan imej Kawasan Rancangan Tempatan sebagai bandar yang indah, berciri eksklusif, selesa serta mempunyai identiti yang unik. Identiti bagi reka bentuk bandar bagi Presint 14, 15 dan Presint diplomatik adalah seperti berikut :

**Presint 14** - mempunyai identiti perumahan yang berdasarkan konsep unit kejiranan dengan reka bentuk perumahan "Garden Terrace" yang memberikan penekanan kepada jaluran hijau. Di samping itu, kemudahan "park & ride" akan dapat memberi kemudahan akses yang lebih efektif dan memenuhi keperluan penduduk terhadap pengangkutan awam.

**Presint 15** – mempunyai identiti kawasan perumahan yang disokong dengan Taman Metropolitan yang mewujudkan imej persekitaran hijau di kawasan perumahan. Taman Metropolitan ini akan disokong dengan kemudahan kawasan lapang, rekreasi aktif dan rekreasi pasif. Selain itu, pembangunan perumahan berkonsepkan unit kejiranan dan 'Garden Terrace' juga telah diterapkan di Presint 15.

Presint Diplomatik yang merupakan sebahagian dari Presint 15 mempunyai identiti sebagai kawasan pejabat kedutaan dan perumahan kedutaan yang disokong dengan aktiviti kegunaan bercampur. Pembangunan perumahan kedutaan yang eksklusif dan mewah akan dibina di kawasan tanah bercerun dengan densiti yang rendah. Di samping itu, kemudahan kegunaan bercampur menawarkan aktiviti komersial yang pelbagai di Presint Kedutaan ini.

#### i. Paksi dan Vista

Cadangan susun atur pembangunan kawasan Rancangan Tempatan ini perlu mengambil kira faktor paksi dan vista bagi mewujudkan pandangan yang menarik dan menonjolkan identiti bagi kawasan tersebut.




Vista yang dikenal pasti bagi kawasan Rancangan Tempatan adalah merupakan kawasan pembangunan Masjid dan perumahan Kedutaan Diplomatik. Kedua-dua kawasan ini terletak di kawasan berbukit bagi menonjolkan identiti dan reka bentuk pembangunan tersebut. Terdapat keperluan mewujudkan "Focal Treatment" seperti penanaman landskap bagi mewujudkan "sense of arrival" ke kawasan Rancangan Tempatan. Pengunjung yang masuk ke kawasan Rancangan Tempatan melalui Jalan Persiaran Timur ke Jalan P14 dan Jalan Ayer Itam ke Jalan P14 akan dapat melihat panorama dan reka bentuk bangunan masjid dan perumahan kedutaan yang menarik.

Terdapat 2 paksi utama yang merupakan garisan penglihatan (visual line) utama ke arah pemandangan vista yang menarik. Paksi utama bagi kawasan Rancangan Tempatan adalah terletak di sebahagian Jalan P14 dan jalan dari Masjid ke kawasan perumahan kedutaan di Presint Diplomatik (Rujuk Rajah 4.8). Susun atur bangunan dan landskap perlulah berdasarkan kepada paksi utama ini bagi mengelakkan pandangan terbuka ke arah vista ini terlindung. Ciri - ciri semula jadi topografi tanah tinggi yang beralun di Taman Rimba Alam akan dipelihara sebagai latar belakang keseluruhan Kawasan Rancangan Tempatan. Pembangunan di sepanjang paksi ini akan disokong dengan aktiviti yang menjadi tumpuan penduduk seperti pusat kejiranan, pusat komersial kejiranan dan "Park & Ride".






# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-8 : VISTA & PAKSI




Petunjuk :

-  Vista (Masjid, Pejabat Kedutaan & Perumahan Kedutaan)
-  Garisan Paksi Utama
-  Pandangan Ke Arah Vista
-  Focal Treatment
-  Nod Aktiviti

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





ii. Nod dan Penghubung

Terdapat nod yang menjadi tumpuan aktiviti sosial, ekonomi, keagamaan serta kejurangan di Kawasan Rancangan Tempatan. Pusat perniagaan di Presint Diplomatik dijangka akan menjadi nod aktiviti yang paling aktif. Sementara itu, nod-nod aktiviti utama di Presint 14 dan 15 akan wujud di kawasan pusat komersial kejurangan, masjid, pusat kejurangan dan kawasan “park & ride”. Penghubung fizikal kepada nod-nod tersebut terdiri daripada Jalan P14, sistem pejalan kaki serta rangkaian hijau (Rajah 4-8).

iii. Profil Bandar

Secara umumnya, profil pembangunan di Kawasan Rancangan Tempatan adalah menumpukan pembangunan berskala kecil di kawasan yang berkecerunan dan pembangunan yang berkepadatan tinggi di kawasan yang landai. Pembangunan profil bandar adalah penting bagi mengawal ketinggian bangunan yang akan membentuk “sky-line” bagi pembangunan di Kawasan Rancangan Tempatan (Rajah 4-9, 4-10 dan 4-11).

iv. Ketinggian Bangunan

Ketinggian bangunan di Kawasan Rancangan Tempatan telah dirancang dengan pelbagai ketinggian iaitu dari 1 tingkat hingga ke bangunan yang melebihi 10 tingkat berdasarkan kepada keadaan topografi dan kawasan persekitaran semula jadi. Kawasan tinggi di bahagian tengah kawasan Rancangan Tempatan akan dipelihara sebagai Taman Rimba Alam yang menjadi kawasan rekreasi dan beriadah.

Peletakan dan susun atur bangunan perlulah berdasarkan kecerunan dan topografi sedia ada bagi meminimumkan kerja-kerja tanah. Oleh itu, kawasan Rancangan Tempatan menekankan pembangunan apartmen berkepadatan tinggi dan perumahan teres berkepadatan sederhana di kawasan yang lebih landai. Sementara perumahan sesebuah dan berkembar atau perumahan berdensiti rendah akan dibangunkan di kawasan yang lebih bercerun dan tanah beralun (Rajah 4-12).

v. Reka Bentuk Bangunan

Pembangunan di kawasan Rancangan Tempatan akan membenarkan fleksibiliti terhadap aspek reka bentuk bangunan. Ini bagi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan dan menarik pihak pemaju untuk membuat pelaburan bagi pembangunan komersial. Bagaimanapun, pembangunan ini perlu mematuhi keperluan perancangan kawasan lapang yang ditetapkan.

Inovasi dan variasi aspek seni bina bangunan di Kawasan Rancangan Tempatan akan diutamakan dalam membentuk ciri kawasan kediaman yang eksklusif. Variasi dari segi ketinggian dan fasad akan memberikan pemandangan yang lebih menarik dan tidak membosankan. Antara ciri umum rumah-rumah di Kawasan Rancangan Tempatan ialah mempunyai dua bahagian depan (*double frontage*). Tujuannya adalah untuk mengelakkan wujudnya laman belakang serta ‘backlane’ yang biasanya tidak terurus dan kotor di samping mempamerkan rupa fasad dan landskap yang menarik di kedua-dua *frontage*.

vi. Aspek- Aspek Lain Reka Bentuk Bangunan

Terdapat aspek-aspek lain reka bentuk bangunan yang perlu ditekankan bagi pembangunan di Kawasan Rancangan Tempatan iaitu :

a. Penyediaan Reka Bentuk dari Aspek Keselamatan Penduduk

Perancangan reka bentuk bandar perlu mengambil kira aspek keselamatan dan kesejahteraan penduduk dengan mengamalkan aspek-aspek seperti “*Crime Prevention Through Environmental Design*” dan “*Traffic Calming*”. Kemudahan CCTV perlu diletakkan di tempat-tempat awam yang strategik bagi menjaga keselamatan penduduk dan mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.

**b. Penyediaan Reka Bentuk Bangunan dari Aspek Pencahayaan Bangunan**

Cadangan pencahayaan pada bangunan komersial hendaklah berdasarkan kepada garis panduan Putrajaya Lighting Masterplan, 2002. Pencahayaan bangunan perlulah selaras dengan pencahayaan di persekitarannya dan tidak mewujudkan pencemaran pencahayaan ruang udara malam (Night Sky Light Pollution)

**c. Penyediaan Reka Bentuk Bangunan dari Aspek Keperluan Orang Kurang Upaya**

Reka bentuk bangunan perlu mematuhi keperluan serta kemudahan orang kurang upaya berdasarkan kepada “Standard dan Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) Malaysia Standards MS 1331 : 1993 dan MS 1184 : 2002.

**d. Penyediaan Papan Tanda Pada Bangunan Kerajaan dan Komersial**

Cadangan papan tanda pada bangunan kerajaan dan komersial hendaklah selaras dengan reka bentuk dan saiz papan tanda di kawasan persekitarannya. Reka bentuk papan tanda bangunan perlu mematuhi “Signage Advertisement Design Guidelines For Putrajaya, 2000.

**e. Penyediaan Ruang Penghawa dingin**

Terdapat keperluan penyediaan tempat khas untuk melindungi unit penghawa dingin dari pandangan umum bagi semua ruang yang memerlukan pendingin hawa dengan mengambil kira pengudaraan yang mencukupi dan ruang servis yang selesa.

**f. Peletakan Saluran Paip Pengaliran Hujan**

Saluran paip pengaliran hujan hendaklah diletakkan secara tersorok di dalam tiang ataupun dinding untuk mendapatkan fasad bangunan yang lebih menarik dan kemas.




**g. Penyediaan Peneduh Tingkap**

Peneduh tingkap (hood, unjuran bumbung dan sebagainya) perlu disediakan di bahagian atas tingkap-tingkap bagi mengelakkan masalah tempas air hujan. Walau bagaimanapun, nilai-nilai estetik pada fasad bangunan, keselesaan dan kegunaan yang praktikal kepada pengguna perlu diambil kira.



# RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SISIP  
RAJAH 4-9 : PROFIL BANDAR  
- KERATAN RENTAS




Petunjuk :

Rajah 4.10 : Keratan Rentas A1 - A4  
Rajah 4.11 : Keratan Rentas B1 - B5


Disediakan Oleh :




PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya  
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya




Rajah 4.10 : Keratan Rentas A1 - A4



KERATAN RENTAS A1 - A2




KERATAN RENTAS A2 - A3




KERATAN RENTAS A3 - A4




Rajah 4.11 : Keratan Rentas B1 - B5




KERATAN RENTAS B1 - B2



KERATAN RENTAS B2 - B3



KERATAN RENTAS B3 - B4






KERATAN RENTAS B4 - B5



# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SISIP  
RAJAH 4-12 : KETINGGIAN BANGUNAN




Petunjuk :

- 1 TINGKAT
- 1 1/2 TINGKAT
- 2 TINGKAT
- 2 1/2 TINGKAT
- 3 TINGKAT
- 4 TINGKAT
- 5 TINGKAT
- > 10 TINGKAT

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





### 4.3.7 Alam Sekitar

#### 4.3.7.1 Pengenalan

Kawasan Rancangan Tempatan ini akan dibangunkan di kawasan hijau iaitu bekas ladang kelapa sawit yang berbukit bukau dan berlembah. Komponen penting dalam pembangunan kawasan ini adalah kawasan Presint Diplomatik dan Taman Rimba Alam. Presint Diplomatik akan menempatkan kawasan perumahan kedutaan, pejabat kedutaan dan komersial. Terdapat reseptor sensitif di kawasan ini iaitu kawasan perkampungan Kampung Dato' Abu Bakar Baginda dan Kampung Sg. Merab bersebelahan Presint 14 dan 15. Semasa dan selepas pembangunan ini dilaksanakan, kepentingan reseptor sensitif ini hendaklah dijaga dan beberapa kawasan sensitif alam sekitar perlu dipelihara. Antara kawasan sensitif alam sekitar di kawasan Rancangan Tempatan ini adalah kolam tadahan, tanah tinggi dan kawasan hijau. Sehubungan itu, pembangunan di kawasan Rancangan Tempatan ini perlu dirancang dan dikawal dengan rapi bagi meminimumkan impak ke atas alam sekitar dan reseptor sensitif yang berkaitan. Antara akta dan garis panduan yang perlu dipatuhi untuk mencapai objektif ini adalah:

- Syarat Kelulusan EIA bagi Pembangunan Putrajaya, 1995;
- Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976) 2010;
- Akta Kerajaan Tempatan, 1976;
- Undang-undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya), 1996;
- Undang-undang Kecil Pengawasan Aktiviti di Tasik (Wilayah Persekutuan Putrajaya), 2004;
- Peraturan-peraturan Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pelesenan dan Pendaftaran Aktiviti di Tasik) , 2004;
- *Drainage Masterplan Study Report for Putrajaya Development Project*, 1996;
- *Environmental Management Guidelines for Putrajaya (EMG)*, 1998;
- *Environmental Guidelines for Contractors*, 1998;
- *Putrajaya Stormwater Management Design Guidelines*, 1998;
- *Urban Stormwater Management Manual for Malaysia (MaSMA)*, 2000;
- *Catchment Development and Management Plan for Putrajaya Lake (CDMPPL)*, 2000;
- *Putrajaya Lake Use and Navigation Master Plan and Lake and Wetland Emergency Response Plan*, 2001;
- *Irrigation Master Plan for Putrajaya*, 2002; dan
- *Guidelines for Developers (Sewage Treatment Plant)*, Vol. IV, 1998.

#### 4.3.7.2 Sistem Pengurusan Alam Sekitar

Bagi merealisasikan konsep pembangunan mapan, pembangunan di kawasan Rancangan Tempatan ini perlu mengintegrasikan pelan perancangan, pengendalian *eco-culture* dan alam sekitar di setiap peringkat perancangan, pembinaan dan operasi. Sistem pengurusan alam sekitar perlu mengambil kira keperluan-keperluan berikut:

##### i. Peringkat Reka Bentuk dan Perancangan

Semua aspek reka bentuk dan perancangan yang berkaitan alam sekitar perlu dimasukkan di dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar [(*Environmental Management Plan (EMP)*)] semasa penyediaan Pelan Susun Atur dan Laporan Pengurusan Alam Sekitar [(*Environmental Management Report (EMR)*)] semasa penyediaan Pelan Pendirian Bangunan. Antara aspek - aspek perancangan alam sekitar yang perlu dipertimbangkan adalah:

- a. Pemotongan dan penambahan tanah perlu diminimumkan dan diseimbangkan bagi mengelakkan masalah hakisan, kelodak dan debu;
- b. Badan air, kawasan berbukit dan kawasan hijau perlu dikategorikan sebagai kawasan sensitif dan diurus dengan sempurna bagi memastikan topografi dan ekologi asal dikekalkan atau dipulihara;
- c. Sebarang pembinaan di lereng bukit berbahaya /tanah tinggi yang berisiko tinggi (bagi cerun >20<sup>0</sup>) hendaklah mengikut Garis Panduan Pembinaan Bangunan Tinggi di Kawasan Berbukit, 1995;
- d. Bentuk asal muka bumi (topografi) dan pokok-pokok yang dipilih di kawasan ini hendaklah seboleh-bolehnya dikekalkan, dan susun atur bangunan - bangunan dan jalan-jalan hendaklah dibuat mengikut keadaan semula jadi topografi di kawasan itu;
- e. Kawasan industri perkhidmatan dan lain - lain pembangunan yang dikenal pasti akan memberi impak terhadap penduduk dan alam sekitar hendaklah dirancang lokasi dan penempatannya. Sistem rawatan pencemaran berpusat di kawasan industri perkhidmatan bagi merawat discaj juga perlu disediakan;
- f. Zon penampungan perlu dimasukkan secara sistematik dan komprehensif ke dalam reka bentuk dan perancangan pembangunan yang berkenaan. Zon penampungan hendaklah disediakan di sepanjang jalan, laluan rel dan kawasan yang sensitif dengan bunyi bising seperti hospital, sekolah dan kawasan keagamaan.

## ii. Peringkat Pembinaan Dan Operasi

Impak pembangunan ke atas alam sekitar pada peringkat pembinaan dan operasi perlu dikawal melalui strategi pengurusan yang berkesan. Pendekatan yang perlu dipatuhi adalah:

- a. Semua pembangunan perlu mematuhi kehendak Syarat Kelulusan EIA Putrajaya. Laporan EIA telah mengenal pasti asas-asas dan isu yang penting serta kritikal di dalam pembangunan Putrajaya. Antara aspek-aspek penting yang telah disyaratkan adalah pengurusan kerja tanah, pemeliharaan hidupan liar, kawalan pencemaran air, udara dan bunyi bising.
- b. Setiap pemaju/kontraktor perlu menyediakan Pelan Pematuhan kepada Kehendak Alam Sekitar [(*Environmental Management and Compliance Plan* (EMCP))] yang antara lain mengandungi maklumat mengenai aspek-aspek pengurusan alam sekitar di tapak pembinaan dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah kawalan yang berkaitan.
- c. Semasa pembinaan dilaksanakan, pemaju/kontraktor perlu menjalankan kerja-kerja pemantauan kualiti air, udara dan bunyi bising setiap dua minggu. Hasil pemantauan ini perlu dikemukakan setiap bulan di dalam Laporan Pemantauan dan Audit Alam Sekitar [(*Environmental Monitoring and Audit Report* (EMAR))] yang turut mengandungi laporan mengenai aspek-aspek lain pengurusan alam sekitar seperti pengurusan *housekeeping*, bahan buangan terjadual, kawalan kelodak dan sebagainya bagi menggalakkan konsep "*self regulation*".
- d. Projek-projek yang dikenal pasti berpotensi akan mendatangkan kesan yang signifikan ke atas alam sekitar terutamanya semasa peringkat operasi seperti Loji Rawatan Kumbahan, Stesen Pam Kumbahan, Stesen Minyak, Industri Perkhidmatan, Pusat Penyenggaraan Bot, Gas District Cooling, Depoh bas dan pemajuan yang berhampiran dengan badan air, tasik dan wetland perlu mendapat kelulusan Pelan Penutupan Projek [(*Project Closure Plan* (PCP))] sebagai pra syarat untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki [(*Certificate of Fitness* (CF))].
- e. Pelan Pemberhentian Projek [(*Project Abandonment Plan* (PAP))] perlu dikemukakan sekiranya projek - projek ditangguhkan.
- f. Semua premis yang telah beroperasi dan dikenal pasti akan memberi impak terhadap alam sekitar seperti Gas District Cooling (GDC), *Sewage Treatment Plant* (STP) dan sebagainya dikehendaki juga menjalankan kerja - kerja pemantauan kualiti air (sekali setiap dua minggu), udara dan bunyi bising (sekali setiap bulan) dan mengemukakan hasil pemantauan setiap bulan di dalam EMAR.

## iii. Penguatkuasaan Undang - Undang

Tindakan undang - undang perlu diambil ke atas mana - mana pemaju/kontraktor yang gagal mematuhi syarat dan kehendak yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar.

### 4.3.7.3 Cadangan Kawalan Alam Sekitar

#### i. Pemuliharaan Kawasan Hijau

Berdasarkan kepada Inventori Flora dan Fauna yang dilaksanakan di kawasan ini, tiada spesies haiwan atau tumbuhan terancam/dilindungi terdapat di sini. Antara fauna yang telah dicatatkan adalah burung, tupai, monyet dan babi hutan. Manakala tumbuhan adalah pokok - pokok kelapa sawit dan tumbuhan sekunder. Haiwan yang tidak sesuai dengan ekosistem bandar seperti monyet dan babi hutan perlu dipindahkan ke kawasan hutan lain.

Taman - taman Metropolitan, Bandaran dan Kejiranan serta lain - lain kawasan hijau dan berlandskap seperti Taman Rimba Alam adalah amat sesuai sebagai habitat haiwan seperti burung dan serangga. Taman Rimba Alam juga akan di tanam dengan pelbagai spesies tumbuhan hutan hujan tropika bagi meningkatkan kepelbagaian biologi dan seterusnya mewujudkan satu lagi ekosistem hutan hujan tropika di Putrajaya. Secara tidak langsung, pembinaan kawasan hijau dan taman di kawasan Rancangan Tempatan ini akan mewujudkan habitat baru kepada pelbagai hidupan liar.



**ii. Pemuliharaan Topografi**

Pembangunan kawasan Rancangan Tempatan ini akan mengambil kira keadaan topografi dan semula jadi. Kawasan lembah bukit amat penting sebab ia merupakan kawasan takungan air hujan semula jadi dan adanya potensi yang besar sebagai kawasan rekreasi. Kawasan-kawasan yang mempunyai kecerunan kritikal di beberapa kawasan seperti di bahagian tengah Presint 14, sebahagian Presint Diplomatik dan sebahagian besar Presint 15 perlu dipelihara dan dibangunkan sebagai kawasan hijau untuk taman rekreasi.

**iii. Pembinaan Industri Perkhidmatan, Presint 14**

Industri Perkhidmatan yang hendak dibangunkan hendaklah berkonsep kepadatan rendah. Aktiviti yang dibenarkan adalah berbentuk perkhidmatan yang tidak memberi impak yang ketara ke atas alam sekitar seperti kedai membaiki kereta, pameran perabot, kelengkapan rumah, bingkai gambar, pengeluaran minuman dan makanan, perkhidmatan pelanggan, gudang tempat penyimpanan dan lain-lain perkhidmatan.

Panduan-panduan lain yang berkaitan adalah:

- a. Lokasi industri perkhidmatan hendaklah diletakkan berjauhan dari kawasan perumahan dan kawasan bandar bagi mengelakkan kacau ganggu kepada penduduk.
- b. Kawasan zon penampungan hendaklah disediakan di antara industri perkhidmatan dan kawasan perumahan dan kawasan bandar bagi mengadang impak visual dan pencemaran seperti bunyi bising dan habuk sewaktu premis-premis yang berkenaan beroperasi.
- c. Jalan masuk ke kawasan ini hendaklah dibuat secara berasingan dengan jalan ke kawasan perumahan dan kawasan bandar bagi mengelakkan kacau ganggu lalu lintas dan keselamatan serta kerosakan jalan akibat penggunaan kenderaan berat.
- d. Sistem rawatan kumbahan terutamanya melibatkan rawatan minyak dan gris yang mematuhi Standard A, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen- Efluen Perindustrian), 1979 hendaklah disediakan dan diselenggara dengan sempurna sepanjang masa.

**iv. Penggunaan Air Terawat Dari Sistem Rawatan Kumbahan Berpusat untuk Pengairan**

Sistem Rawatan Kumbahan Berpusat di Presint 14 akan direka bentuk untuk mengalirkan air kumbahan terawat ke kawasan-kawasan landskap di Presint 14, 15 dan Presint Diplomatik sebagai sumber air untuk mengairi pokok-pokok dan tanaman di kawasan tersebut. Kaedah ini merupakan satu pendekatan yang inovatif dan mesra alam di mana ianya akan dapat mengurangkan penggunaan air bersih dari JBA dan pada masa yang sama dapat menggunakan semula kandungan nutrien yang terdapat di dalam air kumbahan terawat tersebut sebagai sumber baja organik. Pendekatan ini juga akan menjimatkan kos jangka panjang kerana ianya menjimatkan penggunaan air dan baja.

**v. Pam Kumbahan PS06, Presint 14**

Pam Kumbahan PS06, di Presint 14 perlu menyediakan satu sistem Emergency Response Plan (ERP) yang komprehensif bagi mengelakkan berlaku kejadian pelepasan air kumbahan secara tidak terkawal ke dalam sel *Wetland Upper East*. Kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan di dalam stesen pam kumbahan tersebut perlu dipantau supaya tidak berlaku limpahan air kumbahan yang tidak terkawal. Sistem penyahbau juga perlu dipasang dan dipastikan sentiasa berfungsi untuk memastikan tiada kacau ganggu kepada penduduk berhampiran.

**vi. Kawalan Kualiti Air**

Kawalan kualiti air berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti pembinaan dan premis-premis yang beroperasi di kawasan promenade, pinggiran tasik dan badan air.

Terdapat dua kawasan tadahan di Kawasan Rancangan Tempatan ini, iaitu:

- a. Kawasan tadahan yang akan mengalir ke Tasik Putrajaya melalui *Wetland Upper Bisa* dan *Upper East*.
- b. Kawasan tadahan yang akan mengalir keluar dari Tasik Putrajaya ke Sungai Air Hitam dan Sungai Merab.

Kualiti air Tasik Putrajaya perlu dikawal supaya ia sentiasa mematuhi standard "water body contact" bagi menggalakkan aktiviti sukan dan rekreasi air. Terdapat juga sebuah kolam tadahan di Presint 14 yang berfungsi sebagai penebat banjir. Semua discaj ke Tasik Putrajaya hendaklah mematuhi standard yang telah ditetapkan dalam *Putrajaya Lake Water Quality Standard*, 1998. Antara pendekatan yang perlu dilaksanakan untuk mengawal kualiti air tasik adalah:

- a. Discaj ke dalam badan air seperti kolam tadahan dan tasik perlu dikawal melalui dua pendekatan iaitu kawalan secara "point source" dan kawalan secara "non-point source". Kawalan secara "point source" dilaksanakan melalui rawatan air berpunca pencemaran manakala "non-point source" dilaksanakan melalui reka bentuk landskap, *bio-engineering* dan pendekatan-pendekatan lain yang berkaitan.
- b. Air basuhan, air buangan, kumbahan dari *Stable Complex* di Presint 15 dan kumbahan domestik tidak dibenarkan disalurkan ke Tasik Putrajaya. Sebaliknya ianya hendaklah disalurkan ke Sistem Pembetungan Berpusat [(*Centralised Sewer Treatment Plant (STP)*)] untuk dirawat.
- c. STP di Presint 14 perlu mematuhi Standard A, Peraturan - peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen - efluen Perindustrian), 1979.
- d. *Gross Pollutant Trap (GPT)* dan CDS perlu disediakan di semua *outlet* ke Tasik Putrajaya untuk memerangkap sampah.
- e. Cerun - cerun hendaklah direka bentuk dan diselenggara dengan baik bagi memastikan kestabilannya. Kerja - kerja pemulihan dan penstabilan cerun hendaklah dilaksanakan dengan segera untuk mengelakkan masalah hakisan dan kelodak.
- f. Sistem perparitan air hujan yang berkesan hendaklah dibina berasingan dari sistem perparitan air buangan dan efluen dan air buangan yang telah terolah. Sebarang pelepasan dari sistem perparitan ini hendaklah dielakkan dari memasuki sistem air tasik dan sebaliknya hendaklah dilepaskan ke alur air di hilir kawasan tasik.
- g. Stesen Minyak perlu menyediakan *Oil and Grease Trap* dan mematuhi Standard A, Peraturan - peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian), 1979.

- h. Perkhidmatan lain yang berkaitan dengan Stesen Minyak perlu dilaksanakan secara "Discaj Sifar" (*Zero Discharge*), sekiranya sistem perparitannya mengalir ke Tasik Putrajaya. Sementara itu, bagi sistem perparitan yang mengalir keluar dari kawasan Putrajaya, ianya hendaklah mematuhi Standard A, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian), 1979.
- i. Kolam perangkap mendap, sistem saliran untuk menyalurkan air larian permukaan (*surface run-off*) dan tandas sementara (*portable*) hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembukaan tanah/pembinaan dijalankan. Kandungan Pepejal Terampai (*Total Suspended Solid (TSS)*) hendaklah tidak melebihi 50 mg/l.
- j. Semua kawasan lapang yang telah dibersihkan dan tidak akan dibangunkan hendaklah dilindungi atau ditanami rumput/tanaman tutup bumi dengan serta merta.
- k. Zon penampungan selebar 20 meter yang di tanam dengan rumput atau lain-lain tumbuhan penutup bumi dan dilengkapi dengan sistem perparitan sementara ("*cut-off drain*") yang sempurna hendaklah disediakan di sepanjang pinggiran tasik semasa aktiviti pembangunan dilaksanakan.
- l. Kaedah kawalan makhluk perosak atau rumpai akuatik mengikut konsep Pengurusan Makhluk Perosak Bersepadu ("*Integrated Pest Management Concept*") yang melibatkan penggunaan kawalan biologi hendaklah diamalkan.
- m. Pestisid, herbisid dan baja sekiranya perlu digunakan hendaklah dari jenis yang selektif terhadap spesies sasaran, bersifat organik dan mesra alam (*biodegradable*).

#### vii. Kawalan Kualiti Udara

Kualiti udara di kawasan Rancangan Tempatan ini adalah pada tahap yang baik dan memuaskan sebelum aktiviti pembinaan dijalankan. Sehubungan itu, adalah penting supaya kualiti ini terus dikekalkan dan dipulihara.

Pembangunan secara besar-besaran dan pergerakan kenderaan pembinaan akan menjejaskan kualiti udara sedia ada. Pembinaan jalan raya juga akan meningkatkan bilangan kenderaan dan menyebabkan masalah pencemaran udara terutamanya habuk, debu dan asap hitam. Kualiti udara hendaklah



mematuhi standard yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978. Bagi memastikan kualiti udara adalah terkawal, langkah-langkah berikut perlu dipatuhi:

- a. Pemasangan jalan logistik dan kawasan lapang, penggunaan jalan logistik yang diturap separa, penyediaan "wash trough" dan penanaman rumput di kawasan terbuka perlu dilaksanakan untuk mengawal dan meminimumkan pencemaran habuk dan debu.
- b. Semua "green corridors", kawasan lapang, kawasan penampungan di antara jalan raya dan kawasan perumahan perlu ditanam dengan pokok untuk mengurangkan/meminimumkan pencemaran udara dan bunyi bising.
- c. Pembakaran terbuka ke atas sisa-sisa tumbuhan dan bahan-bahan binaan adalah dilarang sama sekali.
- d. Pemasangan alat pembakaran bahan api seperti jana kuasa yang tertakluk kepada Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.
- e. Pemeriksaan dan penyelenggaraan kenderaan dan peralatan perlu dilaksanakan secara sistematik dan berjadual.
- f. Pengangkutan awam seperti bas dan teksi yang menggunakan NGV hendaklah digalakkan.
- g. Penggunaan pengangkutan awam dan berkongsi kereta (*car pooling*) perlu digalakkan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.

#### viii. Kawalan Bunyi Bising

Punca utama pencemaran bunyi bising di kawasan Rancangan Tempatan ini adalah dari aktiviti pembinaan, trafik dan rel. Reseptor sensitif bagi bunyi bising adalah kawasan perumahan dan sekolah. Syarat EIA menyatakan bahawa bunyi bising di sempadan tidak boleh melebihi 65 dBA pada waktu siang dan 55 dBA pada waktu malam. Pendedahan kepada bunyi bising untuk kawasan Komuniti/Urban (WHO, 1980) telah dihadkan kepada maksimum  $L_{eq}$  55 dBA pada waktu siang dan 45 dBA pada waktu malam. Adalah dijangkakan bahawa bunyi bising di sepanjang jalan raya akan melebihi 80 dBA.

Sehubungan itu, pencemaran bunyi bising perlu dikawal di peringkat punca (enjin kenderaan) dan melalui penggunaan kawasan penampungan dan pengadangan bunyi di seluruh kawasan Rancangan Tempatan ini. Penggunaan "diesel piling" di tapak pembinaan juga tidak dibenarkan.

#### ix. Pengurusan Bahan Buangan


Bahan buangan domestik seperti buangan dapur, kertas dan plastik dijangka akan meningkat semasa fasa pembinaan dan operasi. Pembukaan tanah juga akan menyebabkan peningkatan jumlah buangan bio-mas. Di samping itu, bahan buangan binaan dan bahan buangan toksik juga akan terhasil dari aktiviti pembinaan. Bagi memastikan pengurusan bahan buangan yang efisien, bahan buangan di kawasan Rancangan Tempatan ini perlu dikawal melalui langkah-langkah berikut:

- a. Buangan bio-mas perlu diricih dan diangkut keluar kawasan atau dijadikan kompos;
- b. Konsep 3R (*Reduce, Recycle dan Reuse*) perlu diberi penekanan. Kempen-kempen kesedaran perlu dianjurkan untuk mempromosikan konsep 3R sebagai sebahagian dari gaya hidup yang mampan;
- c. Pusat pengumpulan bahan kitar semula perlu disediakan di kawasan perumahan atau pusat komuniti;
- d. Buangan binaan perlu diurus dengan sempurna dan dilupuskan di tapak pelupusan yang dibenarkan;
- e. Buangan terjadual seperti bahan buangan minyak tidak dibenarkan dibuang ke dalam mana-mana alur air atau tasik dan sebaliknya hendaklah dikendalikan mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005.

#### x. Penjimatan Tenaga

Penggunaan tenaga secara berlebihan atau tidak efisien merupakan satu pembaziran dan boleh menyebabkan masalah pemanasan global (*global warming*). Oleh itu, semua pemajuan projek hendaklah mengguna pakai bahan-bahan pembinaan yang mampu menjimatkan tenaga manakala bangunan atau struktur-struktur lain hendaklah direka bentuk supaya ianya mampu menjimatkan penggunaan tenaga. Penggunaan "solar heaters" perlu digalakkan bagi mengurangkan penggunaan tenaga.

Kawasan sensitif alam sekitar yang perlu dipelihara dan premis-premis yang dikenal pasti akan memberi impak ke atas alam sekitar seperti di Rajah 4-13.



# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-13 : PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

### CONTOH KAWALAN PENCEMARAN UDARA



Wash Through - Tempat membasuh roda kenderaan dan jentera pembinaan.

### CONTOH KAWALAN SISA BUANGAN PEPEJAL




Sisa tumbuhan (bioisim) dibuang di tempat yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan




Tempat pembuangan sisa buangan pepejal

### CONTOH KAWALAN HAKISAN TANAH



Penanaman semula tumbuhan tutup bumi (turfing).



Kaedah "Mulching" di kawasan cerun.



Turapan jalan raya

### CONTOH KAWALAN ENDAPAN



Kaedah takungan (Sump)



Perangkap mendap (Silt trap)



Kolam tadahan endapan.

### CONTOH KAWALAN SALIRAN



Pembetung saliran sementara



Kaedah Gabion






Perpartitan/longkang

### CONTOH KAWALAN KAWASAN BERBUKIT



Meminimumkan pemotongan dan penambakan kawasan berbukit terutama bagi kawasan cerun > 25° darjah.




PETUNJUK:

Disediakan Oleh:



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





**4.3.8 Landskap, Kawasan Lapang dan Rekreasi**

Penyediaan kawasan lapang dan rekreasi yang merangkumi kira-kira 38.67 peratus (235.34 hektar) dari keseluruhan keluasan Rancangan Tempatan adalah penting ke arah mencapai matlamat pembangunannya berdasarkan konsep “Bandar Dalam Taman”. Hierarki kawasan lapang dan rekreasi boleh dibahagikan kepada kategori seperti berikut:

**i. Taman Metropolitan**

Taman Metropolitan akan berfungsi sebagai kawasan hijau utama di kawasan Rancangan Tempatan dan ianya terletak di blok perancangan 15G. Taman Metropolitan akan menyediakan kemudahan yang secukupnya untuk kegunaan penduduk setempat serta penduduk di luar Presint 14 dan 15. Kawasan rekreasi yang ditawarkan adalah dari jenis pasif, berimpak rendah dan selaras dengan keadaan semula jadinya. Taman Metropolitan mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

**Jadual 4.7 : Taman Metropolitan**

Kategori	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Rekreasi
Taman Metropolitan	Tadahan : 350,000 penduduk	i. Kemudahan seperti tempat perkelahan, perkhemahan dan lain-lain. ii. Mempunyai alam semula jadi untuk rekreasi seperti <i>jungle tracking</i> , hutan lipur dan tempat penyelidikan alam sekitar. iii. Tandas, telefon awam dan surau. iv. Tempat meletak kereta dan bas. v. Kemudahan-kemudahan lain

**ii. Taman Bandaran**

Taman Bandaran merupakan taman awam yang kedua utama dan ianya ditempatkan di Blok Perancangan 15A(3) dalam kawasan Rancangan Tempatan.

Ia menyediakan kemudahan bagi keperluan penduduk di kawasan bandaran yang dapat menampung lebih kurang 50,000 penduduk. Taman Bandaran mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

**Jadual 4.8 : Taman Bandaran**




Kategori	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Rekreasi
Taman Bandaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lingkungan dalam 0.5 km (0.3 batu) atau ½ jam perjalanan.</li> <li>Tadahan : 50,000 penduduk</li> </ul>	i. Gelanggang Permainan . ii. Padang Permainan Kanak-kanak. iii. Kawasan berkelah dan berkhemah. iv. Hutan Lipur dan taman bunga. v. Wakaf dan surau. vi. Tandas dan telefon awam vii. Kemudahan-kemudahan lain.

**iii. Taman Tempatan**

Taman Tempatan merupakan taman awam yang terletak di sub-presint. Ia menawarkan kawasan rekreasi untuk komuniti tempatan dalam anggaran 12,000 penduduk bagi menjalani aktiviti rekreasi berbentuk aktif dan pasif. Taman-taman Tempatan di dalam kawasan Rancangan Tempatan terletak dalam Blok-blok Perancangan 15A(3), 15C, 15D, 15E. Ia dapat memudahkan penduduk tempatan supaya dapat menikmati keperluan rekreasi di samping memendekkan jarak dan masa yang perlu untuk mencapai ke taman-taman ini melalui jalan kaki, berbasikal, memandu atau dengan pengangkutan awam. Taman Tempatan mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

# RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-14 : KAWASAN LAPANG & REKREASI




Petunjuk :

- TAMAN METROPOLITAN
- TAMAN BANDARAN
- TAMAN TEMPATAN
- TAMAN KEJIRANAN
- JALURAN HIJAU
- ZON PENAMPAN
- BADAN AIR

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





Jadual 4.9 : Taman Tempatan

Kategori	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Rekreasi
Taman Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lingkungan dalam 3 km (1.8 batu)</li> <li>Tadahan : 12,000 penduduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Taman dan kawasan permainan kanak-kanak</li> <li>ii. Kawasan berkelah dan rekreasi aktif</li> <li>iii. Tandas awam</li> <li>iv. Wakaf</li> <li>v. Kemudahan Tempat Meletak Kereta</li> <li>vi. Kemudahan-kemudahan Lain</li> </ul>

**iv. Taman Kejiranan**

Lokasi Taman - taman Kejiranan adalah terletak berhampiran dengan kawasan unit kejiranan dan menyumbang keperluan rekreasi untuk penduduk dalam lingkungan 3,000 penduduk.

Taman ini digabungkan dengan konsep 'Laluan Belakang' di mana ia menetapkan rumah kediaman menghadap kepada laluan pejalan kaki yang berbentuk taman berlandskap atau rangkaian taman-taman. Taman Kejiranan akan mempunyai ciri-ciri seperti berikut :

Jadual 4.10 : Taman Kejiranan

Kategori	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Rekreasi
Taman Kejiranan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lingkungan dalam 1.5 km (0.9 batu)</li> <li>Tadahan : 3,000 penduduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Padang permainan kanak-kanak</li> <li>ii. Gelanggang badminton, tenis, takraw dan lain-lain</li> <li>iii. Kawasan jogging, taman dan tempat berteduh</li> <li>iv. Tempat rehat</li> <li>v. Tempat meletak kereta</li> <li>vi. Kemudahan-kemudahan Lain</li> </ul>

**v. Padang Permainan**

Padang permainan merupakan hierarki taman yang terendah di kawasan Rancangan Tempatan. Ia merupakan satu kawasan di mana penduduk di unit kejiranan dapat berekreasi. Ia menawarkan kawasan rekreasi untuk penduduk dalam lingkungan 1,000 penduduk. Kemudahan yang disediakan adalah seperti taman permainan kanak-kanak, lorong berbasikal, lorong siar kaki dan tempat berehat.

Kawasan padang bola sepak dan gelanggang serba guna yang mencukupi akan disediakan bagi menampung keperluan penduduk. Kawasan padang bola adalah dibenarkan di Pusat Kejiranan Presint 14 dan Pusat Perkhidmatan Perbandaran Presint 15. Gelanggang serba guna pula dicadangkan di Pusat Kejiranan Presint 14, Pusat Perkhidmatan Perbandaran di Presint 14 & 15.

**vi. Jaluran Hijau**

Jaluran Hijau akan menghubungkan keseluruhan rangkaian taman - taman yang terletak di dalam kawasan Rancangan Tempatan dari segi Pejalan Kaki yang berteduh, Lanskap Jalan, Kawasan Penampian atau Taman Linear. Ia bukan saja berfungsi sebagai Penghubung Kawasan Rekreasi malah ia juga membentuk ciri - ciri landskap bandar bagi hubungan hijau yang berlainan hierarki seperti laluan pejalan kaki dan laluan kereta.

**vii. Badan Air**

Kawasan Badan Air di Blok-blok Perancangan 14E, 14G, 15C, 15D dan 15E memainkan peranan yang penting sebagai kawasan lapang di dalam kawasan Rancangan Tempatan. Badan-badan air ini yang kebanyakannya terdiri daripada kolam tadahan dan tebing simpanan parit yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan menjadi taman rekreasi dengan kemudahan-kemudahan bagi aktiviti rekreasi aktif dan pasif.

**viii. Kawasan Penampian**

Kawasan Penampian yang berada dalam Rancangan Tempatan Presint 14 dan 15 sebahagian besarnya merujuk kepada kawasan hijau di bahu jalan utama. Ia berfungsi terutamanya sebagai pelindung semula jadi yang menjarakkan kawasan perumahan dengan utiliti awam, misalnya jalan utama, laluan penghantar elektrik dan cawangan stesen TNB. Zon penampian ini adalah bersesuaian untuk dijadikan kawasan siar kaki dan aktiviti yang berteraskan kepada rekreasi pasif.

**ix. Syarat-Syarat Lain**

Syarat-syarat tambahan lain bagi pembangunan landskap, kawasan lapang dan rekreasi adalah seperti berikut :

- a. Perlu menyediakan kemudahan taman permainan kanak-kanak dan kemudahan rekreasi bagi semua kawasan kediaman, tadika dan taska.
- b. Semua reka bentuk landskap bagi kemudahan awam dan keseluruhan pembangunan perlu mengambil kira aspek keselamatan, kesihatan dan keselesaan penduduk / pengguna dan mengamalkan aspek-aspek seperti "Crime Prevention Through Environmental Design". Kemudahan CCTV perlu diletakkan di tempat-tempat awam yang strategik bagi menjaga keselamatan penduduk dan mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.
- c. Kemudahan peralatan permainan kanak-kanak mestilah mematuhi aspek keselamatan dan spesifikasi bahan berdasarkan kepada MS 966 : Part 1 : 2001 dan MS 966 :Part 2 :2001
- d. Cadangan sistem sirkulasi / jaringan pejalan kaki dan laluan basikal perlulah berkesinambungan dengan kawasan pembangunan bersebelahan dan mengambil kira keperluan golongan kurang upaya dengan mematuhi MS 1331 : 1993



#### 4.3.9 Pengangkutan dan Lalu Lintas

Perancangan sistem pengangkutan dan lalu lintas di kawasan Rancangan Tempatan adalah untuk mewujudkan kemudahan yang tinggi dan meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Sistem Penyuraian Trafik (Traffic Dispersal System) telah dicadangkan bagi menyediakan sistem lalu lintas yang bersistematis yang merangkumi cadangan rangkaian jalan raya, sistem pengangkutan awam, dan rangkaian pejalan kaki. Selain daripada itu, pembangunan infrastruktur sokongan seperti perkhidmatan rel dan stesen *Park-And-Ride* akan menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam pelbagai mod di Putrajaya.

Strategi pembangunan pengangkutan dan Lalu lintas di Putrajaya adalah berdasarkan kepada objektif - objektif yang telah ditetapkan pada Pelan Induk Pengangkutan Putrajaya seperti berikut:

- i. Menyediakan persekitaran pembangunan yang bebas dari kesesakan lalu lintas dan meminimumkan pencemaran alam sekitar.
- ii. Mencapai matlamat 70 peratus daripada semua mod perjalanan di kawasan Pusat Bandar Putrajaya menggunakan pengangkutan awam;
- iii. Mengutamakan penggunaan pengangkutan awam dan menggalakkan penggunaan *Park-and-Ride* untuk pemandu ke kawasan Pusat Bandar.
- iv. Menyediakan hierarki jaringan jalan raya yang baik dan sistematis bersesuaian dengan keadaan pada masa hadapan dan;
- v. Memastikan perancangan yang fleksibel yang dapat menampung kepada perubahan di masa hadapan.

#### 4.3.9.1 Rangkaian Jalan Raya

Rangkaian jalan raya utama di Putrajaya adalah berdasarkan kepada hierarki jalan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pengangkutan Putrajaya. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan semua perancangan rangkaian jalan raya di Putrajaya mematuhi fungsi dan objektif setiap hierarki jalan yang telah ditetapkan seperti berikut :

- i. Jalan Pengagih Utama ( Primary Distributor Road);
- ii. Jalan Pengagih Sekunder ( Secondary Distributor Road);
- iii. Jalan Pengagih Tempatan ( Local Distributor Road);
- iv. Jalan Pengumpul Tempatan ( Spine Road );
- v. Jalan Tempatan (Local Road); dan
- vi. Jalan Akses (Access Road).

Klasifikasi hierarki jalan di kawasan Rancangan Tempatan adalah bermula dengan Jalan Pengagih Sekunder ke Jalan Akses. Hierarki jaringan jalan ditunjukkan dalam Rajah 4-15, sementara keratan rentas tipikal bagi jalan ditunjukkan dalam Rajah 4-16.




Perancangan rangkaian pengangkutan dan lalu lintas di kawasan Rancangan Tempatan akan mengambil kira aksesibiliti dari kawasan persempadanan. Terdapat jalan masuk yang dibangunkan dari kawasan persempadanan di sebelah timur kawasan kajian iaitu melalui Jalan Ayer Itam (Jalan Negeri B13) ke Presint 14.

Selain daripada itu, penanaman landskap di tepi jalan perlu dirancang dengan baik bagi memastikan ia tidak menghalang pemandangan pemandu kenderaan/ pengguna jalan.

# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
 RAJAH 4-15 : RANGKAIAN JALAN RAYA DAN  
 SISTEM PENGANGKUTAN




PETUNJUK:

-  RIZAB JALAN PENGAGIH UTAMA
-  RIZAB JALAN PENGAGIH SEKUNDER
-  RIZAB JALAN PENGAGIH TEMPATAN
-  RIZAB JALAN PENGUMPUL TEMPATAN
-  RIZAB JALAN TEMPATAN
-  RIZAB JALAN AKSES
-  LALUAN REL
-  SR STESEN REL
-  DEPOH BAS
-  TERMINAL PARK & RIDE

Disediakan Oleh:




PERBADANAN PUTRAJAYA  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAHAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
 62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA






Rajah 4-16 : Keratan Rentas Jalan Di Kawasan Rancangan Tempatan

Jalan Pengagih Sekunder (34.5 Meter)




Jalan Pengagih Tempatan (33.5 Meter)




Rajah 4-16 : Keratan Rentas Jalan Di Kawasan Rancangan Tempatan (Sambungan)


Jalan Pengumpul Tempatan (26.5 Meter)




Jalan Pengumpul Tempatan (25.5 Meter)




Jalan Tempatan (21.0 Meter)



Jalan Tempatan (20.0 Meter)



Jalan Akses (15.0 Meter)





i. Jalan Pengagih Utama ( Primary Distributor Road)

Jalan Pengagih Utama (Jalan Persiaran Timur) menyediakan jalan perhubungan yang strategik antara bandar. Ia adalah laluan berkembar (dual carriageway) tiga lorong setiap arah dengan rizab jalan selebar 70m. Jarak minimum di antara persimpangan yang dibenarkan adalah 1.5 km dan hanya pembinaan persimpangan bertingkat yang dibenarkan untuk jalan jenis ini. Jalan Pengagih Utama ini terletak di bahagian barat dan di luar sempadan kawasan Rancangan Tempatan.

ii. Jalan Pengagih Sekunder ( Secondary Distributor Road)

Jalan Pengagih Sekunder berfungsi sebagai jalan pengumpul yang menghubungkan Jalan Pengagih Utama. Jalan ini adalah laluan berkembar (dual carriageway) tiga lorong setiap arah dengan rizab jalan selebar 34.5 meter. Jarak minimum persimpangan untuk Jalan Pengagih Sekunder adalah 500 meter dan hanya persimpangan bertingkat atau berisyarat sahaja dibenarkan untuk dibina merentasi jalan jenis ini. Jalan Pengagih Sekunder di kawasan Rancangan Tempatan adalah bermula dari arah barat mengarah ke timur dan berakhir di sebuah bulatan yang bertujuan untuk mengagihkan kenderaan ke hierarki jalan yang lebih rendah.

iii. Jalan Pengagih Tempatan ( Local Distributor Road)

Jalan Pengagih Tempatan berfungsi sebagai jalinan jalan penghubung di antara Jalan Pengagih Sekunder dengan Jalan Tempatan dan kawasan petempatan. Jalan ini merupakan laluan berkembar dua lorong setiap arah dengan rizab jalan selebar 33.5 meter. Jarak minimum persimpangan untuk jalan jenis ini ialah 250 meter. Kesemua persimpangan untuk jalan ini memerlukan persimpangan berlampu isyarat. Jalan Pengagih Tempatan ini telah dihubungkan dengan Jalan Ayer Itam (Jalan Negeri B13) yang merupakan jalan masuk utama di bahagian timur kawasan Rancangan Tempatan.

iv. Jalan Pengumpul Tempatan (Spine Road)

Jalan Pengumpul Tempatan menyediakan laluan utama bagi pergerakan di dalam dan antara presint. Ia adalah jalan utama yang menghubungkan kawasan perumahan ke Jalan Pengagih Tempatan dan jalan masuk ke presint. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai laluan utama untuk perkhidmatan bas di kawasan Rancangan Tempatan. Jalan ini merupakan laluan berkembar dua lorong setiap arah dengan rizab jalan 25.5m/ 26.5m lebar. Jenis persimpangan yang dibenarkan adalah persimpangan lampu isyarat atau persimpangan keutamaan tanpa kawalan lampu isyarat (priority junction) bergantung kepada jumlah aliran lalu lintas. Jarak minimum untuk persimpangan ialah 120 meter.

v. Jalan Tempatan (Local Road)

Jalan Tempatan adalah jalan yang menghubungkan Jalan Pengumpul Tempatan dan jalan masuk ke kawasan perumahan. Ia merupakan jalan tunggal (single carriageway) empat atau dua lorong tanpa pembahagi jalan dengan rizab jalan antara 21m ke 20m lebar.

vi. Jalan Akses (Access Road)

Jalan Akses adalah jalan taraf terendah yang menghadap unit kediaman ataupun kawasan perniagaan. Ia adalah jalan tunggal (single carriageway) dua lorong dengan rizab jalan antara 15 m/ 12 m.

**4.3.9.2 Cadangan Jenis Persimpangan**

Persimpangan adalah salah satu bahagian yang penting dalam sistem jalan raya kerana jenis kawalan sesuatu persimpangan akan menentukan kapasiti kenderaan yang dapat melalui sesuatu rangkaian jalan raya (rajah 4 - 18). Secara umumnya, persimpangan boleh dikelaskan sebagai persimpangan bertingkat, persimpangan separa bertingkat atau persimpangan searas. Persimpangan bertingkat atau persimpangan separa bertingkat kebiasaannya adalah untuk jalan - jalan strategik, sementara jalan - jalan hierarki rendah kebiasaannya adalah persimpangan searas atau separa bertingkat. Piawaian bagi jenis kawalan persimpangan untuk jaringan jalan yang strategik di kawasan kajian ditunjukkan di Jadual 4.11.

**Jadual 4.11 : Piawaian Jenis Kawalan Persimpangan Untuk Jaringan Jalan Strategik**

JENIS JALAN	LEBUH RAYA	PENGAGIH UTAMA	PENGAGIH SEKUNDER	PENGAGIH TEMPATAN
Lebuh Raya	Persimpangan Bertingkat	Persimpangan Bertingkat	-Tiada-	-Tiada-
Pengagih Utama	Persimpangan Bertingkat	Persimpangan Bertingkat	Persimpangan Bertingkat	Persimpangan Separ Bertingkat atau Bertingkat
Pengagih Sekunder	-Tiada-	Persimpangan Bertingkat	Persimpangan Separ Bertingkat	Persimpangan Separ Bertingkat
Pengagih Tempatan	-Tiada-	Persimpangan Separ Bertingkat atau Bertingkat	Persimpangan Separ Bertingkat	Persimpangan searas

Secara umumnya, jenis persimpangan yang terdapat di kawasan Rancangan Tempatan adalah terdiri daripada jalan-jalan hierarki rendah di mana ia terdiri daripada persimpangan searas yang dikategorikan seperti berikut;-

- Persimpangan Berisyarat;
- Bulatan; dan
- Persimpangan Utama.

Pelaksanaan pemasangan lampu isyarat perlu dilaksanakan secara berperingkat - peringkat dan berdasarkan kepada keperluan penduduk dan penjana isi padu trafik.

**4.3.9.3 Cadangan Rangkaian Pejalan Kaki/ Basikal**

Sistem laluan pejalan kaki yang terancang dan selamat perlu disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi mengintegrasikan kawasan perumahan dengan kemudahan-kemudahan lain seperti kemudahan sekolah, taman rekreasi dan pengangkutan awam. Kemudahan-kemudahan sokongan sistem pejalan kaki seperti jejantas dan lintasan pejalan kaki perlu disediakan bagi menjamin keselamatan kanak-kanak/ pelajar terutamanya di kawasan berhampiran sekolah.

Laluan pejalan kaki dan laluan basikal boleh membantu meningkatkan penggunaan sistem pengangkutan awam di Putrajaya. Oleh itu, di kawasan kediaman, laluan pejalan kaki perlu menyediakan jalinan yang mudah ke perhentian bas dan stesen rel. Sebagai tambahan, rak-rak basikal boleh disediakan di stesen-stesen rel untuk penunggang meletakkan dan mengunci basikal mereka dengan sempurna.




Selain daripada laluan pejalan kaki dan laluan basikal, kawasan melintas untuk pejalan kaki dan basikal perlu di beri perhatian untuk meningkatkan keselamatan kepada pejalan kaki dan penunggang basikal (Rajah 4-18).





# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

RAJAH 4-17 : JENIS KAWALAN PERSIMPANGAN




PETUNJUK :

-  PERSIMPANGAN BERLAMPU ISYARAT
-  PERSIMPANGAN KEUTAMAAN (TIADA LAMPU ISYARAT)

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA









#### 4.3.9.4 Cadangan Sistem Pengangkutan Awam

Perancangan pengangkutan awam di kawasan Rancangan Tempatan adalah untuk mewujudkan kemudahsampaian yang tinggi dengan meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam. Penyediaan sistem pengangkutan awam yang efektif seperti perkhidmatan rel, bas dan teksi yang disokong dengan kemudahan *Park and Ride* adalah bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian bagi perjalanan ke pusat bandar. Komponen-komponen dalam sistem pengangkutan awam bagi kawasan Rancangan Tempatan adalah seperti berikut :-

##### i. Perkhidmatan Rel

Terdapat dua buah stesen rel yang dicadangkan di kawasan Rancangan Tempatan. Cadangan laluan sistem rel bermula dari arah barat menuju ke timur dan . Stesen pertama ini akan berkhidmat untuk para penduduk di dalam Presint 14 dan 15. Seterusnya laluan rel bergerak ke arah timur-laut di mana stesen kedua dirancang untuk menghubungkan dengan pembangunan di Presint Diplomatik. Stesen kedua ini adalah merupakan stesen rel dan stesen *Park and Ride* yang berfungsi untuk menggalakkan pengguna kenderaan persendirian daripada luar Putrajaya supaya menukar mod pengangkutan kenderaan persendirian kepada mod pengangkutan awam untuk masuk ke kawasan Presint Utama Putrajaya. Bas pengantara akan digunakan untuk menyediakan perkhidmatan kepada penduduk di dalam kawasan kajian.

##### ii. Perkhidmatan Bas

Perkhidmatan bas akan memainkan peranan penting sebagai perkhidmatan sistem pengangkutan yang utama bagi kawasan yang tiada perkhidmatan rel. Dua jenis perkhidmatan bas akan dilaksanakan di kawasan Rancangan Tempatan seperti berikut :-

- Bas antara Presint menyediakan perkhidmatan bas di antara Presint seperti Presint 14 dan 15 ke Presint 1, 16 dan lain-lain.
- Bas Pengantara berfungsi sebagai “feeder bus” ke sistem rel dan menyediakan perkhidmatan pergerakan jarak dekat.

Secara umumnya, laluan untuk bas pengantara dan bas antara presint adalah melalui Jalan Pengumpul Tempatan dan Jalan Tempatan. Laluan bas perlu mengambil kira kajian Transport Action Plan dan pelan - pelan susun atur yang diluluskan. Perhentian-perhentian bas akan disediakan di kawasan yang menjadi tumpuan penduduk seperti di kawasan pusat perniagaan, pusat membeli belah, stesen rel dan kediaman bagi menampung keperluan penduduk. Jarak di antara perhentian dicadangkan bas tidak melebihi 500 meter.

Terdapat keperluan bagi penyediaan laluan berbumbung (cover walkway) dari perhentian bas ke kawasan perumahan strata seperti apartmen dan kondominium. Perhubungan berbumbung (Cover connection) di antara blok - blok apartmen juga perlu disediakan.




Kawasan untuk depoh bas juga telah dirancang Blok Perancangan 14E, Presint 14 bagi kemudahan penyimpanan dan pembaikan bas. Kemudahan depoh bas ini disediakan bagi membolehkan penyelenggaraan dan pembaikan bas - bas untuk menjamin keselamatan dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada penumpang.

##### iii. Perkhidmatan Teksi

Perhentian teksi dan tempat mengambil penumpang harus disediakan di kawasan tumpuan penduduk seperti kawasan pusat perniagaan, pusat membeli - belah dan kawasan perumahan bagi memenuhi keperluan penduduk.

# RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

RAJAH 4-19 : SISTEM PENGANGKUTAN AWAM




PETUNJUK:

- PERKHIDMATAN REL**
  - LALUAN REL
  - STESEN REL
- PERKHIDMATAN BAS**
  - LALUAN BAS ANTARA PRESINT
  - LALUAN BAS PENGANTARA (Feeder Bus)
  - PERHENTIAN BAS
  - PERHENTIAN TEKSI
  - KAWASAN PARK & RIDE
  - DEPOH BAS

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





#### iv Kawasan *Park and Ride*

Terdapat sebuah kawasan *Park and Ride* yang telah dicadangkan di blok Perancangan 14G, Presint 14. Kemudahan *Park and Ride* ini disediakan bagi menggalakkan pemandu-pemandu meletakkan kenderaan mereka di kawasan *Park and Ride*. Seterusnya menggunakan pengangkutan awam ke Pusat Bandar Putrajaya. Ini adalah bagi mencapai matlamat 70 peratus mod perjalanan di Pusat Bandar Putrajaya menggunakan mod pengangkutan awam bagi mengawal kesesakan lalu lintas di Putrajaya.

Pembangunan kawasan *Park and Ride* perlu dibangunkan bersama Stesen Rel untuk memastikan pertukaran mod dari kenderaan persendirian ke pengangkutan awam dapat dilaksanakan dengan mudah dan selesa. Selain itu, pembangunan kawasan *Park and Ride* ini perlu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti kawasan mengambil dan menurunkan penumpang, laluan pejalan kaki, papan-papan tanda maklumat/ tunjuk arah dan kemudahan untuk golongan kurang upaya.

#### 4.3.9.5 Cadangan Pengurusan Lalu Lintas

##### i. Cadangan Penguraian Lalu Lintas

Perancangan rangkaian jalan di kawasan Rancangan Tempatan adalah untuk meminimumkan kelewatan dan konflik sebanyak mungkin. Untuk mengurangkan kelewatan dan waktu menunggu, kebanyakan laluan keluar ke kiri jalan akan disediakan bagi mengelakkan penggunaan lampu isyarat yang akan meningkatkan masa sirkulasi trafik.

##### ii. Pengurusan Lampu Isyarat

Lampu isyarat di kawasan Rancangan Tempatan perlu dikawal oleh sistem lampu isyarat yang sensitif terhadap aliran lalu lintas dan berdasarkan kepada reka bentuk jalan sedia ada. Dengan ini, aliran lalu lintas ini dapat dikawal efisien bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Perlaksanaan dan operasi simpang-simpang berlampu isyarat untuk kawasan rancangan tempatan akan dilaksanakan secara berperingkat berpandukan keadaan trafik semasa.

##### iv. Pengurusan Keselamatan Jalan

Rangkaian jalan di kawasan Rancangan Tempatan telah dibangunkan untuk menjamin keselamatan semua pengguna jalan raya. Piawai jalan, kapasiti dan had laju adalah berdasarkan *Transport Design Guide For Putrajaya* yang relevan dengan fungsi dan lokasi jalan tersebut.

Sistem CCTV perlu disediakan di jalan-jalan utama yang strategik untuk memantau keadaan lalu lintas dan keadaan keselamatan persekitaran sedia ada. Ini adalah bertujuan untuk memastikan aliran lalu lintas yang berterusan bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dan menjaga keselamatan penduduk.

Keperluan kemudahan pejalan kaki perlu dipertimbangkan dengan teliti semasa penyediaan rangkaian jalan bagi kawasan Rancangan Tempatan. Kemudahan lintasan yang mencukupi perlu disediakan di semua hentian bas dan teksi serta stesen rel di kawasan rancangan tempatan. Kemudahan lintasan juga disediakan di kawasan yang mempunyai ramai pejalan kaki seperti kompleks pejabat kerajaan dan perumahan.

##### v. Penyediaan Papan Tanda Pandu Arah Yang Jelas

Papan tanda pandu arah yang mencukupi dan jelas perlu disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi memandu pengunjung untuk ke destinasi yang hendak dituju dengan mudah.

#### 4.3.10 Infrastruktur dan Utiliti

Kemudahan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi akan disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi memenuhi keperluan penduduk. Kemudahan infrastruktur dan utiliti yang disediakan adalah seperti berikut :

##### i. Bekalan Elektrik

Perkiraan bagi penentuan jumlah anggaran beban elektrik untuk Presint 14 dan 15 adalah berpandukan kepada yang berikut;

- Perumahan - 5 kW seunit
- Komersial - 35 w semeter persegi
- Lampu Jalan - 17 w semeter

Rangkaian kabel pembahagian elektrik utama bagi kawasan Rancangan Tempatan adalah terdiri dari jenis 33kV, 11kV dan 415v. Sebahagian besar bekalan elektrik yang dibekalkan adalah untuk kegunaan perumahan dan komersial. Bekalan elektrik ke kawasan perumahan dan komersial akan disalurkan melalui kabel bawah tanah (Rajah 4-20). Kebel-kabel ini akan direntangkan di rizab utiliti yang diperuntukkan dan dilengkapi dengan *manhole* dan sesalur (ducts) yang dibina oleh Tenaga Nasional Berhad.

Sebuah Pencawang Masuk Utama (PMU) telah beroperasi di blok 14E, Presint 14 dan sebuah lagi dirancang di blok 15G, Presint 15 bagi tujuan pembekalan elektrik voltan tinggi ke kawasan Rancangan Tempatan. Lokasi PMU di Presint 15 ini adalah sebagai indikatif sahaja dan penyelarasan akhir lokasi tapak PMU ini adalah tertakluk kepada kesesuaian aras platform tapak yang dicadangkan.

Sebuah Pencawang Pembahagian Utama (PPU) telah dikenal pasti di Zon 15A di Presint Diplomatik untuk membekalkan elektrik voltan sederhana ke kawasan Rancangan Tempatan ini. PPU ini akan disokong oleh beberapa pencawang elektrik TNB dwi-kebuk (double chamber) (11 kV) yang mencukupi bagi tujuan pembahagian bekalan elektrik.

Pencawang-pencawang elektrik voltan rendah (conventional) 11kV akan diletakkan di beberapa lokasi yang telah ditetapkan di setiap kawasan sub-presint bagi memenuhi keperluan permintaan bekalan tersebut

Pencawang elektrik dwi - kebuk jenis pelampir bangunan pula akan disediakan bagi pembangunan jenis apartmen, komersial dan bangunan kemudahan awam, sekiranya tapak khusus bagi pendirian pencawang tidak diperuntukkan.

Sistem bekalan elektrik ini perlu direka bentuk berpandukan kepada piawaian dan garis panduan yang disediakan oleh pihak - pihak berkuasa yang berkenaan seperti Jabatan Bekalan Elektrik (JBE) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

##### ii. Telekomunikasi

Kemudahan telekomunikasi yang disediakan di kawasan Rancangan Tempatan adalah seperti kemudahan telefon, telex, faksimile dan internet. Sebahagian besar perkhidmatan telekomunikasi ini adalah untuk kegunaan bagi kawasan perumahan dan komersial.




Kemudahan telekomunikasi yang disediakan akan disalurkan dari penukar (exchange) telefon yang berdekatan. Peruntukan bagi lokasi *Fibre Distribution House* (FDH) hendaklah mendapat kelulusan dari pihak Telekom Malaysia Berhad (TMB). Pembahagian dan penyambungan telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT) di dalam presint ini adalah melalui rangkaian penyambungan *manhole* dan sesalur (*ducting*) yang akan diletakkan di sepanjang rizab utiliti (Rajah 4-20).










# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-20 : ELEMEN TNB & TELEKOM



Petunjuk :


-  PENCAWANG TNB
-  PENCAWANG MASUK UTAMA (PMU) - SEDIADA
-  PENCAWANG MASUK UTAMA (PMU) - CADANGAN
-  PENCAWANG PEMBAHAGI UTAMA (PPU)
-  LALUAN KABEL TNB
-  FIBRE DISTRIBUTION HOUSE (FDH)
-  LALUAN TELEKOMUNIKASI

**NOTA:**  
LOKASI PMU DI PRESINT 15 INI ADALAH SEBAGAI INDIKATIF SAHAJA DAN PENYELERASAN AKHIR LOKASI TAPAK INI TERTAKLUK KEPADA KESESUAIAN ARAS PLATFORM YANG DICADANGKAN

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



### iii. Bekalan Gas

Bekalan gas disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi kegunaan keperluan terutamanya aktiviti perumahan dan komersial. Laluan talian paip tekanan tinggi (*high-pressure feeder pipeline*) adalah di dalam kawasan rizab utiliti. Talian paip tekanan sederhana dan rendah akan direntangkan di lokasi yang bersesuaian di sepanjang rizab jalan dengan injap penahan (*stop valve*) dan kebuk (*chamber*) bagi kemudahan penyambungan dan penyelenggaraan akan datang. Talian paip pembahagian tekanan sederhana dan rendah dari Stesen Gas Kawasan (*Area Gas Station*) diagihkan ke stesen-stesen pengatur (*regulating stations*) akan memenuhi keperluan bekalan gas ke kawasan perumahan, komersial dan struktur-struktur lain (Rajah 4-21).

Stesen Gas Daerah (*District Gas Station*), *Natural Gas Vehicle* (NGV) *outlets*, dan Stesen-stesen Kawasan (*Area Stations*) akan menyalurkan bekalan gas di dalam kawasan Rancangan Tempatan. Gas Malaysia Sdn. Bhd. (GMSB) akan menyediakan semua talian paip penyuar tekanan tinggi ke Stesen Gas Daerah, *Natural Gas Vehicle outlets*, dan Stesen-stesen Kawasan.

### iv. Sistem Perparitan dan Saliran

Sistem saliran bagi kawasan Rancangan Tempatan akan direka bentuk untuk menyalirkan larian air berasaskan Reka bentuk Keadaan Banjir (*Design Flood Condition*). Sistem saliran ini juga akan direka bentuk bagi keamatan ribut (*storm intensity*) dan tempoh berasaskan tempoh kala kembali (*return period*) yang tertentu. Sistem pengaliran air ribut (*storm-water*) ini adalah termasuk pengaliran air permukaan dan separa permukaan yang berlebihan. Air larian (*run-off*) ribut ini mestilah dikawal sewaktu dan selepas pembinaan untuk meminimumkan risiko hakisan, kerosakan harta benda dan banjir di tingkat bawah tanah dan kawasan lapang. Perangkap kelodak (*Silt Trap*) haruslah disediakan di lokasi-lokasi yang sesuai di tapak bina sewaktu peringkat pembinaan (Rajah 4-12).

Reka bentuk sistem saliran terbahagi kepada sistem saliran utama dan sistem saliran kecil. Saliran utama direka bentuk untuk mengalirkan air dari setiap kawasan tadahan kawasan pembangunan ke Tasik Putrajaya dan sungai-sungai yang sedia ada. Suatu sistem buangan teratur (*regulated discharge*) haruslah disediakan seperti kolam takungan bagi memastikan pengaliran air yang terkawal ke sungai-sungai sedia ada. Purata jeda perulangan bagi saliran-saliran ini adalah 1:100 tahun.

Reka bentuk saliran utama yang melalui atau berhampiran kawasan-kawasan penduduk dan komersial haruslah mempunyai saliran yang bertutup bawah tanah berserta 'sump' yang diperlukan. Pada asasnya, sistem saliran yang kecil adalah meliputi longkang-longkang tertutup dan pembedungan di dalam plot pembangunan individu. 'Sump' dan longkang hendaklah boleh dilalui oleh kenderaan perkhidmatan untuk kerja-kerja pembersihan. Purata jeda perulangan bagi sistem saliran kecil ini adalah dari 1:2 ke 1:10 tahun.

Air larian yang mengalir ke Tasik Putrajaya perlu dipastikan bersih untuk mengelakkan pencemaran kualiti air di tasik tersebut. Sehubungan dengan itu, Perangkap Pencemar Kasar (*Gross Pollutant Trap*) akan dibina di laluan air sebelum masuk ke tasik untuk menghindarkan pencemaran dari memasuki tasik. Laluan ke 'GPT' dan 'Silt Trap' hendaklah disediakan dan boleh dilalui oleh kenderaan perkhidmatan.

Infrastruktur saliran adalah meliputi yang berikut:-

- Paip Air Ribut (*Storm Water Pipe*)
- Saluran Terbuka (*Open Channel*)
- Saliran Tertutup (*Closed Drain*)
- Pembedung (*Culvet*)
- Lembangan Simpanan/Tahanan (*Catchment Basin*)
- Perangkap Pencemar Kasar (*Gross Pollutant Trap*)




Rangkaian sistem saliran yang dicadangkan perlulah menepati Panduan Reka bentuk Pengurusan Air Ribut Putrajaya (*Putrajaya Stormwater Management Design Guidelines*), Pelan Pengurusan dan Pembangunan Putrajaya, Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MaSMA) dan keperluan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) (Rajah 4-22).



# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-21 : GAS



Petunjuk :


SG STESEN GAS ( 12.2m X 15.2m)

LALUAN PAIP GAS

Disediakan Oleh :






PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-22 : PERPARITAN




Petunjuk :

- RIZAB SALIRAN UTAMA
- PERPARITAN

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





**v. Sistem Pembedungan**

Sistem pembedungan akan disediakan di kawasan Rancangan Tempatan bagi menampung keperluan penduduk. Reka bentuk sistem retikulasi pembedungan adalah berpandukan kepada prinsip yang dinyatakan di dalam MS1228: 1991 – *Code Of Practice Of Design And Installation Of Sewerage System*. Jumlah Penduduk Setara (*Population Equivalent*) yang diperakukan adalah berdasarkan kepada jenis kediaman atau pendudukan seperti yang dinyatakan di Table A1 – *Guideline For Developers – Sewerage Treatment Plant Design Vol. 4 1998*.

Reka bentuk sistem pembedungan (*sanitary sewer system*) memerlukan maklumat berkenaan aliran air sisa (*wastewater*), diikuti oleh reka bentuk sistem buangan individu atau sistem koleksi dan rawatan air sisa berpusat (*centralised wastewater collection and treatment system*). Reka bentuk sistem pembedungan untuk setiap presint adalah berpandukan kepada Pelan Induk Putrajaya, di mana air sisa dari setiap kawasan pembangunan itu akan dihantar ke sistem retikulasi utama, dan seterusnya ke Loji Rawatan Pembedungan (*Sewerage Treatment Plant*) sebelum kumbahan yang telah dirawat dibuang (*discharged*). Bagi maksud tersebut, satu Loji Rawatan Pembedungan 1 (STP1) telah pun diperuntukkan di Presint 14 bagi tujuan rawatan air sisa sistem pembedungan di presint ini (Rajah 4.23).

Sistem retikulasi pembedungan adalah direka bentuk berdasarkan aliran graviti. Stesen pam akan hanya diadakan di mana terdapat kekangan topografi (*topographical constraints*) atau di mana kedalaman betung (*sewer*) atau lurang (*manhole*) melebihi tujuh (7) meter.

**vi. Bekalan Air**

Kemudahan bekalan air yang mencukupi akan disediakan bagi menampung keperluan penduduk di kawasan Rancangan Tempatan. Terdapat cadangan 2 tangki air disediakan di Presint 15.

Sistem pengagihan bekalan air bagi kawasan Rancangan Tempatan merangkumi talian paip pembahagian utama, rangkaian pembahagian utama dan rangkaian pembahagian tempatan berserta stesen-stesen pam air jika diperlukan. Permintaan terhadap keperluan bekalan air dan tekanan air yang terjangka ditentukan bagi mereka bentuk sistem bekalan air yang sesuai bagi kawasan Rancangan Tempatan. Reka bentuk asas sistem bekalan air ini adalah berasaskan kepada garis panduan-garis panduan dari Jabatan Bekalan Air (JBA).

**vii. Sisa Pepejal**

Satu sistem pungutan dan pelupusan sisa pepejal yang bersih akan disediakan bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan Rancangan Tempatan. Kekerapan pungutan dan pelupusan sisa pepejal ini hendaklah selari dengan kekerapan pembuangan sisa pepejal, supaya tiada kejadian penimbunan sisa pepejal tidak mengutip berlaku.




Pengumpulan dan pungutan sampah dari kawasan komersial dan separa komersial hendaklah dilakukan setiap hari, manakala kekerapan pengambilan sisa pepejal dari kawasan perumahan haruslah sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Tempat pengumpulan sisa pepejal berpusat hendaklah disediakan bagi kawasan perumahan, komersial, pejabat dan lain-lain.

Semua sisa pepejal yang dihasilkan dari kawasan Rancangan Tempatan akan dilupuskan di tempat pelupusan di luar kawasan Putrajaya yang telah diperuntukkan. Demi menyahut seruan kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai model program kitar semula, satu program khusus kitar semula akan dilaksanakan dengan kerjasama penduduk-penduduk. Program kitar semula akan dipastikan dilakukan secara berterusan.

# RANCANGAN TEMPATAN

## PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-23 : PEMBETUNGAN & RETIKULASI AIR



Petunjuk :

- SISITEM RETIKULASI AIR
- SISTEM PEMBETUNGAN

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





**viii. Pengairan**

Kemudahan sistem pengairan bagi kawasan Rancangan Tempatan adalah penting bagi pengairan tanaman di kawasan berlandskap dan taman rekreasi awam. Sumber air pengairan haruslah dibekalkan dari sumber semula jadi dan air buangan yang telah dirawat. Bekalan air bersih yang telah dirawat dari sistem bekalan air tidak akan digunakan sebagai sumber pengairan di kawasan Rancangan Tempatan bagi menjimatkan penggunaan air dan kos operasi (Rajah 4.24).




Kemudahan pengairan ini boleh dibahagikan kepada penggunaan awam dan persendirian. Reka bentuk sistem penghantaran bekalan air bagi tujuan pengairan ini adalah melalui paip-paip yang tertanam dan direntangkan di rizab - rizab utiliti yang telah diperuntukkan. Bagi kawasan-kawasan yang sukar untuk dialirkan, penghantaran bekalan air akan dijalankan menerusi trak-trak dan pengangkutan air yang berjadual.

Keutamaan bekalan air ini hendaklah diberi kepada kawasan-kawasan landskap yang berhampiran dengan kawasan perumahan, komersial dan kawasan - kawasan kemudahan awam. Reka bentuk sistem pengairan taman - taman persendirian di lot individu, kawasan apartmen, bangunan komersial dan kawasan bangunan kemudahan awam pula haruslah menggunakan sumber air semula jadi, air buangan atau air kitar semula. Bagaimana pun, kualiti air buangan dan kitar semula ini mestilah memenuhi syarat - syarat kelayakan pengairan bagi tanaman di kawasan lapang.

Operasi pengairan tanaman di kawasan-kawasan lapang ini haruslah mengambil kira faktor - faktor kedapatan sumber - sumber bagi pengairan bagi memastikan pengairan tanaman-tanaman dapat dilakukan secara berterusan terutamanya pada musim kemarau. Reka bentuk sistem pengairan ini mestilah berpandukan kepada garis panduan dan Pelan Utama yang berkenaan.

# RANCANGAN TEMPATAN PRESINT 14 & 15 PUTRAJAYA

PELAN SUBJEK  
RAJAH 4-24 : SISTEM PENGAIRAN



Petunjuk :

 SISTEM PENGAIRAN

Disediakan Oleh :



PERBADANAN PUTRAJAYA  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA




0 10 20 30m



**LAMPIRAN :  
KELASIFIKASI GUNA TANAH  
TERPERINCI**







LAMPIRAN : KLASIFIKASI GUNA TANAH TERPERINCI

**KELAS I : PERUMAHAN**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS I (A)</b>	Perumahan Berkepadatan Rendah (1 – 8 Unit / Ekar)	1. Sesebuah 2. Berkembar
<b>KELAS I (B)</b>	Perumahan Berkepadatan Sederhana (9 – 24 Unit / Ekar)	1. Berkembar 2. Teres <i>Hyperlink</i> 3. Teres 'Cluster' 4. Teres 5. Rumah Bandar 6. Apartmen <i>Walk-Up</i>
<b>KELAS I (C)</b>	Perumahan Berkepadatan Sederhana Tinggi (25 – 50 Unit / Ekar)	1. Teres 2. Rumah Bandar 3. Apartmen
<b>KELAS I (D)</b>	Perumahan Berkepadatan Tinggi (51 – 75 Unit / Ekar)	1. Rumah Mampu Milik 2. Apartmen 3. Kondominium

**KELAS II : KERAJAAN / INSTITUSI**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS II (A)</b>	Kegunaan Kerajaan	1. Pejabat Kerajaan 2. Pejabat Separa Kerajaan 3. Pejabat Perbadanan 4. Rizab Perbadanan 5. Galeri Seni 6. Pusat Konvensyen Dan Pameran 7. Kompleks Sukan Dan Latihan 8. Muzium 9. Hotel VIP 10. Kediaman Perdana Menteri 11. Mahkamah/ Majistret 12. Organisasi Masyarakat 13. Bakti 14. Rumah Kelab Pelayaran 15. Rizab Istana 16. Kedutaan 17. Lain-Lain Kegunaan Kerajaan/Rizab

**KELAS III : KAWASAN LAPANG DAN REKREASI**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS III (A)</b>	Taman Metropolitan	1. Kawasan Lapang Awam a. Taman Permainan b. Kebun-Kebun Istimewa c. Skulptur Alam Semula Jadi 2. Kawasan Rekreasi Aktif 3. Kawasan Rekreasi Pasif 4. Taman Pendidikan 5. Tempat Letak Kereta 6. Tandas Awam 7. Kios
<b>KELAS III (B)</b>	Taman Daerah / Taman Bandar	1. Kawasan Lapang Awam 2. Kawasan Rekreasi Aktif a. Gelanggang Permainan Bola b. Kemudahan Sukan 3. Kawasan Rekreasi Pasif 4. Amphiteater 5. Tandas Awam 6. Kios
<b>KELAS III (C)</b>	Taman Tempatan	1. Kawasan Lapang Awam 2. Kawasan Rekreasi Aktif c. Gelanggang Permainan Bola d. Kemudahan Sukan 3. Saliran Semula Jadi 4. Kolam Tadahan 5. Kolam Pengimbang 6. Kawasan Tebing Tasik / Sungai
<b>KELAS III (D)</b>	Taman Kejiranan	1. Kawasan Lapang Kejiranan 2. Padang Permainan 3. Kawasan Rekreasi Aktif a. Padang Permainan b. Kemudahan Sukan 4. Kawasan Rekreasi Pasif 5. Laluan Untuk Riadah Dsb. 6. Dek Pandangan
<b>KELAS III (E)</b>	Taman Permainan	1. Padang Permainan 2. Kawasan Permainan Kanak-Kanak
<b>KELAS III (F)</b>	Jaluran/ Rangkaian Hijau	1. Kawasan Rekreasi Pasif 2. Ruang Untuk Kemudahan Awam 3. Laluan Pejalan Kaki Dan Basikal 4. Saliran 5. <i>Pocket Park</i>



**KELAS III : KAWASAN LAPANG DAN REKREASI**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS III (G)</b>	Promenade Dan Tebing Tasik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laluan Pejalan Kaki Dan Basikal</li> <li>2. Dek Pandangan</li> <li>3. Wakaf</li> <li>4. Kawasan Permainan Kanak-Kanak</li> <li>5. <i>Alfresco Dining</i></li> <li>6. Pantai (Beach)</li> <li>7. Monumen</li> <li>8. Kios</li> <li>9. Kafeteria</li> <li>10. Memancing</li> <li>11. Berkelah</li> <li>12. Gelanggang Permainan (Bola Tampar, Lawn Bowl Dll)</li> <li>13. Kawasan Senaman</li> <li>14. Laluan Berjogging</li> <li>15. <i>Casual Berth, Jeti</i></li> <li>16. Model Kawalan Jauh</li> <li>17. Litar Meluncur (Skate Park)</li> </ol>
<b>KELAS III (H)</b>	Lanskap Jalan / Zon Penampan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laluan Pejalan Kaki</li> <li>2. Lorong Basikal</li> </ol>
<b>KELAS III (I)</b>	Badan Air	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Badan Air Zon 1                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Tidak Dibenarkan Sebarang Aktiviti Rekreasi</li> <li>b. Tasik</li> <li>c. <i>Wetlands</i></li> <li>d. Kolam Tadahan Dan <i>Riparian Pond</i></li> </ol> </li> <li>2. Badan Air Zon 2                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Akses Air Terkawal</li> <li>b. Kegunaan Untuk Bot Model</li> <li>c. <i>Water Crafting</i> Kecil</li> <li>d. Berkanu Dan Berkayak</li> <li>e. Aktiviti Menangkap Ikan Tepi Tasik/Sungai Dan Atas Bot Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> </ol> </li> <li>3. Badan Air Zon 3                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Acara Sukan Air</li> <li>b. Melawat Dan Bersiar Dengan Bot</li> <li>c. Aktiviti Menangkap Ikan Tepi Tasik/Sungai Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>d. Berkanu, Berkayak, Berperahu Dayung Dan Bot Naga Untuk Acara Sukan</li> <li>e. Kenderaan Air Untuk Penyelenggaraan Tasik</li> </ol> </li> <li>4. Badan Air Zon 4                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Acara Sukan Dan Latihan Mendayung</li> <li>b. <i>Powered Leisure Boating And Small Powered Hire Boating</i></li> <li>c. Berferi, Melawat Serta Bersiar Dengan Bot</li> <li>d. Sukan Lumba <i>Junior</i> Untuk Acara Khas</li> <li>e. Aktiviti Menangkap Ikan Tepi Tasik/Sungai Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>f. <i>Special Advertised Sporting</i>, Tayangan Umum Dan Acara Keraian Dengan Permit</li> <li>g. Berkanu, Berkayak, Berperahu Dayung Dan Bot Naga Untuk Acara Sukan</li> <li>h. Jet Ski Untuk Acara Tertentu</li> <li>i. Kenderaan Air Untuk Penyelenggaraan Tasik</li> </ol> </li> </ol>

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>Kelas III (I)</b>	Badan Air	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. Badan Air Zon 5                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Acara Sukan Dan Latihan Mendayung</li> <li>b. <i>Model Sailing</i> Dan Bot Berkuasa Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>c. Sewaan Kenderaan Air Berkuasa Yang Dikayuh Untuk Bersiar-Siar Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>d. Berferi, Melawat Serta Bersiar Dengan Bot</li> <li>e. Sukan Lumba <i>Junior</i> Untuk Acara Khas</li> <li>f. Berlayar Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>g. Berkanu, Berkayak, Dan Berperahu Dayung</li> <li>h. Ski Air Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>i. <i>Parasailing Dan Towed Ride</i> Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>j. Jet Ski Dan Bot Untuk Acara Khas</li> <li>k. Bahan Paparan Kekal Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>l. <i>Special Advertised Sporting</i>, Tayangan Umum Dan Acara Keraian Dengan Permit</li> <li>m. Marin Untuk Tambatan Bot</li> <li>n. Aktiviti Menangkap Ikan Tepi Tasik/Sungai Dan Di Atas Bot Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>o. Kenderaan Air Untuk Penyelenggaraan Tasik</li> </ol> </li> <li>6. Badan Air Zon 6                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Laluan Awam Dan Aktiviti Rekreasi Adalah Dilarang Di Kawasan Yang Dikhaskan Sebagai Habitat Ikan</li> <li>b. Berkanu, Berkayak, Dan Berperahu Dayung</li> <li>c. Latihan Sukan Mengayuh Dan Mendayung</li> <li>d. Bot Sewa Berkuasa Kecil</li> <li>e. <i>Powered Leisure Boating</i></li> <li>f. Memancing Di Atas Bot</li> <li>g. Aktiviti Menangkap Ikan Di Tempat-Tempat Yang Dikhaskan</li> <li>h. Acara Memancing Tertentu</li> <li>i. Kenderaan Air Untuk Penyelenggaraan Tasik</li> </ol> </li> </ol>
<b>Kelas III (J)</b>	Boulevard	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kawasan Lapang Awam</li> <li>2. Kawasan Rekreasi Pasif</li> <li>3. Tempat Berteduh Untuk Berehat</li> <li>4. Tandas Awam Dan Pondok Telefon</li> <li>5. Kios</li> </ol>

**KELAS IV : KOMERSIAL**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS IV (A)	Komersial Utama	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jualan Runcit Pelbagai                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Jualan Runcit Segala Jenis Bijirin, Beras, Bahan-Bahan Makanan Lain, Sayur-Sayuran, Buah-Buahan, Makanan Sampingan Dan Barangan Rumah</li> <li>b. Kedai Serbaneka</li> </ol> </li> <li>2. Kompleks Membeli-Belah                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>One-Stop-Centre</i></li> </ol> </li> <li>3. Jualan Runcit Makanan Dan Minuman                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Daging Dan Ayam</li> <li>b. Ikan (Segar, Beku, Kering/Bergaram)</li> <li>c. Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran</li> <li>d. Kedai Kek, Biskut, Roti Dan Lain-Lain</li> <li>e. Beras, Bijirin Lain Dan Gandum</li> <li>f. Tembakau, Cerut, Rokok Dll.</li> <li>g. Minuman</li> </ol> </li> <li>4. Jualan Runcit Barangan Isi Rumah Dan Peribadi                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Barangan Rumah, Dapur, Tembikar, Gelas, Hiasan Dll.</li> <li>b. Barangan Elektrik Dan Bukan Elektrik (Termasuk Rekod, Alat-Alat Muzik, Mesin Jahit Dan Lain-Lain Alatan Rumah)</li> <li>c. Perabot, Kelengkapan Dan <i>Covering</i> Lantai</li> <li>d. Pakaian, Kain, Linen, Tuala Dll.</li> <li>e. Kasut, Alas Kaki Dan Barangan Kulit</li> <li>f. Kosmetik, Barangan Jagaan Dan Hiasan Diri Termasuk Ubatan</li> <li>g. Buku, Alat Tulis, Akhbar Dan Majalah</li> <li>h. Barang Kemas, Jam, Barangan Perak Dll.</li> <li>i. Jualan Pokok Dan Bunga</li> <li>j. Jualan Dan Pembaikan Kaca Mata Dan Alatan Optik</li> <li>k. Farmasi / Kedai Ubat</li> </ol> </li> <li>5. Restoran                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Restoran</li> <li>b. Kafeteria, Kedai Kopi Dan Kedai Makan</li> </ol> </li> <li>6. Institusi Perniagaan Dan Kewangan                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Bank Dan Institusi Kewangan</li> <li>b. Insurans</li> <li>c. Hartanah Dan Lain-Lain Perniagaan</li> <li>d. Agensi Broker Saham</li> </ol> </li> <li>7. Perkhidmatan Profesional                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perkhidmatan Perubatan</li> <li>b. Perkhidmatan Pergigian</li> <li>c. Perkhidmatan Guaman</li> <li>d. Perakaunan, Audit Dan Belanjawan</li> <li>e. Perkhidmatan Komputer</li> <li>f. Perkhidmatan Kejuruteraan</li> <li>g. Perkhidmatan Seni Bina</li> <li>h. Perkhidmatan Pengiklanan</li> <li>i. Perkhidmatan Penilaian</li> <li>j. Perkhidmatan Perunding</li> </ol> </li> </ol>

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS IV (A)	Komersial Utama	<ol style="list-style-type: none"> <li>8. Perkhidmatan Peribadi Dan Isi Rumah                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kedai Gunting, Salun Kecantikan Dan Kesihatan</li> <li>b. Kedai Jahit Dan Membuat Pakaian</li> <li>c. Studio Fotografi</li> <li>d. Agensi Pemandu Pelancong</li> <li>e. Kedai Pajak Gadai</li> <li>f. Pengurup Wang</li> <li>g. Pejabat Pos Awam</li> <li>h. Agensi Sewa Kereta</li> <li>i. Agensi- Agensi (Pengeksportan, Perkapalan, Berita, Pelancongan, Pengiklanan Dan Pameran Umum)</li> <li>j. Perkhidmatan Dobi Dan Cucian Kering</li> </ol> </li> <li>9. Perkhidmatan Hiburan                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Panggung Wayang Dan Teater</li> <li>b. Pusat Hiburan Keluarga</li> <li>c. Pusat Penjagaan Kesihatan (Health Care)</li> <li>d. Pusat Kecergasan Seperti Senam Aroebik, Yoga Dan Pusat Tarian</li> <li>e. Pusat /Arked Video</li> <li>f. Pusat Karaoke</li> <li>g. Pusat Snuker Dan Billard</li> <li>h. Pusat Siber</li> <li>i. Pusat Bowling</li> </ol> </li> <li>10. Jualan Runcit Video, CD Dan Kaset</li> <li>11. Perkhidmatan Pembelajaran Swasta                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Universiti Swasta</li> <li>b. Kolej Swasta</li> <li>c. Pusat Tuisyen</li> </ol> </li> <li>12. Kemudahan Dewan Persidangan</li> <li>13. Pejabat Korporat</li> <li>14. Kelab Rekreasi Keluarga Swasta</li> <li>15. Jualan Dan Pembaikan Basikal                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Basikal Dan Bahagian-Bahagiannya</li> <li>b. Minyak Pelincir Dll</li> <li>c. Pembaikan Dll.</li> </ol> </li> <li>16. Hotel                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hotel</li> <li>b. Hotel Bajet</li> <li>c. Motel Dan Hostel</li> <li>d. <i>Service Apartment</i></li> </ol> </li> </ol>



**KELAS IV : KOMERSIAL**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS IV (B)	Pusat Separa Komersial	1. Jualan Runcit Pelbagai a. Jualan Runcit Segala Jenis Bijirin, Beras, Bahan-Bahan Makanan Lain, Sayur-Sayuran, Buah-Buahan, Makanan Sampingan Dan Barangan Rumah b. Kedai Serbaneka  2. Gedung Membeli-Belah a. <i>One-Stop-Centre</i>  3. Jualan Runcit Makanan Dan Minuman a. Daging Dan Ayam b. Ikan (Segar, Beku, Kering/Bergaram) c. Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran d. Kedai Kek, Biskut, Roti Dan Lain-Lain e. Beras, Bijirin Lain Dan Gandum f. Tembakau, Cerut, Rokok Dll. g. Minuman  4. Jualan Runcit Barangan Isi Rumah Dan Peribadi a. Barangan Rumah, Dapur, Tembikar, Gelas, Hiasan Dll. b. Barangan Elektrik Dan Bukan Elektrik (Termasuk Rekod, Alat-Alat Muzik, Mesin Jahit Dan Lain-Lain Alatan Rumah) c. Perabot, Kelengkapan Dan Liputan Lantai d. Pakaian, Kain, Linen, Tuala Dll. e. Kasut, Alas Kaki Dan Barangan Kulit f. Kosmetik, Barangan Jagaan Dan Hiasan Diri Termasuk Ubatan g. Buku, Alat Tulis, Akhbar Dan Majalah h. Barang Kemas, Jam, Barangan Perak Dll. i. Jualan Bunga Dan Pokok Semaian j. Jualan Serta Pembaikan Kaca Mata Dan Alatan Optik k. Akuarium Dan Kedai Binatang Peliharaan l. Farmasi / Kedai Ubat m. Kedai Cenderamata  5. Restoran a. Restoran b. Kafeteria, Kedai Kopi Dan Kedai Makan  6. Institusi Perniagaan Dan Kewangan a. Bank Dan Institusi Kewangan b. Insurans c. Hartanah Dan Perniagaan Lain-Lain d. Agensi Broker Saham  7. Perkhidmatan Profesional a. Perkhidmatan Perubatan b. Perkhidmatan Pergigian c. Perkhidmatan Guaman d. Perakaunan, Audit Dan Belanjawan e. Perkhidmatan Komputer f. Perkhidmatan Kejuruteraan g. Perkhidmatan Seni Bina h. Perkhidmatan Pengiklanan i. Perkhidmatan Penilaian j. Klinik Veterinar

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS IV (B)	Pusat Separa Komersial	8. Perkhidmatan Peribadi Dan Isi Rumah a. Kedai Gunting, Salun Kecantikan Dan Kesihatan b. Kedai Jahit Dan Membuat Pakaian c. Studio Fotografi d. Agensi Pemandu Pelancong e. Kedai Pajak Gadaai f. Pengurup Wang g. Perkhidmatan Pengebumian  9. Perdagangan Runcit Kenderaan Bermotor a. Kereta (Penumpang) Baru Dan Terpakai b. Motosikal Dan Bahagiannya c. Jet Ski Dan Bot  10. Jualan Borong Barangan Isi Rumah Dan Peribadi a. Barangan Rumah, Dapur, Dll. b. Barangan Elektrik Dan Bukan Elektrik (Termasuk Alat-Alat Muzik, Mesin Jahit Dll.) c. Perabot, Kelengkapan Rumah Dan Liputan Lantai d. Pakaian, Kain, Linen, Tuala Dll. e. Kasut, Alas Kaki Dan Barangan Kulit f. Ubatan, Kosmetik Dan Barangan Jagaan Diri g. Buku, Alatulis, Akhbar Dan Majalah h. Kelengkapan Serta Alatan Pejabat i. Barang Kemas, Jam, Barang Perak Dll.  11. Jualan Video, CD Dan Kaset  12. Perkhidmatan Pembelajaran Swasta a. Universiti Swasta b. Kolej Swasta c. Pusat Tuisyen  13. Perkhidmatan Hiburan a. Panggung Wayang Dan Teater b. Pusat Hiburan Keluarga c. Pusat Penjagaan Kesihatan (Health Care) d. Pusat Kecergasan Seperti Senam Aroebik, Yoga Dan Pusat Tarian e. Pusat / Arked Video f. Pusat Karaoke g. Pusat Snoker Dan Billard h. Pusat Siber i. Pusat Bowling  14. Perdagangan Terhad a. Pejabat b. Runcit c. Perumahan  15. Jualan Dan Pembaikan Basikal a. Basikal Dan Bahagian-Bahagiannya b. Minyak Pelincir Dll c. Pembaikan Dll.  17. Hotel a. Hotel b. Hotel Bajet c. Motel Dan Hostel d. <i>Service Apartmen</i>

**KELAS IV : KOMERSIAL**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS IV (C)</b>	Pusat Komersial Kejiranan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jualan Runcit Pelbagai                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Jualan Runcit Segala Jenis Bijirin, Beras, Bahan-Bahan Makanan Lain, Sayur-Sayuran, Buah-Buahan, Makanan Sampingan Dan Barangan Rumah</li> <li>b. Kedai Serbaneka</li> </ol> </li> <li>2. Pasar Raya                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>One-Stop-Centre</i></li> </ol> </li> <li>3. Jualan Runcit Makanan Dan Minuman                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Daging Dan Ayam</li> <li>b. Ikan (Segar, Beku, Kering/Bergaram)</li> <li>c. Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran</li> <li>d. Kedai Kek, Biskut, Roti Dan Lain-Lain</li> <li>e. Beras, Bijirin Lain Dan Gandum</li> <li>f. Tembakau, Cerut, Rokok Dll.</li> <li>g. Minuman</li> </ol> </li> <li>4. Jualan Runcit Barangan Isi Rumah Dan Peribadi                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Barangan Rumah, Dapur, Tembikar, Gelas, Hiasan Dll.</li> <li>b. Barangan Elektrik Dan Bukan Elektrik (Termasuk Rekod, Alat-Alat Muzik, Mesin Jahit Dan Lain-Lain Alatan Rumah)</li> <li>c. Perabot, Kelengkapan Dan Liputan Lantai</li> <li>d. Pakaian, Kain, Linen, Tuala Dll.</li> <li>e. Kasut, Alas Kaki Dan Barangan Kulit</li> <li>f. Kosmetik, Barangan Jagaan Dan Hiasan Diri Termasuk Ubatan</li> <li>g. Buku, Alat Tulis, Akhbar Dan Majalah</li> <li>h. Barang Kemas, Jam, Barangan Perak Dll</li> <li>i. Jualan Bunga Dan Pokok Semaian</li> <li>j. Jualan Dan Pembaikan Kaca Mata Dan Alatan Optik</li> <li>k. Akuarium Dan Kedai Binatang Peliharaan</li> <li>l. Farmasi/ Kedai Ubat</li> <li>m. Cenderamata</li> </ol> </li> <li>5. Restoran                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Restoran</li> <li>b. Kafeteria, Kedai Kopi Dan Kedai Makan</li> </ol> </li> <li>6. Jualan Dan Pembaikan Basikal                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Basikal Dan Bahagian-Bahagiannya</li> <li>b. Minyak Pelincir Dll</li> <li>c. Pembaikan Dll.</li> </ol> </li> <li>7. Perkhidmatan Peribadi                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perkhidmatan Dobi Dan Cucian Kering</li> <li>b. Kedai Gunting Dan Salun Kecantikan</li> <li>c. Kedai Jahit Dan Pembuatan Pakaian</li> <li>d. Studio Fotografi</li> <li>e. Agensi Pemandu Pelancong</li> <li>f. Kedai Pajak Gadai</li> <li>g. Pengurup Wang</li> <li>h. Perkhidmatan Pengebumian</li> </ol> </li> </ol>

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS IV (C)</b>	Pusat Komersial Kejiranan	<ol style="list-style-type: none"> <li>8. Perkhidmatan Profesional                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perkhidmatan Perubatan (Klinik Swasta Sahaja)</li> <li>b. Perkhidmatan Pergigian</li> <li>c. Farmasi/Kedai Ubat</li> <li>d. Klinik Veterinar</li> </ol> </li> <li>9. Video, CD Dan Kaset</li> <li>10. Perkhidmatan Pembelajaran Swasta</li> <li>11. Institusi Perniagaan Dan Kewangan                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Bank Dan Institusi Kewangan</li> <li>b. Insurans</li> <li>c. Hartanah Dan Perniagaan-Perniagaan Lain</li> <li>d. Agensi Broker Saham</li> </ol> </li> </ol>
<b>KELAS IV (D)</b>	Pusat Komersial Tempatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jualan Runcit Pelbagai                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Jualan Runcit Segala Jenis Bijirin, Beras, Bahan-Bahan Makanan Lain, Sayur-Sayuran, Buah-Buahan, Makanan Sampingan Dan Barangan Rumah</li> <li>b. Kedai Serbaneka</li> </ol> </li> <li>2. Jualan Runcit Makanan Dan Minuman                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Daging Dan Ayam</li> <li>b. Ikan (Segar, Beku, Kering/Bergaram)</li> <li>c. Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran</li> <li>d. Kedai Kek, Biskut, Roti Dan Lain-Lain</li> <li>e. Beras, Bijirin Lain Dan Gandum</li> <li>f. Tembakau, Cerut, Rokok Dll.</li> <li>g. Minuman</li> </ol> </li> <li>3. Buku, Alat Tulis, Surat Khabar Dan Majalah, Jualan</li> <li>4. Perkhidmatan Peribadi                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kedai Gunting/ Salun Rambut</li> <li>b. Perkhidmatan Dobi Dan Cucian Kering</li> <li>c. Jualan Pokok Dan Bunga</li> <li>d. Farmasi/Kedai Ubat</li> </ol> </li> <li>5. Perkhidmatan Profesional Perkhidmatan Perubatan (Klinik Swasta)</li> </ol>



**KELAS IV : KOMERSIAL**

**KELAS V : INDUSTRI**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS IV (E)</b>	Kegunaan Bercampur	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jualan Runcit Pelbagai                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Jualan Runcit Segala Jenis Bijirin, Beras, Bahan-Bahan Makanan Lain, Sayur-Sayuran, Buah-Buahan, Makanan Sampingan Dan Barangan Rumah</li> <li>b. Kedai Serbaneka</li> </ol> </li> <li>2. Gedung Membeli-Belah</li> <li>3. Jualan Runcit Makanan Dan Minuman                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Daging Dan Ayam</li> <li>b. Ikan (Segar, Beku, Kering/Bergaram)</li> <li>c. Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran</li> <li>d. Kedai Kek, Biskut, Roti Dan Lain-Lain</li> <li>e. Beras, Bijirin Lain Dan Gandum</li> <li>f. Tembakau, Cerut, Rokok Dll.</li> <li>g. Minuman</li> </ol> </li> <li>4. Restoran                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Restoran</li> <li>b. Kafeteria, Kedai Kopi Dan Kedai Makan</li> </ol> </li> <li>5. Institusi Perniagaan Dan Kewangan                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Bank Dan Institusi Kewangan</li> <li>b. Insurans</li> <li>c. Hartanah Dan Lain-Lain Perniagaan</li> </ol> </li> <li>6. Perkhidmatan Profesional                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perkhidmatan Perubatan</li> <li>b. Perkhidmatan Pergigian</li> <li>c. Perkhidmatan Guaman</li> <li>d. Perakaunan, Audit Dan Belanjawan</li> <li>e. Perkhidmatan Komputer</li> <li>f. Perkhidmatan Kejuruteraan</li> <li>g. Perkhidmatan Seni Bina</li> <li>h. Perkhidmatan Pengiklanan</li> <li>i. Perkhidmatan Penilaian</li> <li>j. Galeri Seni</li> </ol> </li> <li>7. Perkhidmatan Peribadi Dan Isi Rumah                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kedai Gunting, Salun Kecantikan Dan Kesihatan</li> <li>b. Kedai Jahit Dan Membuat Pakaian</li> <li>c. Studio Fotografi</li> <li>d. Agensi Pemandu Pelancong</li> <li>e. Kedai Pajak Gadai</li> <li>f. Pengurup Wang</li> <li>g. Perkhidmatan Dobi Dan Cucian Kering</li> </ol> </li> <li>8. Perumahan                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perumahan Berkepadatan Sederhana</li> <li>b. Perumahan Berkepadatan Sederhana Tinggi</li> <li>c. Perumahan Berkepadatan Tinggi</li> </ol> </li> <li>9. Hotel                             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hotel</li> <li>b. Budget Hotel</li> <li>c. Motel Dan Hostel</li> <li>d. <i>Service Apartment</i></li> </ol> </li> </ol>

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
<b>KELAS V (A)</b>	Perkhidmatan Dan Pembaikan Motor	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kelengkapan Kenderaan Bermotor, Aksesori Dan Alat Ganti (Jualan Dan Pemasangan)</li> <li>2. Bengkel Kenderaan</li> <li>3. Bateri: Mengecas Dan Membaiki</li> <li>4. Bot (Jualan, Penyimpanan Dan Pembaikan)</li> <li>5. Mencuci Dan Menggilap Kereta</li> <li>6. Pusat Membaiki Tayar</li> <li>7. Tayar – Termasuk Mengimbang Dan Menyelarikan Tayar (Jualan Dan Penyimpanan)</li> <li>8. Bengkel Membaiki Kereta, Motosikal Dan Mesin</li> <li>9. Memasang Penghawa Dingin Di Kenderaan Bermotor</li> <li>10. Tempat Menjual Dan Membaiki Basikal</li> </ol>
<b>KELAS V (B)</b>	Pemasangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perabot (Pemasangan, Jualan Dan Penyimpanan)</li> <li>2. Stor Rotan (Jualan Dan Penyimpanan)</li> <li>3. Membuat Bingkai (Jualan, Penyimpanan Dan Pembuatan)</li> <li>4. Memotong Kaca Dan Memasang Bingkai Gambar</li> </ol>
<b>KELAS V (C)</b>	Pengeluaran Makanan Dan Minuman	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membuat Roti (Secara Besar-Besaran)</li> <li>2. Industri Membuat Biskut</li> <li>3. Kilang Membotolkan Air</li> <li>4. Industri Memproses Makanan</li> <li>5. Aktiviti- Aktiviti Lain Pengeluaran Makanan Dan Minuman</li> </ol>
<b>KELAS V (D)</b>	Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Percetakan (Berskala Kecil)</li> <li>2. Stesen Bas/Teksi/Monorel</li> <li>3. Cucian Kering</li> <li>4. Alatan Elektrik; Pembaikan</li> <li>5. Pengawalan Haiwan Perosak</li> <li>6. Pemasangan Dan Pembaikan Paip Dan Tangki</li> <li>7. Jualan Dan Pembaikan Bahan Logam</li> <li>8. Alatan Sainifik (Pembaikan)</li> <li>9. Jubin, Kepingan Marmar Dan Bahan-Bahan Berkaitan</li> <li>10. 'Point' Dan Bahan Berkaitan</li> <li>11. Jualan Dan Penyimpanan</li> <li>12. Kerja-Kerja Kimpalan</li> </ol>

**KELAS V : INDUSTRI**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS V (E)	Kerja-Kerja Pengeluaran, Pameran Perabot Dan Kelengkapan Rumah	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tempat Membuat, Menjual Dan Pusat Pameran Perabot</li> <li>Tempat Menjual Dan Pusat Pameran Perabot Rotan</li> </ol>
KELAS V (F)	Gudang Dan Tempat Menyimpan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Acetylene, Oxygen Dan Lpg</li> <li>Tempat Menyimpan Dan Menjual Aloi Dan Amalgam Termasuk Hasil Logam Lain</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Baja</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Makanan</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Kabel Dan Wayar</li> <li>Tempat Menyimpan Dan Menjual Arang, Kot Dan Bahan-Bahan Lain Yang Berkaitan</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Bahan Pencuci, Produk Mencuci Dan Lain-Lain Perkara Yang Berkaitan</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Kerja-Kerja Sulaman</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Produk Fiberglass</li> <li>Tempat Menyimpan Dan Menjual Flammable Gas</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Godowns</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Produk Pembinaan Dan Alat-Alat Logam (Hardware)</li> <li>Tempat Menyimpan Dan Menjual Bahan Kimia Untuk Pertanian (Racun)</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan Papan Lapis</li> </ol>
KELAS V (G)	Perkhidmatan Pelanggan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan Membuat Papan Pengiklanan</li> <li>Perkhidmatan Mencetak Dan Menjilid Buku</li> <li>Perkhidmatan Dobi</li> <li>Perkhidmatan Membaiki Peralatan Elektrik</li> <li>Perkhidmatan Kawalan Serangga</li> <li>Perkhidmatan Membaiki Dan Memasang Paip</li> <li>Perkhidmatan Membuat Baju'</li> <li>Perkhidmatan Membuat Barangan Kulit</li> </ol>
KELAS V (H)	Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menjual Barang-Barang Pembinaan 'Hardware'</li> <li>Tempat Menjual Dan Menyimpan 'Tiles, Marbles Slabs' Dan Perkara-Perkara Lain Yang Berkaitan</li> <li>Kerja-Kerja Pengimpalan</li> </ol>

**KELAS VI : INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS VI (A)	Bekalan Elektrik	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sesalur Bekalan Elektrik</li> <li>Talian Penghantar Atas</li> <li>Pencawang Masuk Utama (PMU)</li> <li>Pencawang Pembahagi Utama (PPU)</li> <li>Pencawang Elektrik (Pe)</li> <li>Feeder Pillar</li> </ol>
KELAS VI (B)	Bekalan Air	<ol style="list-style-type: none"> <li>Saluran Paip Air</li> <li>Kolam Tadahan Air</li> <li>Tangki Air</li> <li>Stesen Pam Air</li> <li>Loji Rawatan Air</li> </ol>
KELAS VI (C)	Pembetulan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Stesen Pam Pembetulan Utama</li> <li>Stesen Pam Pembetulan</li> <li>Loji Rawatan Pembetulan</li> </ol>
KELAS VI (D)	Telekomunikasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sesalur Telekomunikasi</li> <li>Ibu Sawat Telekom</li> <li>Menara / Rumah Pengagihan Fiber (FDH)</li> </ol>
KELAS VI (E)	Sisa Pepejal	<ol style="list-style-type: none"> <li>Stesen Pemindahan/Transfer Station</li> <li>Drop Off Centre</li> <li>Bin House (Drop Off Point)</li> </ol>
KELAS VI (F)	Bekalan Gas	<ol style="list-style-type: none"> <li>Rizab Saluran Paip Gas Petronas</li> <li>Rizab Saluran Paip Multi Product</li> <li>Stesen Gas Daerah</li> <li>Stesen Gas Kawasan</li> </ol>
KELAS VI (G)	Gas District Cooling (GDC)	<ol style="list-style-type: none"> <li>District Cooling Centre</li> </ol>
KELAS VI (H)	Saliran	<ol style="list-style-type: none"> <li>Rizab Saliran</li> <li>Perangkap Bahan Pencemar Kasar</li> <li>Perangkap Minyak Dan Gris</li> <li>Saliran – Sump</li> </ol>
KELAS VI (I)	Pengangkutan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Rizab Monorel</li> <li>Rizab ERL</li> <li>Stesen/Hentian Monorel</li> <li>Stesen Ibu Pejabat Monorel</li> <li>Park &amp; Ride (Tempat Letak Kenderaan Di Permukaan, Bertingkat, 'Basement')</li> <li>Perhentian/Stesen</li> <li>Perhentian/Stesen Teksi</li> <li>Lay-By Bas Dan Teksi</li> <li>Tempat Letak Kenderaan</li> <li>Casual Berth</li> <li>Terminal Feri</li> </ol>
KELAS VI (J)	Jalan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Rizab Jalan</li> <li>Lorong / Jalan Kecemasan</li> <li>Bulatan / Cul-De-Sac</li> <li>Jambatan</li> </ol>
KELAS VI (K)	Common Utility Tunnel (CUT)	<ol style="list-style-type: none"> <li>CUT</li> <li>CUT Local Action Centre</li> <li>CUT Ventilation Ducts</li> </ol>
KELAS VI (L)	Pengairan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Rizab Pengairan</li> <li>Stesen Pam</li> <li>Kolam Tadahan Air</li> <li>Booster Pump</li> <li>Paip Pengairan</li> </ol>



**KELAS VII : KEMUDAHAN AWAM**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS VII (A)	Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pusat Jagaan Kanak-Kanak (Taska)</li> <li>2. Tadika</li> <li>3. Sekolah Rendah</li> <li>4. Sekolah Menengah</li> <li>5. Kompleks Sekolah (Rendah Dan Menengah)</li> <li>6. Sekolah Agama</li> <li>7. Kolej Awam</li> <li>8. Universiti Awam</li> <li>9. Sekolah Khas</li> <li>10. Sekolah Antara Bangsa</li> </ol>
KELAS VII (B)	Kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hospital</li> <li>2. Klinik Kesihatan</li> <li>3. Pusat Orang Kurang Upaya (Kerajaan, Bukan Kerajaan)</li> <li>4. Hospital Pemulihan</li> </ol>
KELAS VII (C)	Perkhidmatan Kecemasan dan Keselamatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ibu Pejabat Polis</li> <li>2. Pejabat Polis</li> <li>3. Pondok Polis</li> <li>4. Balai Bomba</li> <li>5. Polis Marin</li> <li>6. Unit Polis Berkuda</li> </ol>
KELAS VII (D)	Kegunaan Keagamaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Masjid</li> <li>2. Surau</li> <li>3. Kegunaan Agama Lain (Gereja, Kuil Dll.)</li> </ol>
KELAS VII (E)	Kemudahan-Kemudahan lain	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Balai Raya</li> <li>2. Dewan Serba Guna</li> <li>3. Perpustakaan</li> <li>4. Pusat Maklumat</li> <li>5. Kemudahan Sivik Dan Kebudayaan</li> <li>6. Tandas Awam</li> <li>7. Pasar</li> <li>8. Medan Selera</li> <li>9. Kompleks Kejiranan</li> <li>10. Medan Pasar Malam/Pasar Tani</li> <li>11. Kompleks Sukan Mini</li> <li>12. Kelab Rekreasi Awam (Kolam Renang, Gimnasium Dll.)</li> <li>13. Pejabat Pos</li> <li>14. Kemudahan Bagi Pembayaran Bil</li> <li>15. Perkhidmatan Sewa, Menjual Dan Membaiki Basikal</li> <li>16. Pusat Perkhidmatan Perbandaran</li> <li>17. Pusat Kemudahan Rekreasi Bandar</li> <li>18. Tempat Membasuh Kenderaan</li> <li>19. Bilik Pembacaan</li> <li>20. Pejabat Pengurusan</li> <li>21. Pejabat Penyelenggaraan</li> <li>22. Kolam Renang</li> <li>23. Gerai, Kios</li> <li>24. Padang Bola Dan Pusat Rekreasi</li> <li>25. Pusat Kemudahan Rekreasi Air</li> <li>26. Bazar</li> <li>27. Kemudahan Aktiviti Permainan Layang-Layang</li> <li>28. Kemudahan Model Kawalan Jauh</li> </ol>
KELAS VII (F)	Perkuburan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkuburan Islam</li> <li>2. Perkuburan Cina</li> <li>3. Perkuburan Kristian</li> <li>4. Perkuburan Hindu</li> <li>5. Kemudahan Pengebumian (<i>Parlour House, Krematorium</i> Dll.)</li> </ol>

**KELAS VIII : KEGUNAAN KHAS**

KELAS GUNA TANAH	GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI
KELAS VIII (A)	Terminal Pengangkutan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bangunan Terminal Untuk ERL, Monorel, Bas Dan Teksi</li> <li>2. Ruang Pejabat Dan Jualan Runcit</li> <li>3. Hotel Bajet</li> <li>4. Makanan Dan Minuman</li> <li>5. Tempat Letak Kereta/Stesen Park &amp; Ride</li> <li>6. Depot Monorel</li> <li>7. Depot bas</li> </ol>
KELAS VIII (B)	Stesen Minyak	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjual Petrol, Diesel, NGV</li> <li>2. Kedai Serbaneka (Convenience Shop)</li> <li>3. Pusat Servis Kenderaan</li> <li>4. Mencuci Dan Menggilap Kenderaan</li> <li>5. Pusat Servis Tayar</li> </ol>
KELAS VIII (C)	Western Recreation Centre	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Taman Rekreasi – Aktiviti Aktif Dan Pasif</li> <li>2. Aktiviti Meluncur <i>In Line Skate</i></li> <li>3. Kawalan Jauh</li> <li>4. Pusat <i>Go-Kart</i></li> <li>5. Pusat Pameran Dan Ekspo Terbuka</li> <li>6. Restoran/Medan Selera</li> <li>7. Kedai Cenderamata</li> <li>8. Pejabat Pengurusan</li> <li>9. Kemudahan Awam</li> <li>10. Tandas</li> <li>11. Tempat Letak Kenderaan</li> </ol>
KELAS VIII (D)	Pusat Pentadbiran Dan <i>Emergency Response Centre</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pentadbiran Dan Pengurusan</li> <li>2. Pengfailan</li> <li>3. Bilik Mesyuarat</li> <li>4. Bilik Persidangan</li> <li>5. Bilik Komunikasi</li> <li>6. Bilik EDP</li> <li>7. Pusat Latihan</li> <li>8. Kawasan VIP</li> <li>9. Bengkel</li> <li>10. Pusat Pameran</li> <li>11. Kawasan Penyimpanan</li> <li>12. Lobi</li> <li>13. Tempat Menunggu</li> <li>14. Pantri</li> <li>15. Tandas</li> <li>16. Menara</li> <li>17. Marina</li> <li>18. Landskap</li> <li>19. Tempat Memerhati</li> <li>20. Tempat Letak Kenderaan</li> </ol>
KELAS VIII (E)	Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kolej Swasta</li> <li>2. Universiti Swasta</li> <li>3. Sekolah Swasta</li> <li>4. Sekolah Khas</li> <li>5. Sekolah Antarabangsa</li> </ol>
KELAS VIII (F)	Kedutaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pejabat Kedutaan/ Perumahan Kedutaan</li> <li>2. Pejabat Chanseri (Chanseri Place)</li> <li>3. Pusat Pelawat (Visitor Centre)</li> </ol>



